

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 30

Khamis

21 Jun 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Insiden Rompakan dan Rogol Berkumpulan Yang Ganas di Johor Baharu	
- <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)</i>	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007	(Halaman 48)
Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007	(Halaman 63)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 102)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Dasar Bahasa Dalam Sistem Pendidikan	
- <i>Y.B. Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu)</i>	(Halaman 103)
Harga Barang Naik Ekoran Kenaikan Gaji Kakitangan Awam	
- <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 106)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 21 Jun 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan kerajaan seterusnya memandangkan bahawa indeks rasuah yang diberikan oleh Transparency International (IT) kepada Malaysia semakin meningkat berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Singapura memandangkan YAB Perdana Menteri menekankan pentingnya membanteras rasuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Walaikumsalam. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya indeks persepsi tahap rasuah atau pun dalam Bahasa Inggerisnya *Corruption Perception Index* atau ringkasnya CPI digunakan sebagai kayu pengukur, memang tidak boleh dinafikan ada kemerosotan dalam kedudukan dan *score* yang diperoleh bagi tahun 2006 berbanding dengan tahun 2005.

Untuk tahun 2005, Malaysia ditempatkan di tangga ke-39 daripada 159 buah negara. Manakala untuk tahun 2006, Malaysia disenaraikan di tangga ke-44, tetapi negara yang dikajikan lebih banyak iaitu 163 buah negara. Dari *score* pula terdapat sedikit penurunan dalam *score* yang diperoleh iaitu dari 5.1 tahun 2005 kepada 5.0 tahun 2006.

CPI yang dikeluarkan tidak mencerminkan keadaan yang sebenar tahap rasuah di negara ini. Tambahan pula laporan tersebut adalah merupakan kajian persepsi semata-mata dan dengan itu amat berbeza daripada realiti sebenarnya, *on the ground* dengan izin. Namun begitu, persepsi negatif tersebut perlu diterima sebagai peringatan bagi menyedarkan dan menyuntik semangat kepada semua lapisan masyarakat untuk berusaha dengan lebih gigih lagi ke arah membasmi rasuah dan melahirkan lebih ramai insan berhati mulia dan berjiwa luhur di dalam negara.

Bagi memperbaiki indeks persepsi rasuah tersebut, kerajaan akan melipatgandakan usaha pambanteras rasuah melalui pelbagai pendekatan khususnya dari aspek perundangan, khidmat rundingan dan pendidikan masyarakat di pelbagai peringkat sama ada di sektor awam, swasta dan masyarakat umum. Di samping itu usaha untuk memperbaiki kedudukan negara dalam CPI akan turut dilaksanakan melalui:

- (i) usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan khususnya yang melibatkan sektor ekonomi;
- (ii) menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan GLC dan sektor swasta dalam konteks pencegahan rasuah dan pengukuhan integriti; dan
- (iii) mendapatkan kerjasama *key communicator* daripada pelbagai sektor dalam dan luar negara untuk membantu mengubah persepsi.

Datin Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab mengatakan memang diakui bahawa kedudukan Malaysia memang merosot berbanding dengan prestasi negara-negara jiran seperti Singapura yang kekal pada tangga lima tahun 2005 dan 2006, Indonesia yang meningkat tujuh tangga daripada 137 kepada 130 dan Vietnam yang jatuh empat tangga daripada 107 pada 2005 kepada tangga ke 111 pada 2006.

Hal ini lebih merunsingkan apabila diambil kira Kempen Anti Rasuah yang telah menjadi moto kempen Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa pilihan raya umum yang ke-11. Tambahan lagi janji PM untuk memerangi rasuah secara habis-habisan. Kebelakangan ini kita telah melihat beberapa tuduhan yang amat serius seperti penyiasatan Badan Pencegah Rasuah sendiri atas tuduhan media Jepun dan Biro Cukai Metropolitan Tokyo terhadap Ketua Menteri Sarawak dalam kes bayaran dengan izin *kick bags* dari syarikat perkapalan Jepun yang berjumlah RM32 juta dan penyiasatan terhadap bekas Ketua Badan Pencegah Rasuah sendiri dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah mengambil masa yang begitu lama.

Dalam Akhbar *Financial Times* pada 2 April 2007 tahun ini, telah menyebut berikut dengan izin "*The fall in the corruption perception index is embarrassing for Malaysia as it seeks to reverse a decline in foreign direct investment which fell 14% to USD4 billion last year*".

Maka soalan saya ialah, adakah kerajaan merancang memberi pihak BPR peluang untuk melaporkan secara langsung kepada Parlimen dan mengemukakan Laporan Tahunan BPR supaya Ahli Parlimen mempunyai peluang meneliti dan berdebat kandungannya tersebut? Saya percaya cadangan ini boleh memastikan peningkatan prestasi kerja BPR dan di samping memberi keyakinan kepada pihak pelabur asing. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertama, saya hendak sebutlah yang ini semua pandangan, iaitu pandangan luar dan pandangan orang. Yang saya sebutkan tadi persepsi ini bukan keadaan sebenarnya yang berlaku *on the ground*. Singapura, Yang Berhormat tidak boleh banding dengan Malaysia. Dia bukan negara betul, *is not a real country, is an island* jika dibandingkan dengan kalau sebuah pulau kita tidak boleh kawal rasuah.

■1010

Saya rasa lebih baik tak usah ada langsung ACA. Jadi tak boleh banding macam itu. Singapura pulau kecil tiga juta - empat juta sahaja dan peluangnya tidak sebegitu besar seperti apa yang ada di Malaysia, itu yang pertama. *Because you are not comparing apple to apple.* Kemudian Indonesia dengan Vietnam memang betul dia punya kedudukan meningkat tapi di tahap seratus lebih. Katakan 137 dan seratus ke atas, dia nak turun itu senang. Bila kita dah turun ke bawah dekat 40, 50 dah jadi *bottle neck* macam mana kita nak turun lagi nak lawan macam negara Finland, negara Denmark, Great Britain kah? Jepun kah? Jadi di bawah *top 50* itu *bottle neck*, sudah tentu tak boleh goyang dah sebab kita dah turun merudum daripada atas begitu cepat.

Jadi sebab itu tidak boleh nak banding kita dengan Indonesia daripada 137 kepada 130, memang ke atas itu senang nak turun tetapi bila dah sampai ke *bottle neck* yang ke-50 ke bawah, itu sukar untuk kita nak turun kerana kita sudah berada dalam Liga Premier bukan senang hendak mendapat skor dan kedudukan yang lebih baik.

Kemudian Yang Berhormat, apa yang berlaku pada hari ini akhbar kita bebas dan ia boleh kata apa sahaja namun tidak semestinya perkara itu betul. Kalau di masa yang lepas mungkin akhbar pada ketika itu diarahkan untuk tidak dikeluarkan perkara seperti ini, jadi orang ingat semua bagus. Jadi persepsi ini pada ketika itu Malaysia bagus.

Namun apabila kita bebas, akhbar bebas, siapa juga boleh cakap, malah seorang kerani pun sekarang ini bebas untuk bercakap apa yang dia hendak cakap. Jadi kalau dia bercakap masuk dalam surat khabar, surat khabar bebas keluaran banyak orang bercakap jadi persepsi dia akan menjadi walaupun perkara tidak betul persepsinya akan merasakan bahawa rasuah berlaku.

Katakan macam kes Timbalan Menteri Dalam Negeri pada saya tuduhan itu dibuat dalam *blog*, maknanya sekarang siapa pun boleh *blog* dan buat tuduhan tanpa bukti. Macam kata kes Timbalan Menteri yang dikatakan ada RM 5 juta, mana RM 5 juta itu? *Where is that RM5 million?* Saya nak tahu. Dalam akaun Timbalan Menteri kah? Dalam akaun sesiapa kah yang memegang bagi pihak Timbalan Menteri, *but the RM5 million is not there.* Nak siasat apa? Kita cari RM5 juta itu dulu bila wujud RM5 juta itu barulah kita boleh tuduh orang itu rasuah, ini RM5 juta pun tak ada tapi orang bebas bercakap, jadi inilah.

Saya nak tanya pada Yang Berhormat, apa pilihan kita? Kita nak balik pada zaman dulu supaya akhbar tidak bebas dan tidak mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang liar yang banyak tuduhan liar yang dikeluarkan terhadap pemimpin-pemimpin kita. *[Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah mempertahankan kenapa kedudukan korupsi Malaysia begitu rendah. Dalam kes

Timbalan Menteri Dalam Negeri nampaknya dia sudah membersihkan namanya sungguhpun BPR tidak umumkan apa-apa hasil, sungguhpun *AG Chamber* pun diam. Adakah ini satu pre-emptive? Kenapa satu pengumuman tidak ada mengenai hasil siasatan BPR dan kenapa *AG Chamber* diam dalam perkara ini?

Berbalik kepada soalan yang ada dikemukakan. Bukankah benar bahawa tahun ini ialah ulang tahun 50 kemerdekaan? Adakah Yang Berhormat sedar kalau ikut perkembangan mengenai korupsi, negara kita dalam tahun 2007 mungkin bukan sahaja boleh jatuh lebih rendah daripada tempat 44 mungkin sampai tempat 50 sempena 50th *anniversary* merdeka, bukan ini satu perkara yang sangat memalukan? Khasnya perkara ini bukan sahaja korupsi. Laporan korupsi mengenai ACA *Director General*, mengenai Timbalan Menteri, mengenai Ketua Menteri Sarawak yang ada di sini hari ini begitu banyak tuduhan yang dibuat mengenai hakim-hakim sendiri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan memalukan oranglah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah semua ini menunjukkan bahawa *we are at the crisis of corruption*. Sungguhpun Perdana Menteri yang baru kata mahu memerangi korupsi tetapi ada korupsi yang lebih serius berbanding dengan masa dahulu dan bukan Yang Berhormat sedar bahawa bekas Perdana Menteri sebelum beliau meletak jawatan dalam tahun 2003 kalau tak silap dalam Jun atau Julai 2003, Tun Dr. Mahathir ada menyuarakan melahirkan harapan..

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malaysia boleh menduduki antara 10 negara yang terbersih, yang tidak korupsi dalam *Transparency International Corruption Perception Index* , adakah ini menjadi satu...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat baik, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Panduan untuk kerajaan supaya *we occupy first 10* atau *first 20 position in the TI's Corruption Perception Index*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Malaysia kita boleh berjaya kalau orang macam ini tak ada dalam Dewan [*Dewan riu*]. Dia bercakap semua benda pembbohongan sahaja, tidak ada tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu bukan pembbohongan, tarik balik apa itu pembbohongan? *Can you give me one evidence?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu pandangan orang. Itu laporan surat khabar, ini otak benak tak ada otak. [*Dewan riu*].

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Dewan riu*]. Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Otak dia bodoh, otak dia benak, orang macam ini pembohongan. *[Dewan riuh]*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia kata saya bohong kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memanglah, pembohong. *[Dewan riuh]*.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tarik balik, tarik balik, ini melanggar Peraturan Mesyuarat. *[Dewan riuh]*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa bohong? Apa yang saya kata semua benar, mana ada tuduhan mana bukti? *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana ada tuduhan? Mana ada tuduhan? Otak bodoh tak reti baca ke? Mana ada tuduhan? Mana ada tuduhan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk. *[Dewan riuh]*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selalu macam itu. *[Dewan riuh]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bodohlah, bodoh! *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor, Bukit Mertajam, Batu Gajah duduk! Duduk semua, duduk! *[Dewan riuh]* Bukit Bintang, Bukit Mertajam, Batu Gajah duduk, duduk! *[Dewan riuh]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada otak. Saya nak jawab Tuan Yang di-Pertua, boleh jawab?.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, pertama kalau cakap tentang persepsi itu pandangan, sebentar tadi saya bagi pandangan saya, apa salahnya? Persepsi pandangan, ia boleh pegang kepada persepsi, maknanya saya bagi pandangan saya, apa salah? Saya nak bagi tahu RM5 juta, mana ada RM5 juta. Itu pandangan saya, mana RM5 juta yang dikatakan Timbalan Menteri ambil. Mana dia RM5 juta itu? Itu pandangan saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada tanya ACA? *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana ada RM5 juta itu! Tak ada. *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk, duduk bodoh! *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam keadaan ini Bukit Mertajam, Batu Gajah duduk! Dalam keadaan ini saya nak benarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. *[Dewan riuh]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, nombor dua saya nak dia tanya pada saya...*[Dewan riuh]*. dalam kes siasatan Timbalan Menteri, AG Chambers belum membuat tuntutan, tanyalah AG...janganlah tanya saya!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, Tuan Yang di-Pertua peraturan!. Peraturan mesyuarat 36(6)...[*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengenai Yang Berhormat Menteri mengatakan menggunakan perkataan bodoh, perkataan bohong kepada Ipoh Timor, adakah perkataan ini boleh dipakai? Kalau begitu saya pun boleh mengatakan Menteri bohong, Menteri bodoh. [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ooi..duduk, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk! [*Dewan riuh*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu jadi Menteri masuk Barisan Nasionallah. [*Dewan riuh*].

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *What ruling?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau buat *ruling* pun semalam buat *ruling* jugaklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Buat *ruling* sekarang. [*Dewan riuh*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak perkataan yang tidak sopan dilakukan di dalam Dewan ini, kalau macam itu setiap kali saya buat *ruling* maka kita tidak boleh mengadakan perbahasaan langsung. [*Dewan riuh*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah dengar katalah, duduklah banyak alasan. [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk!.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Ruling* dah buatlah, *ruling* dah buatlah!.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dulu. [*Dewan riuh*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada ...tak tarik. [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dulu, duduk dulu. Walaupun perkataan pembohongan, bodoh itu, adalah satu perkataan yang tidak digalakkan di sini tetapi dalam keadaan ini saya tidak menggalakkan perkara itu berlaku, tetapi tidak ada apa tindakan di ambil sekarang. [*Dewan riuh*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua [*Dewan riuh*] duduk, duduk. [*Dewan riuh*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terfikir punya, haiyaa..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk. [*Dewan riuh*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap perkataan seperti ini tidak dikatakan lagi, baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tidak cerdik, tidak cerdik...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

■1020

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak cerdik, macam bodohlah. Tidak cerdik, Tuan Yang di-Pertua tidak cerdik. Nombor tiga saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk, Batu Gajah duduk. Menteri sila jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuduhan yang dibuat. Itu ialah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia orang kata kenapa panggil mengenai AG, pendaftaran AG. Dia menteri yang tanggungjawab AG. Dalam Dewan dia jawab bagi pihak AG, sebab saya tanya dia. Kenapa dia boleh berdiri di sini tanya AG? AG bukan di dalam Parlimen sini untuk disuarakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Panggil dia mari, panggil AG mari.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selain daripada AGENSI, *directly appointed Member of Parliament*. Kenapa boleh tanya? Kenapa tidak tanya AG?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu yang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Beri, bodoh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bodoh, dia bodoh. Bodoh. *[Ketawa]* Dia pun kata bodoh *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sekarang Yang Berhormat semua faham ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Faham. Tuan Yang di-Pertua, soal AG soalan yang hendak ditanya ini tidak perlu ditanya dalam Dewan saja, boleh tanya di luar. Jadi AG boleh jawab di luar, dan saya tidak boleh mendahului AG kerana akan dituduh sebagai mempengaruhi AG. Sebab itu tanya, saya kata tanya AG. Tanya dekat luar boleh tanya. Pergi jumpa dengan dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini prinsip *Parliamentary irresponsibility, ministerial irresponsibility*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Menteri, *Parliamentary* punya *privilege* pun tidak boleh mengatasi keputusan yang harus dibuat oleh *Attorney General*. Saya tidak boleh mendahului, kalau dia belum buat keputusan lagi. Sebab itu saya tidak boleh jawab di sini. Tanya pada AG. Kemudian tuduhan, tuduhan... Duduklah you. Rambut putih duduklah. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian tiada tuduhan. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan dibuat dalam akhbar tidak merupakan perkara yang sah, sehinggalah siasatan

dibuat dan didapati bersalah dan dituduh dalam mahkamah, baru kita boleh kata orang itu bersalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Sik.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Arffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meminta jawapan, saya bagi pihak Yang Berhormat Kuala Krai mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkabong, Kuala Krai.

2. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kemahiran ICT untuk semua pemaju masyarakat KEMAS.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah melalui KEMAS sudah mengambil tindakan untuk meningkatkan kemahiran ICT di kalangan pemaju masyarakat KEMAS. Usaha ini dilakukan melalui dua kaedah iaitu melalui kursus pra perkhidmatan dan melalui kursus dalam perkhidmatan. Melalui kursus pra perkhidmatan, sejumlah 1,809 orang pemaju masyarakat jurusan pendidikan awal kanak-kanak telah dilatih dalam kemahiran di Institut dan Pusat Latihan KEMAS dari tahun 2001 hingga 2006. Pengetahuan dan kemahiran komputer ini telah diintegrasikan dalam kursus asas pendidikan awal kanak-kanak KEMAS yang diberikan kepada pemaju masyarakat tabika dan taska melalui bimbingan dan tunjuk ajar jurulatih KEMAS.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kursus dan perkhidmatan pula pemaju masyarakat KEMAS pelbagai jurusan yang lain seperti bina insan, pusat sumber, pendidikan kesejahteraan keluarga dan gerakan daya wawasan turut dilatih dengan kemahiran asas komputer menggunakan kapasiti tenaga pengajar dan premis-premis KEMAS seperti Institut dan Pusat Latihan KEMAS, Pusat Kegiatan Masyarakat dan Pusat Literasi Komputer KEMAS.

Bermula dari tahun 2005 hingga tahun 2006, seramai 2,033 orang pemaju masyarakat KEMAS pelbagai jurusan telah dilatih. Proses latihan secara kursus dalam perkhidmatan ini akan terus dilaksanakan secara berperingkat sehingga kesemua PM KEMAS menerima latihan bagi meningkatkan kemahiran di bidang ICT. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sekarang rata-rata ICT ini memerlukan begitu hebat sekali. Lebih-lebih lagi dalam meningkatkan modal insan dalam negara kita. Lima puluh tahun kita merdeka tetapi ICT masih lagi tidak meluas di bidang luar bandar. Baru-baru ini kita dengan Tan Sri telah pergi ke Filipina - seratus tahun merdeka. Tetapi kita lima puluh tahun.

Bagaimanakah pandangan dan pendapat Timbalan Menteri mengenai dengan ICT di luar bandar. Kiranya dapat diadakan di satu kawasan Parlimen. Satu ICT desa atau pusat yang

boleh memperluaskan daripada anak buah kita di luar bandar. Seperti mana yang datang pada hari ini Parlimen Kuala Krai masih dahagakan ICT. Terima kasih

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebenarnya hari ini ada satu soalan daripada Kuala Krai. Nombor lapan belas. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan lapan belas kerana tanya. Jadi untuk pastikan anak-anak kita yang berada di kawasan luar bandar mendapat pengetahuan dalam bidang yang baru ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama agensi-agensi dan juga kementerian yang lain khasnya Kementerian Pelajaran. Kita mempunyai program di mana kementerian melaksanakan program ataupun projek yang dinamakan 'Medan Info-Desa' dan juga Program Latihan Desa. Jadi melalui dua kaedah ini infrastruktur dan juga infrastruktur ICT.

Kita berharap kita akan dapat memperluaskan lagi liputan infrastruktur dan infrastruktur ICT bagi kawasan luar bandar. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kita telah membina tidak kurang daripada 289 buah MIB yang dibangunkan di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, di Kuala Krai kita telah membuat empat buah MID untuk Kuala Krai. Selain daripada itu, dari segi latihan ICT, kita setakat ini telah melatih seramai 40,025 orang yang mendapat manfaat daripada program ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Sedikit saja, saya difahamkan bahawa pihak KEMAS telah membekalkan komputer kepada semua kampung-kampung dalam menggerakkan daya wawasan. Tetapi kita dapati bahawa apabila komputer itu sudah rosak, tidak ada peruntukan untuk memperbaikinya.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk memperuntukkan memperbaiki komputer yang ditempatkan di setiap Kampung Gerakan Daya Wawasan dan melatih orang kampung untuk pandai, untuk membolehkan mereka menggunakan komputer berkenaan. Ini kita rasa seronok bila diberi komputer tetapi tidak digunakan. Penggunaannya tidak digunakan sepenuhnya oleh orang kampung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kementerian sedar dan akui bahawa ada di antara alat-alat ICT termasuk komputer yang kita bekalkan kepada masyarakat luar bandar mempunyai masalah dari segi penyelenggaraan, *maintenance* dan sebagainya. Oleh kerana itulah kementerian sedang menubuhkan sebanyak mungkin MID di setiap kawasan Parlimen dan juga daerah, supaya masyarakat bukan saja dilatih dalam bidang ataupun pengetahuan untuk mengguna komputer, tetapi anak-anak yang berada di masyarakat luar bandar juga diajar dari segi penyelenggaraan, *repair hardware* dan sebagainya. Jadi dengan program yang berterusan ini kita berharap kita akan dapat mengurangkan masalah yang kita hadapi sekarang.

3. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana rasional menggunakan kepakaran perubatan tradisional dari negara Republik Rakyat China (RRC) di hospital kerajaan.

■ 1030

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, rasional penggunaan kepakaran perubatan tradisional daripada negara Republik rakyat China di beberapa hospital kerajaan adalah:

- (i) pengamal dan juga pakar tersebut adalah berkelayakan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.
- (ii) ijazah-ijazah pengamal dan juga pakar ini adalah terdiri daripada komponen perubatan moden dan juga komponen perubatan tradisional China. Dengan itu mereka boleh mengendalikan pesakit mengikut amalan perubatan moden. Mereka bukan sahaja boleh memahami keadaan pesakit yang telah dirawat oleh pengamal perubatan moden, malah mereka juga boleh memahami laporan penyiasatan klinikal yang dijalankan terhadap pesakit seperti penyiasatan ujian darah dan pengimejan. Semasa mereka ditempatkan di hospital kerajaan beberapa sesi perbincangan akan diadakan bagi membolehkan mereka mendapat maklumat tentang cara pelaksanaan pembelajaran di negara China, dan oleh itu ini menjadikan hospital integrasi sebagai tempat atau platform proses pertukaran teknologi atau teknologi *transfer*. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Ibarat kata pepatah, “kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Gajah depan mata kita tak nampak, kuman di seberang laut kita nampak.” Maksud saya Yang Berhormat, saya sudah bertanya dengan doktor-doktor pakar dan Yang Berhormat pun doktor, tak mungkin doktor zaman moden ini boleh menerima pakai mereka yang bersifat ilmu dalam tradisional kedokteran atau perubatan ini. Kebanyakan semua tak percaya.

Jadi kalaulah doktor moden tak percaya dengan cara tradisional ini bagaimana kita hendak meresapi ilmu yang disebutkan tadi kepada doktor-doktor di negara kita ini. Itu satu. Keduanya saya hendak sambung apa kurangnya di tempat kita ini. Kalau dikatakan kepakaran tradisional orang Cina ada kat Malaysia, orang Melayu di Malaysia ini, orang India di Malaysia ini, Orang Asli pun di Malaysia ini. Bomoh patah pun ada. Kalau tak hendak panggil bomoh patah panggillah apa pun.

Kalau sudah bertaraf ijazah tradisional ini bukanlah tradisional, ini sudah jadi doktor Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita hendak menggalakkan peluang pekerjaan mengisi kekosongan

yang ada kita pula tak menggalakkan anak-anak tempatan ini bagaimana. Apakah dasarnya yang sebenarnya? Jadi itulah saya gunakan istilah tadi, “ibarat kuman di seberang laut kita nampak, gajah depan mata kita tak nampak. Kera di hutan kita susukan, anak di rumah mati kelaparan.” Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Larut. Sebenarnya tak timbul, kerakah, susukah, di hutan mana dan sebagainya tak timbul. Sebenarnya kita dalam perawatan pesakit, kementerian berlapang dada. Manusia kena berusaha untuk sembuh. Yang menyembuhkannya Allah Taala, tuhan. Jadi kerja manusia kena buat kerja manusialah, kita jangan buat kerja tuhan.

Ekoran daripada itu, oleh kerana sifat berlapang dada dan laporan daripada WHO mengatakan bahawa 50% daripada penduduk dunia mendapatkan rawatan secara tradisional, walaupun rawatan moden bertambah dan berkembang dengan baik. Oleh kerana kita bersifat berlapang dada, maka kementerian membuka beberapa hospital tiga hospital sebagai *pilot* projek iaitu Hospital Kepala Batas, Hospital Putrajaya dan juga Hospital Sultan Ismail Johor Bahru dan kita bukan buka semua sekali jenis rawatan. Kita tumpukan kepada:

- (i) rawatan akupunktur;
- (ii) urut Melayu selepas bersalin, kita bagi peluang juga;
- (iii) penggunaan herba-herba daripada adunan di negeri China yang telah terbukti dalam rawatan sakit kanser.

Jadi yang saya katakan rasional tadi kerana 50% kurikulum dalam ijazah pengamalan mereka berbentuk perubatan moden. Mereka belajar macam doktor moden, pada waktu yang sama mereka juga ada amalan-amalan tradisional yang diajar dalam kurikulum mereka dan mereka ini Yang Berhormat Menteri sudah pergi ke beberapa hospital dan mengadakan perjanjian dengan beberapa hospital terkenal di Beijing dan Shanghai. Selepas itu kita tengok dia memang trampil dan kita adakan perjanjian di antara universiti tersebut dan hospital tersebut dengan kerajaan supaya mereka boleh memberi nilai tambah kepada perubatan moden dan juga perubatan tradisional. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya tanya tadi yang tempatan... kenapa tidak diberi peluang kepada tempatan. Di tempat saya, patah kaki boleh sambung balik. Banyak ini berlaku, itu maksud saya tadi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa setengah daripada perawatan secara tradisional ini contohnya menggunakan akupunktur boleh menyebabkan penyebaran penyakit seperti hepatitis B dan juga HIV kalau jarum yang digunakan itu tidak *disterile*, dengan izin. Jadi adakah

Kementerian Kesihatan membuat pengawasan dan juga penguatkuasaan terhadap perkara ini. Itu yang pertama.

Soalan yang kedua, kita mengetahui bahawa rawatan sel ozon atau ozon terapi sekarang ini memang banyak digunakan di Malaysia dan kita tahu bahawa rawatan ozon ataupun ozon terapi ini adalah suatu yang masih kontroversial di dalam dunia perubatan. Apakah pandangan dan juga pendirian kerajaan dalam hal ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya sambung sedikit soalan tambahan daripada Larut tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perubatan yang kita perersetujui mengikut arahan Kabinet adalah perubatan integrasi dan diputuskan hanya tiga sahaja yang diamalkan di hospital kerajaan. Bila perkara ini sudah berjaya kita akan buka kepada banyak lagi bidang termasuk patah dan lain-lain. Jadi tak timbul kita hendak ketepikan kepakaran daripada dalaman.

Menjawab soalan daripada Gombak, oleh kerana Rang Undang-undang *Complimentary Medicine* ini sedang dalam perancangan dan insya-Allah bila sudah siap nanti kita akan rangkumkan termasuk akupunktur dan juga ozon, di mana kita alu-alukan platform perawatan dan penyembuhan selain daripada perubatan moden. Tetapi isu sekarang adalah kita perlu standard, kita perlu kawal supaya akhirnya pengguna dapat menikmati sistem perubatan yang terbaik. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya sebut soalan, saya hendak betulkan soalan ini Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini dibaris ketiga terakhir itu sepatutnya berbunyi, "sehingga menimbulkan tanggapan semasa susah Maxis mengajak orang ramai melabur dan apabila memperoleh banyak keuntungan ia hendak memilikperibadikan." Sepatutnya bunyi begitu. Soalan saya nombor empat. Terima kasih.

4. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab yang membolehkan kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti dan FIC membenarkan syarikat gergasi telekomunikasi Maxis dibenarkan memilikperibadikan (*go private*) sehingga menimbulkan tanggapan semasa Maxis susah mengajak orang ramai melabur dan apabila memperoleh banyak keuntungan, ia hendak memilikperibadikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) dan Yang Berhormat Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) yang dijadualkan dijawab pada hari ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar), Yang Berhormat Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) yang dijadualkan dijawab pada 26 Jun, Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) yang dijadualkan dijawab pada 27 Jun, Yang Berhormat Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) yang dijadualkan dijawab pada 2 Julai, Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian).

■1040

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia tersilap, tidak boleh kita sebutkan nama Ahli Parlimen itu, sebut kawasan sahaja. Sudah terlupa agaknya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebut nama kawasan sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat bagi Pontian yang akan dijawab pada 9 Julai 2007, masing-masing kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggungjawab dalam menentukan syarat bagi pemilikan ekuiti terletak pada kementerian atau agensi pelesenan. Apabila sesebuah syarikat diswastakan, perubahan dalam pemilikan ekuiti masih tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh kementerian atau agensi berkenaan. Ketika pelaksanaan sesuatu penswastakan, orang awam atau pelabur runcit berpeluang mendapat manfaat daripada tawaran harga yang biasanya lebih tinggi daripada harga pasaran bagi saham-saham mereka.

Satu kajian yang dilakukan oleh *The Edge Financial Daily* menunjukkan bahawa harga tawaran bagi 17 tawaran tunai yang lalu adalah sebanyak 21% lebih tinggi daripada harga seminggu sebelum penggantungan saham tersebut. Pelabur boleh menolak sekiranya mereka merasakan bahawa tawaran itu tidak menarik. Kerajaan akan memastikan supaya tawaran itu adil bagi pelabur minoriti dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan sekuriti dan syarikat-syarikat melaksanakan tadbir urus yang baik.

Selain itu, semua syarikat yang tersenarai di bursa saham adalah tertakluk kepada peraturan yang ketat mengenai tadbir urus korporat dan layanan adil terhadap pelabur minoriti yang dikuatkuasakan secara aktif oleh pihak Bursa Malaysia dan pihak SC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pegangan Khazanah Nasional Berhad atau Khazanah dalam Syarikat Maxis adalah sebanyak RM1.7 juta unit saham iaitu bersamaan 0.1% sahaja. Walau bagaimanapun Khazanah tidak akan mendapat keuntungan daripada penjualan saham tersebut memandangkan pegangannya adalah di bawah *covered warrant*. Setakat ini amat sedikit bukti yang boleh menyokong hujah bahawa urus janji penswastakan membawa kepada aliran keluar dana daripada pasaran domestik. Hasil kutipan daripada tawaran pengambilalihan biasanya dialirkan semula ke dalam pasaran oleh pelabur Malaysia dan antarabangsa yang lazimnya berminat untuk mengekalkan pelaburan mereka dalam aset dalam pasaran modal Malaysia.

Sebuah pasaran pengambilalihan yang aktif tanpa mengira sama ada syarikat itu mengekalkan status penyenaian atau menjadi persendirian boleh mewujudkan sebuah pasaran yang cergas yang kemudiannya akan menarik lebih banyak pelabur mencari peluang lain dalam

pasaran. Peningkatan aktiviti pengambilalihan akan turut membawa kepada aktiviti dagangan yang lebih cergas di Bursa Malaysia.

Pada minggu setelah pengumuman langkah Maxis tersebut, harga saham seperti DiGi, TM dan juga saham-saham lain yang berkaitan dengan indeks meningkat apabila para pelabur mula mengubahsuai portfolio masing-masing dengan mengambil kira perubahan yang mendatang dalam komposisi pasaran saham. Selain daripada itu, pihak yang membuat pemerolehan berkemungkinan akan mengambil peluang ke atas pasaran bon dan sistem perbankan Malaysia bagi membiayai tawaran pengambilalihan. Dalam konteks ini, persediaan kadar faedah yang rendah pada masa ini menggalakkan usahawan untuk menjalankan bida pengambilalihan melalui penjana pembiayaan daripada pasaran bon Malaysia. Oleh itu, bida pengambilalihan akan turut membantu menggalakkan pertumbuhan pasaran bon Malaysia.

Pasaran saham wujud antara lain adalah untuk syarikat-syarikat merealisasikan nilai mereka dan bagi pelabur memperoleh keuntungan daripada pelaburan mereka. Oleh itu, pasaran mesti memberi laluan kepada aktiviti korporat umpamanya pengambilalihan dan percantuman yang boleh meningkatkan nilai syarikat-syarikat tersenarai, dengan itu akan dapat membantu pasaran menjadi lebih cergas. Menggunakan peraturan bagi menghalang sesebuah syarikat daripada diambil alih atau diswastakan akan mengekang inisiatif seperti ini dan akan mengurangkan minat syarikat-syarikat lain daripada memohon untuk disenaraikan di Bursa Malaysia dan ini turut menyebabkan pelabur asing kurang minat untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan ini dan saya tengok jawapan ini bagus dari segi *dollar and cent* dan keuntungan tetapi saya menengoknya daripada perkara yang lain, tidak sangat dari segi keuntungan dan lain-lain. Pada saya, pelaburan telekomunikasi ini adalah satu pelaburan infrastruktur yang strategik - *a strategic infrastructure investment* yang melibatkan keselamatan dan melibatkan kepentingan awam.

Kita tengok di negara jiran, runtuhnya Kerajaan Thailand pada hari ini dan timbulnya junta yang baru ini ialah kerana mereka menjual sebuah syarikat telekomunikasi yang menguasai keselamatan negara kepada asing. Itu yang saya tengok. Jadi, soalan tambahan saya ialah begini - *it's not on dollar and cent* atau untung, itu tidak masalah besar. Tidakkah kerajaan bercadang untuk memastikan syarikat yang telah menjadi milik peribadi ini boleh menjualnya pada bila-bila masa kepada orang luar dan akhirnya orang luar, kita tidak tahu siapa, mungkin kuasa asing yang mempunyai banyak wang membelinya dan menguasai *this strategic infrastructure investment* ini dan menguasainya kerana Maxis ini berniaga telefon. Dia hidup kerana lesennya. Pada saya, kerajaan patut ada kuasa yang mutlak atau mempunyai saham yang terbesar atau *golden share* dalam *investment* seperti ini seperti pelaburan-pelaburan *strategic infrastructure investment* yang lain. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut mengenai *dollar and cent* itu tadi betullah, tetapi kalau kita lihat dari segi pemegang ekuiti dalam Maxis sekarang ini, ia lain daripada MEASAT. MEASAT ada pemegang ekuiti lain. Pemegang ekuiti Maxis adalah individu-individu, majoritinya adalah Ananda Krishnan dan syarikat-syarikat yang *associate* dengan dia iaitu 78%. Yang selebihnya adalah pegangan individu-individu bumiputera iaitu sebanyak 22% dan syarikat kerajaan GLC tidak terlibat. Cuma Khazanah ada 0.1% sahaja. Dalam hal ini daripada awal lagi kerajaan tidak ada pegangan dalam syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Malah kalau dilihat Tuan Yang di-Pertua, bukan ini sahaja syarikat yang ada. Kita ada TM, kita ada Celcom, kita ada DiGi. Syarikat-syarikat ini besar. Dari segi pengalihan - strategik memang strategiklah tetapi kita ada syarikat lain lagi yang juga terlibat dalam aktiviti ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dari segi sekuritinya, saya tidak tahu bagaimana mungkin...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya adakah kerajaan mempunyai keupayaan untuk tidak membenarkan *this kind of* syarikat ini dijual kepada asing. Itu maksud saya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia adalah ekonomi yang terbuka dan kita tidak ada sekatan dari segi aliran keluar masuk duit. Kalau kita sekatan, syarikat lain tidak berminat untuk masuk. Sekarang ini, semenjak kebelakangan ini sudah banyak pemodal asing masuk dalam ekuiti ini, Tuan Yang di-Pertua. Ia sudah kelihatan dan nampaknya *share market* ataupun indeks komposit pun sudah meningkat kebelakangan ini oleh kerana minat pelabur asing masuk dan sudah meningkat cukup tinggi sekarang ini.

Dalam hal ini kalau kita membuat tindakan yang tidak betul, maka ini boleh menjejaskan minat pelabur asing untuk masuk ke sini. Dalam hal ini kerajaan tidak berniat untuk menyekat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya sedikit mengenai *dollar and cent* walaupun tadi rakan saya Yang Berhormat bagi Ketereh kata itu adalah jawapan dari *dollar and cent*.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya mengakui sesuatu pasaran yang liberal, yang bebas ini kita boleh *go private anytime* kerana kalau *shareholder* syarikat itu *decide* buat macam ini. Sekarang ini ialah isu mengenai *market gap* ataupun nilai-nilai pasaran kita dalam KLSC. Dengan *go private* Maxis ini, saya difahamkan bahawa *market gap* kita kurangkan 4% Tuan Yang di-Pertua, iaitu lebih daripada RM40 bilion.

Sekarang saya hendak tanya mengenai apakah usaha dan tindakan yang diambil oleh SC ini untuk menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat gergasi yang besar ini khasnya syarikat-syarikat di Asia seperti China untuk disenaraikan di KLSC Kuala Lumpur ini yang mana mereka

tidak akan menaruh FIC kalau mereka memenuhi syarat iaitu pihak *capital* lebih kurang RM500 juta dan juga kalau perolehan mereka lebih 50% adalah daripada luar negara.

■1050

Bagaimana promosi ataupun *promotion* program kita ini? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dibandingkan dengan New York Stock Exchange, mereka sedang giat untuk menarik lebih banyak syarikat gergasi China di New York Stock Exchange, apakah usaha kita? Adakah dasar-dasar kerajaan untuk membolehkan pasaran kita menjadi satu *financial hub* di Asia ini akan disiasat. Saya hendak tanya apakah langkah-langkah yang telah diambil dan saya berharap ini satu cadangan yang boleh diambil oleh kementerian ini dan diambil dengan secepat mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini kena mengena dengan soalan tambahan yang pertama tadi. Sebenarnya kalau kita lihat pertumbuhan bursa di seluruh dunia ataupun di rantau ini, kalau kita lihat *Shanghai, of course* naik 134% peningkatannya. Tapi, Malaysia berbanding dengan *regional* di sini, seperti Thailand dan sebagainya Malaysia yang paling tinggi, 25.6% cuma sedikit belakang daripada Korea. Tapi lain-lain kurang seperti Filipina 23%, Singapura 21%, Thailand 12%. Sudah memang...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, *market gap* kita tiga, empat kali kurang daripada *market gap* Singapura dengan Hong Kong. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang tadi bila Maxis keluar daripada bursa ia telah kurang 3.5% dan *market gap* turun. *Market gap* Malaysia RM1.1 trilion. Tapi sekarang ini kalau kita lihat dari segi perangkaan lagi saya hendak tunjuk bahawa sudah ada minat yang tinggi di kalangan *foreign fund* yang masuk ke Malaysia ini, sudah meningkat cukup tinggi.

Dari segi yang saya sebutkan tadi bila Maxis keluar jadi modal yang didapati daripada Maxis itu sekarang ini saya lihat *index* DiGi dan Telekom sudah meningkat. Jadi bermakna bila Maxis keluar, ini tidak menjejaskan kita punya bursa kerana indeks kita sudah meningkat kerana kelmarin 1,386 dan makin meningkat. Jadi maknanya tidak menjejaskan *market* kita dan pihak SC memang sentiasa berusaha, kalau dahulu memang mereka pergi *road show*, sekarang pun mereka pergi *road show* juga tetapi mungkin tidak begitu aktif berbanding dengan dulu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini soalan tambahan satu boleh tak? Mustahak...

Tuan Yang di-Pertua: Mambong

5. **Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Pelajaran menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keracunan susu segar dalam kotak yang dibekalkan di sekolah-sekolah kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak empat pertanyaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan kes keracunan yang melibatkan makanan dan susu sekolah. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Yang Berhormat bagi Mambong pada hari ini dan juga Yang Berhormat bagi Maran pada hari ini juga dan Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 5 Julai dan juga Yang Berhormat bagi Lanang pada 10 Julai. Izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kes keracunan makanan dan keracunan susu yang dibekalkan ke sekolah berlaku di beberapa buah sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia memandang serius terhadap kejadian tersebut dan beberapa langkah tegas telah dan akan diambil bagi membendung kejadian tersebut daripada berulang.

Mengenai susu yang dibekalkan ke sekolah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susu yang dibekalkan tersebut adalah susu UHT dengan izin, *Ultra Heat Treated* dan bukannya susu segar. Siasatan awal yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran bersama Kementerian Kesihatan kepada sampel susu UHT yang dibekalkan ke sekolah yang terlibat dengan keracunan mendapati keracunan adalah berpunca daripada susu tersebut tercemar disebabkan oleh bakteria. Bagi mengelakkan kejadian itu daripada berulang, Kementerian Pelajaran akan mendapatkan pengesahan SIRIM sebelum setiap bekalan susu dihantar ke sekolah.

Berhubung dengan kejadian keracunan makanan di kantin, untuk makluman dari tahun 2005 hingga Mei 2007 sebanyak 73 kes keracunan makanan dilaporkan. Bagi mencegah kejadian itu berterusan berlaku, Kementerian Pelajaran akan melaksanakan tindakan berikut:

- (i) tindakan tegas dikenakan terhadap pengusaha kantin yang gagal mematuhi perjanjian dengan menamatkan perkhidmatan seperti yang terkandung di dalam perjanjian;
- (ii) pejabat pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan pengusaha kantin akan diarahkan memberi penjelasan dan laporan lengkap berhubung dengan kejadian keracunan makanan. Sekiranya berlaku keracunan makanan yang disebabkan kecuaiian dan pemantauan yang lemah, pihak pentadbir sekolah akan dikenakan tindakan tatatertib seperti yang termaktub di dalam perintah am;
- (iii) pengusaha kantin yang terlibat dalam kes keracunan makanan akan disenaraihitamkan oleh Kementerian Pelajaran;
- (iv) mengadakan seminar, menubuhkan *frank squad* dengan izin, menyediakan *hotline* dan faks untuk menerima aduan daripada masyarakat awam; dan

- (v) mengarahkan PPT/PPG mengadakan pemantauan ke sekolah dari masa ke masa.

Kementerian pelajaran akan bertindak tegas kepada sesiapa sahaja sama ada pihak sekolah, pengusaha kantin ataupun pembekal yang melakukan kecuaiian sehingga menyebabkan kejadian itu berulang. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu tadi. Saya memang teliti jawapan Yang Berhormat, lebih-lebih lagi tentang keracunan susu, susu UHT (*Ultra Heat Treatment*). Bagaimanakah susu ini boleh tercemar oleh bakteria di kilang yang membuat susu ini, sedangkan kaedah yang digunakan adalah UHT (*Ultra Heat Treatment*), kepanasan yang amat tinggi yang seharusnya boleh membunuh bakteria dan juga apabila sudah ditutup nanti di dalam kotak itu sudah *diseal*. Bakteria sudah seharusnya tidak dapat masuk lagi di dalam kotak tersebut.

Oleh yang demikian, bagaimanakah kementerian ataupun Kementerian Kesihatan boleh memastikan bahawa di tahap pengilangan agar bakteria tidak boleh dapat masuk di dalam kotak ini. Ataupun adakah kotak ini sudah tercemar oleh bakteria? Ini adalah satu persoalan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Mambong. Memang kami pun rasa hairan mengapa susu dalam bentuk UHT itu boleh tercemar. Sebenarnya saya sendiri melawat sebuah kilang, di Malaysia hanya tiga buah kilang yang mengeluarkan susu UHT. Saya telah melawat salah sebuah kilang dan diberi taklimat bahawa memang kalau mengikut piawaian memang tidak mungkin kotak susu UHT itu boleh tercemar, tetapi hakikatnya memang tercemar.

Jadi oleh kerana itu, kita mesti lihat semua aspek daripada kilang, daripada kotaknya, dari segi pengangkutannya, dari segi bila sampai kotak susu sampai sekolah, di mana mereka simpan dan cara murid-murid meminum susu itu. Jadi semua aspek kita akan lihat.

■1100

Oleh kerana itu, untuk memastikan punca tidak bermula daripada kilang, maka kita minta SIRIM untuk bantu. Selain daripada bantuan daripada Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan memang cukup memberi bantuan kepada kami untuk membuat kajian. Jadi Yang Berhormat, kita akan ambil semua aspek supaya menentukan kotak susu yang dibekalkan tidak akan tercemar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, keracunan ini berlaku kepada satu, dua kotak ke ataupun kepada semua kotak?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ambil sampel untuk kita uji. Dari sampel yang kita kutip itu, terdapat 35%. Maksud saya sampel yang kita kutip itu, yang diuji oleh Kementerian Kesihatan didapati tercemar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, *syukran*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kes susu, Tuan Yang di-Pertua. Tadi juga Timbalan Menteri jawab kes makanan. Saya hendak tanya pihak kementerian kerana budak-budak ini, Tuan Yang di-Pertua, pelajar ini dia kena...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba kurangkan gerakan tangan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh ya. *[Ketawa]* Saya hendak tanya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi susu punya pasal, tangan gerak tidak apa. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya Timbalan Menteri, pelajar-pelajar ini daripada tadika, sekolah rendah... *[Ketawa]* Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini harus diberi makanan yang seimbang. Adakah pihak kementerian memberi menu-menu ini kepada pengusaha-pengusaha kantin di mana makanan-makanan yang harus mereka jual ini adalah makanan yang seimbang, bersih dan sesuai untuk menggerakkan mental anak-anak ini?

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya tengok mihun kering. Mihun dia masak satu sia, satu bakul besar, satu besen besar, Tuan Yang di-Pertua, apa pun tidak ada, sayur dengan tauge sahaja, mahu tidak lembut budak-budak tu semua. Begitu juga makanan-makanan lain. Kalau dok makan tauge dari kecil, Tuan Yang di-Pertua, lama-lama budak-budak ini jadi tauge bila besar. Itulah sekarang ini kita tengok orang lembut merata-rata. Lelaki pun lembut. Jadi, ini kes makanan. Ini saya berbincang dengan Arau tadi pasal lembut.

Jadi saya hendak tahu daripada kementerian, begitu juga susu, apa salahnya, Tuan Yang di-Pertua, supaya pengilang-pengilang ini di tiap-tiap negeri ada pengedarnya. Janganlah *stock file* itu begitu banyak. Kadang-kadang mereka letak atas simen. Wap sejuk simen pukul naik, Tuan Yang di-Pertua, masuk dalam kotak itu, maka keracunan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apakah pihak kementerian akan mengkaji balik pengusaha-pengusaha kantin dan bagi menu yang boleh menyihatkan anak-anak kita, pelajar-pelajar kita ini? Ini tengok, mereka makan sihatlah, Tuan Yang di-Pertua, pasal mereka duduk di Kuala Lumpur. Hak belah kampung, mereka hantar hak keracunan. Tidak lama emak kena bawa susu pula ke sekolah. Tidak ke kacau, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerai yang selalu bangkit hal berhubung kait dengan rakyat. Hati baik seorang wakil rakyat, diucapkan tahniah.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita memandang serius terhadap kualiti makanan yang diberikan kepada murid-murid kita. Sebenarnya cukup banyak garis panduan yang telah kita hasilkan untuk memberi bantuan kepada pengusaha kantin dan juga ibu bapa misalnya, Bantuan Program Susu Sekolah, macam-macam bantuan – Bantuan Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Menyediakan Hidangan Sihat, Bantuan Kebersihan dan Keselamatan Makanan – macam-macam lagi, Yang Berhormat. Itu yang kita buat.

Yang Berhormat sebut mungkin susu kotak disimpan atas simen. Kalau ikut pakar susu dalam bentuk UHT itu di mana-mana disimpan pun, tidak mungkin tercemar. Itulah jawapan yang diberi kepada saya oleh pakar. Sebenarnya pada mulanya saya pun ingat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, mungkin tempat simpannya, simennya atau berapa tinggi dia simpan, mungkin cara itu tidak baik, tetapi ikut pakar, memang itu tidak akan jadi sebab.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, kita akan lihat semua sudut supaya memastikan segala makanan dan minuman diberikan oleh pengusaha kantin adalah mempunyai kualiti yang baik dan sihat, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum jawab. Wajarkah Tanjong menggunakan perkataan yang kasar, “talam dua muka” kepada Perdana Menteri? Satu penghinaan, Tuan Yang di-Pertua. Apa wajarkah soalan nombor enam Tanjong ini menggunakan perkataan tuduhan kepada Perdana Menteri kita...

Seorang Ahli: Patut tolak soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... “talam dua muka”. Apakah wajar perkataan yang begini biadab ditujukan kepada pemimpin negara, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya amat tersinggung, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan yang digunakan oleh Tanjong. Gunakan perkataan lain. Saya minta Tuan Yang di-Pertua memberikan panduan dalam menggunakan bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bahasa yang kasar digunakan oleh pembangkang menghina pemimpin kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, Yang Berhormat. Saya ambil perhatian.

6. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Perdana Menteri menyatakan mengapa beliau mengamalkan sikap talam dua muka berhubung dengan dialog antara agama dan budaya kerana cakap sesuatu dalam arena antarabangsa tetapi buat yang lain di negara kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, betullah Yang Berhormat cakap itu. Memang perangai macam itu. Mesej yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak kira sama ada di dalam atau di luar negara adalah sama, iaitu pentingnya meningkatkan kesefahaman antara agama dan budaya termasuk melalui dialog. Namun begitu, konteks penyebab dan objektif sesuatu dialog itu diadakan di peringkat antarabangsa adalah berbeza dengan konteks penyebab dan objektif sesuatu dialog itu diadakan di Malaysia.

Oleh itu, cara atau langkah berdialog yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk peringkat antarabangsa dan Malaysia juga adalah berbeza. Di peringkat antarabangsa, dialog secara amnya diperlukan sebagai usaha penyelesaian konflik secara aman dan adil. Di peringkat antarabangsa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja menekankan kepentingan berdialog tetapi kepentingan bagi dialog itu dilakukan dengan penuh ikhlas, jujur dan serius.

Contohnya, dalam dialog untuk memahami akar umbi penyebab keganasan, *terrorism*, dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering kali menyeru agar negara-negara yang ingin berdialog agar menghilangkan perasaan syak wasangka terlebih dahulu terutamanya selepas kejadian pengeboman 11 September supaya sebarang dialog yang diadakan dapat dijalankan dengan lebih bermakna.

Di Malaysia pula, dialog perlu diadakan untuk meningkatkan lagi kesefahaman antara rakyat berlainan kaum dan agama, agar kita semua dapat hidup dengan lebih aman dan makmur lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Kabinet sendiri telah mengadakan pelbagai pertemuan untuk membincangkan isu yang melibatkan rakyat Malaysia yang berlainan agama dan budaya dari semasa ke semasa. Dialog tertutup melalui saluran yang sedia ada dan bukannya debat perdana di dada akhbar adalah menjadi pilihan kerajaan. Dialog yang dijalankan secara tertutup tidak semestinya kurang berkesan dari dialog yang dijalankan secara terbuka.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, dialog juga bermakna dua hala, "*dia*"log – dua halalah, dua-dua pihak mesti bersetuju, baru ada dialog. Setakat ini masyarakat Islam di Malaysia, majoritinya tidak menyokong diadakan dialog memandangkan mereka tidak mahu *delude*, dengan izin, kedudukan Islam yang sudah terjamin dalam Perlembagaan Malaysia. Sehubungan itu, objektif soalan ini yang memanggil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai talam dua muka bukan sahaja tidak tepat, malah tidak adil dan tidak menghormati seorang ketua kerajaan.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah soalan ini sengaja ditimbulkan untuk kepentingan pihak Pembangkang yang sering kali ingin membangkitkan isu-isu perkauman dan agama secara sensasi semata-mata untuk menarik perhatian pihak pengundi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betullah anggapan saya itu, Yang Amat Berhormat *double standard* sebab berkata sesuatu di arena antarabangsa, tetapi dalam tanah air sendiri mengamalkan sikap yang berlainan. Betullah saya

menyifatkan sikap ini sebagai *double standard*. Soalan tambahan saya adalah, bilakah Seminar *Building Religious* yang ditangguhkan itu akan diadakan untuk membolehkan dialog antara agama dan budaya peringkat internasional ini diadakan di negara ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pendapat Yang Berhormat tetap tidak betul. Bukan soal *double standard*. Ayat *double standard* itu lebih baiklah daripada talam dua muka. Baguslah macam itu.

■1110

Ada dua perkara. Di luar negara, Perdana Menteri kita tidak ada kuasa. Hanya boleh menyarankan, kemudian di luar negara tidak berbangkit soal sensitif kerana kita boleh bercakap apa sahaja di luar negara dan dia tidak menyinggung perasaan mana-mana kumpulan. Dalam negara kita ada kuasa dan sebenarnya Perdana Menteri boleh guna kuasa. Namun dalam negara juga sensitif. Perkara keagamaan ialah satu perkara yang sensitif yang pernah mengikut sejarah kita telah pun berlaku pergaduhan kaum.

Maka oleh sebab itu, kita harus lebih berhati-hati. Walaupun niat kita ialah supaya kita hendak berdialog, namun seperti mana yang saya sebut, soal agama ialah soal sensitif, yang sebentar tadi saya sebut, dialog itu maknanya dua hala. Kalau sekiranya majoriti rakyat Malaysia beragama Islam, mereka tidak mahu mengambil bahagian, maka kita tidak boleh buat lebih daripada itu melainkan untuk meneruskan usaha-usaha secara tidak akan menimbulkan perasaan sensitif iaitu dengan secara tertutup. Kemudian, tarikh *Bridges* yang Yang Berhormat tanya itu, saya telah jawab pada hari Isnin.

Sememangnya kita tunda ialah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mahu mengambil bahagian. Bila, kita akan tentulah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentukan tarikh yang ia mempunyai waktu *free* untuk boleh mengambil bahagian dalam dialog itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sekijang.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa yang ada di dalam negara kita ini terutamanya tentang agama saya kira ia adalah begitu baik sekali permuafakatannya yang mana saya rasa semenjak daripada merdeka dahulu, kita antara kaum pun telah faham antara satu sama lain. Di mana kalau kita lihat dalam musim perayaan misalnya, orang India yang beragama Hindu, pergi ke Batu Caves, keadaan *jam* dan sebagainya, kita memahami keadaan.

Begitu juga apabila orang Melayu, orang Islam bersembahyang Jumaat, keadaan *jam* pun, kita faham orang tak marah. Begitu juga dengan orang Cina apabila mereka meraikan perayaan membakar mercun, tetapi kita faham tentang keadaannya itu. Apabila kita hendak mempersoalkan tentang agama, kita hendak berbincang tentang agama, hendak mengundang kepada keadaan yang saya rasa mungkin akan berlaku haru-biru, kerana saya rasa tentang

agama ini, penjajah Inggeris pun dahulu, semasa menjajah kita pun menyerahkan tentang Islam kepada orang-orang Melayu sendiri, kepada Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tetapi bila keadaan begini, soalan yang dibuat oleh Tanjong ini menyatakan bahawa sikap talam dua muka dan sebagainya, saya rasa ini adalah satu yang cukup sensitif. Saya terasa dalam hati saya sebagai orang Islam, sebagai orang Melayu saya cukup tersinggung. [*Dewan riu*].

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Cukuplah.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Jadi saya minta soalan ini ditarik balik dan apakah pandangan daripada Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP niat jahatlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Niat jahat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itu satu sahaja wakil rakyat Melayu yang beragama Islam bercakap. [*Dewan riu*][*Disampuk*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Banyak lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Banyak lagi Dato', banyak lagi ini, banyak lagi ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak lagi!!

Seorang Ahli: Saya pun mahu Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun tidak tahu Dato' apa akan jadi kalau orang marah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Dan ramai lagi Ahli-ahli Parlimen Melayu yang lain termasuk dalam pembangkang kalau ada Ahli Parlimen Melayu, juga berpandangan demikian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tergores hati.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di luar daripada itu, kalau perkara ini dibiarkan, di luar daripada Dewan. Maka itulah yang saya katakan perkara ini ialah perkara sensitif. Maka oleh sebab itu saya harap lain kali, pihak pembangkang mesti berhati-hati dalam mengutarakan soalan. [*Disampuk*]. Jangan *hot* dengan saya, kerana saya boleh mengawal perasaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan main apilah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi kalau di bawah Yang Berhormat, lebih lagi. Sebab itu, kita inilah maksud kita, toleransi, fahaman....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Orang UMNO ada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan cakap banyak, jangan cakap banyak. Sebab saya hendak bagi tahulah bukan orang UMNO sahaja. Boleh tanya mana-mana Ahli-ahli dalam pembangkang, orang Melayu, Ahli Parlimen Melayu. Kita tidak akan terima soalan seperti ini melainkan kita mengamalkan demokrasi, oleh kerana itu kita terima. Lain kali mesti berhati-hati. *[Tepuk]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan bermain api, nanti terbakar diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya jemput Yang Berhormat Lubok Antu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Pergi makan dia orang...*[Ketawa]*.

7. **Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan keberkesanan usaha-usaha kerajaan bagi membanteras masalah gengsterisme di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia Kontinjen Sarawak telah berjaya membanteras kegiatan gengsterisme dengan menangkap seramai 131 orang gengster. Mereka ini telah ditahan di bawah Ordinan Darurat. Mekanisme pencegahan yang digunakan oleh PDRM pada masa sekarang adalah berkesan. Namun sekiranya terdapat saksi-saksi pendakwaan yang boleh membantu polis serta berani tampil ke hadapan untuk memberi keterangan di mahkamah, pihak polis akan dapat mendakwa penjenayah yang terlibat dalam kegiatan gengsterisme di mahkamah. Hukuman yang setimpal boleh dijatuhkan ke atas penjenayah sekiranya mereka terbabit dengan kesalahan mereka.

Walau bagaimanapun pada masa kini, polis masih tidak berjaya mendakwa kebanyakan penjenayah atau gengster ini kerana kekurangan bukti. Sebagai langkah-langkah pencegahan bagi mengelak penjenayah ini dibebaskan, polis mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan iaitu di bawah Ordinan Darurat.

Sekiranya penjenayah tersebut melakukan kegiatan gengsterisme secara serius perintah tahanan akan dikenakan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor manakala penjenayah yang kurang serius perintah sekatan atau buang daerah akan dikenakan selama dua tahun. Sekiranya dalam tempoh yang telah ditetapkan, mereka ini tidak pulih, maka tindakan untuk menyambung hukuman-hukuman ini akan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lubok Antu.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Tuan Yang di-Pertua, isu gengsterisme di Sarawak pada masa sekarang amatlah hangat sekali diperbincangkan. Jadi tadi dijawab buang daerah, satu daripada langkah untuk menyelesaikan masalah gengsterisme. Buang daerah ini adalah satu sebab juga yang menyumbang kepada gengsterisme di kawasan saya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Dibuang ke sana.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Dia ditangkap di Sibu, dibuang ke Lubok Antu. Jadi di Lubok Antu dia pun jadi gengster, jadi *boss* di sana. Curi kayu, menyeludup rokok, jadi hantu di sana. *[Ketawa]*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Hantu kedua.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Ha, bukan hantu. *[Ketawa]*. Jadi, saya mencadangkan sama ada kerajaan boleh memberikan perkhidmatan tentera-tentera yang sekarang tiada peperangan untuk menolong pihak polis. Dihalau gengster yang *notorious* sangat di kawasan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Kawasan di Sarawak sekarang seperti tiada undang-undang, *disorder, lawlessness*, kecurian, rompak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Jungle law*.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: *Jungle law*. Jadi saya tak tahu macam mana keadaan boleh berlaku seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Di manakah, di manakah undang-undang sekarang? *[Dewan riuh][Disampuk]*. Di manakah polis sekarang? Di kawasan saya sendiri, dua minggu yang lepas, gengster cuba menebang mengkabang yang tidak dibenarkan. Menebang kayu-kayu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sesuka hati dia.

Seorang Ahli: Curi meriam rumah ku.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Dia curi, merompak.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat. Cukup..

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Adakah kita sekarang, ada undang-undang atau tidak? Kalau tidak ada, kita balik di mana kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Orang Iban...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita makan...

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Kita tutuh kepala lagi..*[Ketawa]*. Bolehkah? *[Dewan riuh][Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baiklah, sila duduk. Faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya boleh mengatakan saya gengster, saya boleh potong kepala.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Boleh, kalau keadaan ini boleh dibiarkan oleh kerajaan, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lubok Antu cukuplah.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Sekarang Iban bukan macam dahulu, bukan. Tetapi boleh juga pergi kepada keadaan zaman dahulu. Saya gengster juga. *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Potong kepala Kepong.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Ini saya sudah buat, boleh mahu katakan gengster. Dia pergi ke rumah panggil saya gengster.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. cukuplah Yang Berhormat. Baik, baik cukup.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Saya cukup marah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Demi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik...

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Ya, demi rakyat.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik cukup sila duduk.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah langkah-langkah pencegahan seperti mana yang saya katakan tadi, kalau sekiranya polis ada bukti yang kukuh barulah kita boleh mendakwa mereka ini. Kalau tidak, sukar bagi kita untuk mendakwa mereka. Walau bagaimanapun langkah-langkah pencegahan itu dibuat, buang daerah. Kita tidak pernah buang daerah kalau daripada Lubok Antu. Kalau katakan saya mengambil alih daripada kementerian, sekurang-kurangnya kita buang. Kalau dari Sabah kita akan buang ke Sarawak. Kalau di Johor kita akan buang dia dari lima negeri, tidak buang daripada... itu saya ingat Yang Berhormat cakap itu tidak betul. Kita mesti sekurang-kurangnya satu negeri atau dua negeri tidak buang sebegitu rupa tetapi kalau Yang Berhormat

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya tidak tahu, mungkin itu maklumat yang tidak betul dan tidak tepatlah. Biasanya kalau saya, mesti sekurang-kurangnya dua negeri. Ini adalah langkah-langkah yang ada dalam peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang. Kita tidak boleh buat perkara-perkara yang di luar undang-undang kerana negeri ini mempunyai undang-undang. Mengenai potong kepala, kalau kita potong kepala esok orang potong kepala kita pula sama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah jawab.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, soalan tambahan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang dimaksudkan dalam soalan tambahan pertama tadi ialah gengster yang mengugut, gengster yang merompak, tetapi ada satu lagi kelas gengster yang mencuri dengan sewenang-

wenangnya. Rumah saya sendiri beberapa kali dicuri, rumah jiran berapa kali, rumah orang lain berapa kali - macam kebebasan 100% mencuri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Jadi apakah tindakan yang telah diambil atau sedang diambil. Oleh sebab macam ini, tidak ada keyakinan lagi terhadap polis kerana tidak ada keselamatan ke atas harta benda kita di Sarawak.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang mencuri itu bukan gengster, itu pencurilah. Kalau gengster ini dia lain sedikit, dia ada geng. Pencuri ini mungkin satu orang yang mencuri, jadi kes-kes seperti ini ada juga. Walau bagaimanapun, saya menasihati supaya langkah-langkah yang diambil oleh PDRM lebih efektif lagi. Sekarang ini kita sedang ke arah memperbanyakkan lagi usaha-usaha untuk membanteras jenayah. Semalam pun Kabinet telah membuat keputusan supaya tempat-tempat di mana jenayah ini tinggi kita akan meletakkan lebih ramai lagi anggota polis dan balai-balai baru akan didirikan itu keputusan yang telah dibuat. Terima kasih.

8. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kejayaan kementerian dari segi pelaburan jangka masa panjang dan pendek dalam lawatan ke Afrika.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia termasuk benua Afrika. Benua Afrika turut berpotensi dalam memberikan sumbangan dari segi pelaburan dan perdagangan ke negara ini. Pelaburan negara benua Afrika ke Malaysia sehingga 2006 adalah berjumlah USD 117.4 juta. Negara-negara dari benua Afrika yang membuat pelaburan dalam sektor perkilangan adalah Afrika Selatan iaitu USD 91.1 juta, Mauritius iaitu USD 15.9 juta, 'Mercia' USD 5.5 juta, Kenya USD 2.9 juta, Nigeria USD 1.3 juta dan Syria USD 0.7 juta.

Pelaburan tersebut tertumpu pada sektor-sektor perkiraan utama berikut produk petroleum termasuk petrokimia, pembuatan makanan, produk berasaskan kayu, produk tekstil, perabot, produk elektronik dan *electrical* dan produk am.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pelaburan Malaysia di benua Afrika sehingga 2006, nilai pelaburan adalah sebanyak USD2.025 bilion dan tertumpu dalam sektor minyak dan gas, kewangan insurans, perkhidmatan perniagaan, pembinaan, perhutanan dan perkhidmatan sosial dan persendirian. Destinasi pelaburan utama Malaysia ke negara Afrika adalah seperti Mauritius, Sudan, Cameroon, South Africa, Ghana, 'Mercia', Gabon, Gdynia, Mozambique, Tanzania dan Kenya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneroka peluang-peluang pelaburan di Afrika dan meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, misi pelaburan dan perdagangan ke Afrika

telah diadakan melalui lawatan Perdana Menteri pada 16 hingga 22 April 2007 ke Sudan, Kenya dan Namibia. Pada masa yang sama, misi perdagangan dan pelaburan oleh MATRADE ke negara Afrika seperti Namibia, Afrika Selatan dan Mozambique akan diadakan pada 19 hingga 27 Ogos 2007 untuk meninjau peluang-peluang pelaburan dan kerjasama yang boleh diadakan antara Malaysia dengan Afrika. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah sebab lawatan ke luar negara oleh MITI ini dalam segi pelaburan telah membawa keuntungan yang besar ataupun pelaburan yang besar iaitu berjumlah berbilion-bilion ringgit tanpa *ceremony* yang besar-besar. Atur cara MOU pun sangat *simple* dan sebagainya ini termasuk di benua Afrika. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah potensi pelaburan dua hala di benua Afrika pada masa akan datang memandangkan, umpamanya Sudan ada masalah dengan Amerika.

Maksud saya apakah potensi itu akan berkembang ataupun akan diganggu dengan suasana politik di sana terutamanya berkaitan dengan politik antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Ledang. Tuan Yang di-Pertua, benua Afrika merupakan sebuah benua yang besar dan mempunyai banyak sumber asli, dan bukan sahaja minyak dan gas. Peluang pelaburan di sesebuah negara di benua Afrika itu bergantung pada keadaan sesebuah negara ini di Afrika. Misalnya peringkat pembangunan ekonomi dan sumber aslinya. Sebagai contoh yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang, memang Sudan mengeluarkan sumber asli khususnya dalam bidang minyak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negara kita Petronas telah melibatkan diri dalam aktiviti eksploitasi dan juga *refinery* dalam bidang minyak dan petroleum walaupun keadaan politik di Sudan bukan begitu menggalakkan memang ada gangguan dan perang pun telah dilakukan sejak beberapa tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun operasi eksploitasi minyak dan juga *refinery* yang kita dalam negara Sudan khususnya dan di negara lain pada amnya tidak dijejaskan. Sehingga hari ini Petronas telah beroperasi di sebanyak 10 negara di benua Afrika. Ini saya rasa adalah pencapaian yang sangat besar dan selain daripada pelaburan dalam bidang minyak dan gas, banyak pelabur-pelabur kita telah berjaya masuk ke bidang pembuatan, bidang perumahan, khususnya dalam negara-negara yang maju seperti Afrika Selatan.

Misalnya *country heights* dan beberapa negara seperti Pearl Valley, Golf Estate dan Mitrajaya Holding Berhad telah memulakan projek-projek resort, pembangunan resort dan perumahan dengan jayanya di Benua Afrika itu. Sekian, terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)
INSIDEN-INSIDEN ROMPAKAN DAN ROGOL BERKUMPULAN
YANG GANAS DI JOHOR BAHRU

11.33 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya berdiri untuk kemukakan Usul yang berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan ini memberi laluan kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk membawa satu usul berkenaan perkara tertentu, untuk kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan, iaitu insiden-insiden rompakan dan rogol berkumpulan yang ganas di Johor Bahru mencetuskan bantahan kuat orang ramai di seluruh negara terhadap kegagalan polis untuk mengawal dan mengurangkan jenayah sehingga rakyat Malaysia berasa tidak selamat lagi semasa berada di jalan, tempat awam dan di rumah.”

Dalam satu kempen tanda tangan yang menasarkankan 100,000 tandatangan untuk memulangkan hak asasi penduduk-penduduk di Johor Bahru, supaya bebas daripada jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah sebanyak 80,000 tandatangan telah di kumpul dari seluruh Malaysia dalam masa tiga hari. Di mana ini merupakan satu cetusan perasaan marah dan hampa biarpun janji demi janji dibuat oleh Perdana Menteri atau Ketua Polis Negara untuk memerangi jenayah, penubuhan Suruhanjaya Diraja Polis, begitu juga dengan kenaikan gaji dan peruntukan untuk polis, indeks jenayah negara ini bertukar lebih serius dengan jenayah keganasan berlipat ganda dalam tiga tahun yang lalu. Melainkan keadaan jenayah yang teruk di Malaysia turut dihapuskan sama sekali, di mana bukan sahaja Johor Bahru sudah menjadi bandar jenayah di negara kita, malahan kawasan-kawasan hitam yang lain, di Lembah Klang dan Pulau Pinang turut menghadapi masalah yang sama, maka program Tahun Melawat Malaysia 2007, dan program-program yang lain untuk menarik para pelabur asing khususnya projek Multi Bilion Ringgit, Wilayah Pembangunan Iskandar akan terjejas.

Kempen anti jenayah bukan bersifat perkauman atau isu politik, tetapi merupakan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia. Polis tidak harus terpesong oleh beberapa SMS perkauman sehingga kehilangan tumpuan dalam memerangi jenayah malahan menghukum yang

tidak bersalah seperti menahan aktivis SUARAM, Nyam Kee Han dan See Siew Mun. Polis harus bekerja dengan NGO-NGO dan masyarakat madani untuk menghentikan perasaan takut yang disebabkan oleh kadar jenayah berleluasa daripada terus bermaharajalela. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Ipoh Timor pada hari Selasa, 19 Jun 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini setakat ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan pihak polis sedang mempertingkatkan lagi langkah-langkah pencegahan bagi menangani kes-kes jenayah. Sekarang ini pun pihak polis tambahan telah dikerahkan untuk membantu pihak polis tempatan di tempat yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN LETUPAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.35 pagi

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahan Letupan 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang."

Tuan Yang di-Pertua, *Convention of Making of Mlastic Eexplosive for the Purpose of Detection*, telah mula berkuat kuasa pada 21 Jun 1998. *Convention* ini menghendaki setiap negara pihak mengambil langkah-langkah yang efektif dan sewajarnya bagi melarang dan

mencegah perbuatan atau pengilangan bahan letupan plastik yang tidak bertanda di wilayah mereka. *Convention* tersebut juga menghendaki setiap negara pihak untuk mengambil langkah-langkah efektif dan sewajarnya bagi melarang dan mencegah pergerakan masuk atau keluar bahan letupan tidak bertanda ke dalam atau dari negaranya, serta mengamalkan kawalan yang ketat dan efektif ke atas sebarang pemilikan dan pindahan milik bahan letupan yang tidak bertanda, yang dibuat atau diimport sebelum penguatkuasaan *convention* ini.

Stok bahan letupan plastik yang bukan disimpan oleh pihak berkuasa yang menjalankan fungsi polis atau tentera seharusnya dimusnahkan. Digunakan atau ditandakan dalam masa yang telah ditetapkan dari tarikh berkuat kuasa *convention* ini ke atas negara yang berkenaan. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Ogos 2003 untuk menyertai *convention* ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Peruntukan undang-undang mengenai taksiran pembuatan, penggunaan, pengimportan dan pengeksportan bahan letupan plastik serta hukuman-hukuman mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan perlu dimasukkan ke dalam Akta Bahan Letupan 1957 bagi memenuhi obligasi di bawah *convention* ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Yang kedua Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 207] untuk memasukkan takrif bagi ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta 207.

Yang Ketiga Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 4 [Akta 207] untuk meluaskan ruang lingkup peruntukan itu kepada pengimport bahan letupan dan untuk menambah denda daripada RM10,000 kepada RM50,000.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4C, dan 4D ke dalam Akta 207. Seksyen baru itu, bertujuan untuk melaksanakan *Convention of Making of Plastic Explosive for The Purpose of Detection* yang dibuat di Montreal pada 1 Mac 1991.

Yang kelima, seksyen baru 4A melarang mana-mana orang daripada pengilang apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda, sementara seksyen baru 4B melarang mana-mana orang daripada memiliki atau memindahmilikan apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda.

Seksyen baru 4C, melarang mana-mana orang daripada pengimport atau pengeksport apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda. Pengecualian tertentu diperuntukkan bagi bahan-bahan letupan plastik tidak bertanda yang telah diimport di dalam atau di kilang di Malaysia sebelum hari yang telah ditetapkan.

Yang keenam, seksyen 4D bertujuan menghendaki semua orang yang memiliki apa-apa bahan letupan plastik pada hari ini yang ditetapkan untuk melaporkan kepada Ketua Polis Negara

dalam 200 hari selepas hari yang telah ditetapkan iaitu kuantiti bahan letupan plastik yang dimiliki itu, pengilang dan pengeksport bahan letupan plastik itu, apa-apa tanda pengenal pada bahan plastik itu dan apa-apa maklumat lain yang ditetapkan oleh menteri melalui peraturan-peraturan.

■1140

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 11 dan 14 Akta 207 untuk menambah denda yang dikenakan.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 207 untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal selia penandaan bahan letupan plastik.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 207 untuk memberi menteri kuasa atas permohonan secara bertulis, untuk mengecualikan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda, daripada pemakaian Akta 207, yang dipegang dalam kuantiti terhad bagi maksud penyelidikan, pemajuan, pengujian dan latihan atau bagi aktiviti sains forensik atau yang telah dijadikan sebagai suatu bahagian integral sesuatu peranti ketenteraan yang dibenarkan dan yang dimiliki atau dipindahkan dalam perjalanan tugasnya oleh seseorang anggota tentera atau polis yang diberi kuasa oleh seseorang anggota angkatan tentera pelawat yang berada di Malaysia secara sah.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru kedua ke dalam Akta 207 untuk menetapkan bahan yang digunakan sebagai agen pengesan di dalam bahan letupan plastik bagi maksud Akta 207.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan atau wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahan Letupan 1957 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

11.40 pagi

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya menimbulkan sedikit-sebanyak untuk mendapatkan jawapan daripada pihak kementerian berhubung dengan bahan letupan yang ingin kita pinda ini.

Saya ingin tahu daripada kementerian, di bawah Obligasi Montreal Convention ini, kita perlu mengambil langkah-langkah untuk melarang pembuatan *plastic explosive* yang tidak

ditandakan. Saya ingin tahu daripada kementerian, setakat ini di negara ini, apakah kementerian ada membuat pemantauan terhadap pembuat-pembuat *plastic explosive* di negara ini, sama ada di negara Malaysia ada kilang-kilang yang mengeluarkan *plastic explosive* yang ingin dilarang ini?

Berhubung dengan obligasi yang satu lagi iaitu untuk menetapkan kawalan yang ketat terhadap pergerakan *explosive* ini, apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian untuk membuat kawalan ketat seperti mana dikehendaki di bawah obligasi konvensyen di Montreal ini.

Seterusnya, berhubung dengan pembuatan *explosive* selain daripada kuasa-kuasa legislatif yang akan diperoleh melalui pindaan ini, apakah tindakan-tindakan yang lebih praktikal yang akan dilakukan oleh kementerian untuk meninjau dan memantau pembuatan *explosive* ini secara sah termasuk melakukan *inspection* premis-premis yang diketuai oleh kementerian atau premis-premis yang mungkin disyaki untuk mengeluarkan atau membuat *explosive* ini. Saya rasa ini memerlukan tindakan yang melebihi kuasa yang diperoleh melalui pindaan undang-undang ini.

Di dalam pindaan ini, *explosive* yang tidak ditandakan ini masih boleh digunakan dan untuk pengecualian di bawah akta ini adalah apabila *explosive* yang tidak ditandakan ini digunakan untuk melakukan fungsi ketenteraan dan kepolisan. Saya rasa kita perlu juga memastikan walaupun ada pengecualian diberikan untuk fungsi-fungsi yang tertentu, kita pun kena tahu apakah sebenarnya *explosive* ini walaupun dikatakan digunakan untuk fungsi ketenteraan dan kepolisan, ia benar-benar digunakan sedemikian dan bukan digunakan untuk matlamat ataupun tujuan yang selain daripada apa yang digunakan.

Berhubung dengan satu obligasi lagi iaitu menguruskan stok-stok yang masih wujud, saya ingin tahu dari kementerian, berapa banyak stok *plastic explosive* yang tidak ditandakan masih wujud di negara ini? Selama ini bagaimana kementerian menguruskan perkara ini iaitu menguruskan *plastic explosives* yang tidak ditandakan ini supaya kita tahu sama ada selama ini ia digunakan untuk tujuan yang benar-benar. Saya rasa, dalam mengawal *existing stock* ini, kementerian perlulah menghindarkan stok-stok yang masih wujud ini tidak di *diverted* daripada stok yang sedia ada kepada orang yang ingin memiliki stok-stok ini tanpa *authorization* ataupun secara tidak sah ataupun tidak mengikut undang-undang.

Obligasi kita yang lain adalah memastikan stok-stok yang masih ada akan dimusnahkan ataupun dijadikan tidak berfungsi lagi. Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah yang akan dilakukan oleh kementerian untuk menentukan stok-stok yang sedia ada dapat dimusnahkan dengan berkesan? Baru-baru ini di negara ini, masih berlaku kes-kes pengeboman di satu dua tempat yang walaupun secara kecil-kecilan tetapi ia amat membimbangkan rakyat dan akan mengeruhkan suasana yang aman di negara ini dan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Altantuya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Apa itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Altantuya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: ... akan menjejaskan keyakinan komuniti antarabangsa terhadap *environment* di negara ini. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat di tepi dan belakang saya menyentuh kes Altantuya. Saya rasa ini walaupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu dalam perbicaraan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya tidak sentuh. Belum sampai itu.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ini hakikat.

■1150

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sebab mengikut laporan akhbar, *explosive* yang digelar C4 ini adalah di bawah undang-undang yang cuma dimiliki oleh tentera dan polis. Kalau ianya dikeluarkan bukan dikeluarkan untuk tujuan yang spesifik ataupun tujuan yang dibenarkan di bawah undang-undang yang sedia ada, ini menjadi satu persoalan yang amat besar yang mungkin cuma dapat dijawab di mahkamah di Shah Alam kelak.

Jadi saya nampak walaupun kejadian sedemikian tidak berlaku dengan berleluasa dan memandangkan suasana sempadan negara Malaysia dengan Thailand, dengan Indonesia, dengan Filipina, kita haruslah memastikan kerajaan dapat mengawal import, eksport ataupun pergerakan plastik *explosive* yang tidak ditandakan ini dengan sebaik-baiknya, supaya kita tidak ingin didakwa oleh mana-mana pihak bahawa kegiatan-kegiatan *terrorism* yang berlaku di negara-negara jiran kita hasilnya. Sebab mereka dapat memperoleh plastik *explosive* ini dari negara Malaysia. Jadi ini sedikit sebanyak persoalan yang saya ingin tujukan kepada kementerian...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bandar Kuching

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat sama ada selepas rang undang-undang ini diluluskan dan diimplementasikan sama ada peletupan seperti kes-kes seperti peletupan Altantuya akan berlaku lagi. Walaupun kes-kes ini dan walaupun rang undang-undang diluluskan dan diimplementasikan, sekiranya peletupan bom-bom atau C4 berkaitan dengan orang-orang yang berkaitan dengan Timbalan Perdana Menteri, ia akan terus berlaku. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya rasa kerajaan ambil masa yang begitu lama untuk meluluskan pindaan ini untuk memateraikan obligasi kita melalui Montreal Convention. Hampir 10 tahun baru kita ambil tindakan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita perlu cuai dalam menguruskan perkara yang amat penting dan sensitif ini.

Tujuan untuk memusnahkan plastik *explosive* yang tidak ditandakan ini adalah baik supaya *explosive* yang tidak ditandakan ini akan dihapuskan sama sekali dan pula digantikan dengan *explosive-explosive* yang ditandakan. Sebab *explosive* yang ditandakan dengan agen-agen *detection* ini lebih mudah dikesan oleh pihak-pihak penguat kuasa sama ada di *airport*, di pelabuhan ataupun di mana-mana di sempadan. Pihak polis atau kastam atau marin polis dan sebagainya lebih senang untuk mengesan *explosive-explosive* yang ditandakan. Jadi *Convention* ini adalah bertujuan untuk menangani masalah pengeboman ataupun keganasan yang berlaku di dunia ini. Jadi *Convention* ini diadakan supaya semua negara memastikan *explosive-explosive* yang tidak ditandakan itu dimusnahkan sama sekali, melainkan untuk tujuan-tujuan yang spesifik seperti tentera, polis, untuk *research* dan sebagainya.

Jadi kita nampak masih ada *explosive-explosive* lama yang tidak ditandakan wujud dalam stok-stok dan ini menjadi masalah bagaimana kita hendak menguruskan dengan sebaik-baiknya. Jadi kebimbangan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching memang berasas.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Bangun*] Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kita tidak tahu bagaimana polis ataupun tentera mengawal stok yang sedia ada supaya stok yang sedia ada tidak sewenang-wenangnya dikeluarkan oleh anggotanya untuk tujuan yang jahat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pada masa sekarang, membuat satu bom atau satu bahan letupan adalah mudah kerana saya ada baca dalam surat khabar bahawa di internet pun ada cerita-cerita mengajar orang-orang membuat bahan letupan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat baca di internet atau baca surat khabar?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Surat khabar berkata, boleh belajar dari internet. Jadi adakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kerajaan supaya juga mengawasi bahan-bahan internet ini kerana ia tidak perlu ada apa-apa tanda. Dan juga bahan letupan yang sekarang diguna pakai di kuari-kuari, ia tidak ada *marking*. Ia cuma ada *explosive* dan tali untuk meletupkan bahan letupan ini sahaja dan bagaimana ia boleh ditandakan.

Juga diketahui umum bahawa juga terdapat bahan-bahan letupan digunakan untuk menangkap ikan di perairan Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung. Ini juga tidak apa-apa tanda dan bagaimana kita hendak menangani perkara ini. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya pun tidak pakar dalam soal-soal Yang Berhormat timbulkan. Saya berharap kementerian bolehlah sedikit sebanyak terhadap soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya berharaplah... Apa ini? [*Ketawa*]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Adakah Yang Berhormat bagi Tanjong sedar bahawa baru-baru ini ada letupan di stesen bas di Puduraya, di kawasan saya pada minggu lalu. Saya pun ada melawat di tempat tersebut. Ini akan menakutkan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa satu tindakan yang tegas harus diambil terhadap orang yang meletakkan bom di stesen bas Puduraya ini untuk meyakinkan bahawa penduduk-penduduk di tempat dan juga pelancong-pelancong yang ingin datang ke Malaysia. Sebab ini, satu tindakan yang harus di ambil. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Dalam ucapan saya tadi pun saya ada menyebut kes-kes kejadian yang berlaku kebelakangan ini. Jadi saya rasa ini satu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan, sebab berlakunya insiden-insiden sedemikian akan menjejaskan nama baik negara ini dan menggugat, mengancam gugat ketenteraman yang kita nikmati di negara ini dan kita tidak mahu anasir-anasir jahat ini dapat memperoleh *explosive* ini sama ada melalui *connection* dari pihak tentera ataupun pihak polis ataupun melalui pengajaran di internet, mengajar mereka membuat bom-bom secara *simple*. Itu semua kita tidak ingin lihat. Jadi haraplah dengan pindaan ini, kita dapat menangani masalah-masalah yang berbangkit. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran

11.59 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana menggubal undang-undang ini untuk menyelaraskan kehendak Montreal Convention ini terhadap bahan letupan. Ini yang berlaku apabila ada konvensyen antarabangsa, Malaysia sering kali menggubal undang-undangnya tentang perkara-perkara yang berkaitan untuk menyelaraskan kehendak konvensyen.

Kita lihat hari ini bahan letupan plastik adalah merupakan satu topik yang digubal melalui undang-undang kita ini yang menyelaraskan kehendak antarabangsa. Tapi kita lihat di negara kita bahan letupan plastik bukanlah merupakan satu masalah yang besar yang telah menjadi krisis yang besar untuk kita menanganinya.

■1200

Saya melihat bahawa kerajaan memang mempunyai langkah dan tindakan untuk mengawal bahan letupan plastik ini daripada disalahgunakan. Tetapi ada aspek lain yang mungkin tidak menjadi perbincangan konvensyen antarabangsa yang juga boleh dijadikan

sebagai bahan letupan yang boleh membahayakan masyarakat di negara ini. Penggunaan bahan letupan untuk menangkap ikan, umpamanya, prosesnya, komponennya mudah. Bahan letupan untuk menangkap ikan yang sering kali berlaku di perairan Sabah yang mana teknologi ini diimport daripada teknologi negara jiran, Filipina.

Komponennya mudah iaitu *ammonium nitrate* ataupun '*diammonium nitrate*', minyak tanah dan juga kit peletup. *Ammonium nitrate*, *diammonium nitrate* adalah bahan yang mudah diperoleh di negara kita kerana bahan kimia ini merupakan bahan baja yang digunakan dalam industri perladangan. Maknanya kita boleh peroleh *diammonium nitrate* ataupun *ammonium nitrate* dan komponen yang penting cuma kit peletup. Soalnya, ini tidak menjadi konvensyen, tidak menjadi perkara perbincangan antarabangsa. Kerana itu di negara kita, ianya tidak menjadi larangan kerana ada industri yang menggunakannya.

Tetapi dari segi akibatnya, penggunaannya sama seperti bahan letupan plastik dengan penggunaan dan pembuatan bom, bahan letupan melalui *ammonium nitrate*, *kerosene* (minyak tanah) dan kit peletup. Soalnya adakah kerajaan bercadang untuk mengawal penjualan *ammonium nitrate* ini? Kerana banyak pihak dan sudah ada yang berlaku bahawa bahan kimia ini digunakan untuk membuat bahan letupan. Banyak insiden yang berlaku di Sabah, ketika ketidaktentuan politik di Sabah pada tahun 1985, 1986, bahan letupan bentuk ini telah digunakan untuk menghuru-harakan keadaan di negeri Sabah.

Adakah kerajaan pada masa dan ketika ini, dengan *spirit* penggubalan undang-undang bahan letupan plastik ini, akan mendorong kerajaan melihat kehendak atau keperluan untuk mengawal penjualan *ammonium nitrate* ini agar ianya dapat dikawal dan mengelakkan insiden lain yang boleh berlaku akibat daripada pembuatan bahan letupan melalui komponen kimia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

12.03 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membawa rang undang-undang ini dan saya kira telah tiba masanya untuk kita membincangkan bagaimana bahan-bahan letupan ini, sekurang-kurangnya kalau tidak bahan letupan plastik ini, kalau tidak didaftarkan, kita mengetahui di manakah asal usulnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini kerana saya mempunyai pengalaman berkongsi dengan rakan-rakan yang pernah menderita kerana disebabkan oleh bahan-bahan letupan. Kampung saya sebenarnya terletak di Kampung Relau, Asahan, Jasin, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sana ini ada banyak sisa bahan letupan yang ditinggalkan oleh askar-askar British lama. Jadi ada di antara orang-orang muda kampung saya yang terjebak dengan kemalangan ini dan ada yang telah meninggal dunia.

Saya kira ini bukan kita hendak babitkan sama kementerian tetapi atas tujuan ketenteraan dan kepolisian tadi memang saya amat bersetuju. Tetapi apa yang saya lihat ialah bom plastik ini, ia amat mudah untuk dibawa ke hulu dan ke hilir kerana rupanya tidak ubah seperti tanah liat ataupun *plasticine* yang kanak-kanak main.

Tuan Yang di-Pertua, bom yang terbesar pernah digugurkan di bumi ini ialah bom atom dan yang terkecil ialah bom berbentuk granit yang digunakan oleh askar-askar kita untuk bertempur dengan musuh. Letupan ini berlaku mudah, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku ketidakseimbangan di antara gerakan ion positif dan negatif yang akan menyebabkan berlaku pergerakan ion-ion yang aktif yang akan menghasilkan haba dan meletup.

Cilium, umpamanya, kita belajar *Chemistry*, letak di dalam minyak, kena sedikit udara, ia meletup, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak minta pihak kementerian supaya kalau kita gesa ataupun ternampak ada *movement of chemical*, pergerakan bahan-bahan kimia yang kuantitinya terlalu banyak, maka sudah pasti ia bertujuan untuk sesuatu yang berkaitan dengan pembinaan ataupun pembikinan bom-bom ini seperti yang disebut *ammonium nitrate* tadi. 'Atheling' adalah antara bahan-bahan yang digunakan untuk membuat bom.

Saya hendak tanya kementerian, setakat ini adakah hubungan pihak kementerian bersama-sama dengan Jabatan Kimia yang memantau pergerakan-pergerakan bahan kimia ini dan yang pastinya ia tidak akan bergerak serentak kerana kalau ia bergerak serentak, terus kita akan dapat kesan yang mereka ini bertujuan untuk membina bom. Tetapi kalau ia bergerak dalam unit yang berlainan, dalam kumpulan mereka sendiri, saya kurang pasti sama ada Jabatan Kimia akan melaporkan terus kepada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri tentang pergerakan-pergerakan ini untuk membina bom-bom plastik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk pihak keselamatan kita menyemak? Bom plastik ini pun, ia sama juga, binaan ion yang berbeza, ia kalau letak di tempat yang berbeza, ia tidak ada masalah. Tetapi kalau ia dicantumkan kedua-duanya sekali menggunakan pengalir dan sebagainya, ia akan jadi satu letupan yang boleh *mess destructive*, yang boleh memusnahkan kawasan sesuatu tempat.

Kalau ada dua orang yang bawa dengan cara yang berbeza. Dia bawa dia, dia bawa dia dan berjumpa dalam satu tempat, dalam kapal terbang dan umpamanya, di manakah kebolehan atau keupayaan mesin pengimbas kita untuk mengesan bom-bom ini. Jadi saya yakin dan percaya kalau seseorang itu berniat jahat, dia tidak akan membawa bom ini dalam satu pakej, dalam satu bingkisan. Dia akan membawa dalam bingkisan yang berbeza dan mereka boleh melakukan apa sahaja yang kita kira merosakkan imej keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya kira boleh diambil perhatian oleh pihak kementerian ialah, apakah cara penghapusan yang terbaik boleh diperkenalkan oleh pihak kementerian bagi bom-bom plastik yang tidak bertanda itu? Saya dapati ada tapak-tapak kuari,

yang hari ini pengusaha-pengusaha kuari menggunakan cara letupan tradisi. Menggunakan dinamit untuk meletupkan kuari-kuari mereka. Di Melaka kita ada empat kuari yang masih lagi beroperasi, dan saya mencadangkan supaya kalau pemusnahan bom-bom yang tidak bertanda ini boleh dimanfaatkan sekali. Berbincang dengan pihak pengusaha kuari. Tempat-tempat kuari ini lazimnya telah ditentukan keselamatannya oleh pihak polis dan tentera dari segi kemusnahan itu tidak merebak sampai ke kampung-kampung dan lain-lain lagi.

Saya mencadangkan supaya bom-bom yang bakal dimusnahkan nanti dimanfaatkan dengan menggunakan bom-bom plastik ini di kuari-kuari supaya kita dapat maksimumkan produktiviti kuari negara kita. Ini cadangan saya kepada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

■1210

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas tentang akta bahan letupan ini. Di dalam negara kita memang banyak bahan-bahan kimia yang boleh diguna pakai untuk membuat bahan-bahan letupan selain daripada yang disebut oleh kawan kita tadi dari Beluran. Baja urea pun boleh digunakan untuk membuat bahan-bahan letupan termasuk *kerosin* ataupun minyak tanah. Namun bom plastik ini adalah satu bom di mana kegunaannya adalah lebih meluas lagi. Ianya boleh digunakan untuk pelbagai suhu yang berbeza. Suhu serendah sehingga 25 *degrees celsius* pun ianya boleh diguna pakai.

Kalau kita lihat dari bom plastik ini dan di bawah jadual kedua di mana satu *detection agent* diperlukan di dalam bom tersebut. Kalau bom ini dibuat, siapakah yang memastikan bahawa *detection agent* ini seharusnya dimasukkan di dalam bom plastik itu dan minimum konsentrasinya. Kalau konsentrasi yang tinggi, kemungkinan bom itu lebih mujarab lagi, lebih tinggi *explosively* nya. Jadi, ini adalah satu masalah pemantauan kalau bom itu dibuat. Di dalam senarai di dalam Jadual 2, kita lihat bahan-bahan. Empat bahan yang memang senang diperoleh di negara kita. Walaupun keempat-empat bahan-bahan ini, ethylene glycol dinitrate (EGDN) digunakan untuk *detection agent*, namun ianya juga boleh digunakan untuk membuat bom itu sendiri. Kalau *nitrate*, bahan-bahan yang ada *nitrate* di dalam itu, memang adalah bahan letupan. Yang kedua, dua tiga *dynatron butane*. *Butane* ini adalah bahan yang mudah terbakar. Jika ianya digunakan juga untuk *detection agent*, maka ianya juga boleh digunakan sebagai bahan bom.

Yang ketiga, adalah *para-Mononitro-toluene* adalah satu bahan kimia yang juga mudah bakar. Jadi semuanya ini adalah bahan-bahan yang mudah bakar, kenapa ianya jadi *detection agent* dalam bom-bom plastik ini? Bom plastik, *explosivenya*, ianya boleh rendah ataupun boleh tinggi, *explosively* nya. Bergantung pada bagaimanakah bom itu diperbuat dan bagaimanakah bahan-bahan kimia dicampurkan aduk? Jadi, ini akan menjadi satu masalah kepada kita. Sudah

ada banyak contoh di mana bom-bom plastik di dalam dunia ini diguna oleh penjenayah dan *terrorist*. Sekarang ini memang sudah banyak penjenayah di negara kita, *terrorist* di negara kita. Oleh itu selain daripada kawal mereka sendiri, kita mesti kawal bahan-bahan yang boleh digunakan untuk membuat bom seperti baja urea, *nitrate* dan sebagainya. Ini adalah satu bahan *explosive* yang boleh digunakan oleh mereka. Adakah di dalam perundangan ini nanti, kerajaan akan memantau kegiatan mereka yang membekal baja-baja di negara kita? Adakah di dalam perundangan ini nanti kerajaan akan memantau kegiatan mereka yang akan menjual bukan sahaja bahan-bahan *explosive* tetapi bahan-bahan kimia yang boleh di campur dan tindak balasnya boleh menjadi bahan-bahan *explosive*.

Dari segi ini, pemantauan adalah amat penting dan penguatkuasaan. Oleh itu saya menyokong rang undang-undang ini dan diharapkan kerajaan akan memantau dengan lebih ketat, bagaimanakah mereka ini yang membekal dan mengedar bukan sahaja bahan-bahan *explosive* tetapi bahan-bahan kimia yang lain. Tuan Yang di-Pertua, selama ini kalau kita lihat di dalam perusahaan kuari. Walaupun mereka yang mengusahakan kuari ada permit daripada pihak berkuasa, pihak polis untuk menggunakan bom, memecahkan batu dan sebagainya. Namun kadangkala, saya tidak lihat pemantauan yang ketat oleh pihak polis.

Memang kegiatan kuari adalah di bawah perundangan alam sekitar dan pihak Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi yang lain yang menguatkuasakan keperluan alam sekitar selalu berada di kuari. Mereka tidak melihat polis dekat situ untuk mengawal, untuk *supervise* kegunaan bom ini. Jadi, selalunya kadangkala mereka yang menggunakan bom ini, kakitangan kuari, mereka sama ada mereka mencuri atau meminta daripada pihak kuari bahan-bahan *explosive* itu, namun memang sudah ada di tangan mereka. Mereka sudah pun menyalahgunakan *explosive* ini untuk mengebom ikan di sungai-sungai. Ini sudah banyak berlaku. Jadi inilah yang kita tidak mahu berterusan kerana kita pun tidak tahu nanti kalau mereka ini marah dengan jiran dia, mereka mengebom rumah jiran dia. Apa akan terjadi kepada jiran dia nanti?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan, Mambong. Saya amat tertarik daripada *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi. Seolah-olah kita ini ambil sambil lewa sahaja benda bahan api tadi. Kita tidak hendak juga negara ini akan berlaku kes-kes letupan macam baru-baru ini di Puduraya. *Home made explosive* dengan izin, dan jangan kata baja urea sahaja dan sebagainya sebagai bahan tetapi sekarang ini masih lagi tidak ada penguat kuasa kegunaan ataupun penjualan karbaid. Karbaid dahulu memang digunakan, diperlukan untuk pelita dan sebagainya, tetapi sekarang ini, apa gunanya karbaid dijual? Masih terjual lagi dekat kedai-kedai *hardware*, seolah-olah tidak ada kawalan. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Mambong? Kita tidak hendak lagi insiden-insiden macam berlaku dekat Pudu akan merata lagi di seluruh negara kita ini?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat Jasin. Apa gunanya karbaid? Karbaid biasanya digunakan untuk dimasukkan di dalam pelita apabila kita masuk ke dalam gua. Itu sahaja. Sekarang, sudah ada pelita macam *torchlight* dan sebagainya yang menggunakan bateri. Jadi karbaid pada masa sekarang memang sudah kurang kegunaannya, tetapi kenapa karbaid juga masih dijual di pasaran negara kita? Bahan ini yang senang diperoleh dan yang boleh digunakan untuk membuat bom, seharusnya dikawal dengan ketat. Walaupun lesen diberi untuk mengimport, tetapi kawalan adalah lebih penting.

■1220

Walaupun lesen diberi untuk mengimport tetapi kawalan adalah lebih penting. Mereka yang menjulkannya seharusnya mengadakan inventori untuk diperiksa setiap bulan, supaya agensi yang bertanggungjawab boleh tahu di manakah mereka jual bahan-bahan ini. Sekarang kita tahu bahawa bom seperti yang saya sebut tadi ada dua jenis; yang pertama adalah *low explosive* ataupun yang meletup dengan tidak begitu tinggi kesannya dan yang kedua *high explosive* itu kita tahu bom yang memang bom perang.

Bom *low explosive* ini boleh diperbuat daripada bahan-bahan yang senang terbakar seperti minyak tanah, kerosin, seperti *carbide* dan ini memang selalu digunakan untuk membuat bom paip yang *low explosive* itu. Ini yang senang diperbuatkan di negara kita dan ianya menggunakan pelbagai bahan, *secondary explosive* ataupun *base explosive*. Bukan sahaja daripada dinamit tetapi boleh juga menggunakan sulfur yang ada di batang pada mancis. Jadi ini akan menjadi masalah jika terdapat banyak lagi penjenayah di negara kita. Ada kemungkinan penjenayah ini juga bekerja di perusahaan kuari dan jika *explosive* ini sudah ada di tangan mereka, *only God knows* apa yang mereka akan buat dengan *explosive* ini.

Kalau sekarang mereka menggunakan untuk membunuh ikan di Sarawak dan di Sabah nanti mereka akan menggunakan untuk mengebom rumah panjang seperti yang disebut pagi tadi oleh Yang Berhormat bagi Lubok Antu. Ini akan menjadi satu masalah. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, bom plastik ini bahan-bahannya adalah digunakan oleh *engineer* yang membuat struktur besi dan sebagainya di bangunan yang tinggi. Jika *engineer* di negara kita, jurutera-jurutera di negara kita akan menggunakan juga bahan-bahan dari bom plastik ini, maka kerajaan haruslah mengawal aktiviti mereka. Bukan sahaja ianya boleh berbahaya kepada jurutera-jurutera itu sendiri semasa proses pembinaan ataupun *construction*, tetapi ianya akan membahayakan juga pekerja-pekerja yang lain dan juga harta benda di sekeliling tempat ataupun tapak pembinaan.

Oleh yang demikian, yang paling penting dalam akta ini - Akta Bahan Letupan adalah pemantauan dan juga kawalan kegunaan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk letupan. Selain daripada mengawalkan bom plastik itu sendiri, kerana ianya sudah diperbuat sudah dibina tetapi bahan-bahan yang mudah terbakar juga, bahan-bahan di dalam bidang pertanian seperti

baja dan racun-racun kimia yang memang sudah ada di dalam negara kita yang mudah terbakar. Dengan itu, terima kasih saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.24 tgh.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Setakat ini pihak kementerian dan PDRM sentiasa menjalankan lawatan dan pemantauan ke atas premis yang menjalankan bahan letupan dan memastikan mereka sentiasa mengikut prosedur dan arahan semasa. Setakat ini pemantauan dibuat, sebab itulah kita lihat bahawa di negara kita ini tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Melainkan dua, tiga perkara yang akhir-akhir ini kecoh menjadi ribut. Berkenaan dengan fungsi bahan letupan...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sebelum itu Yang Berhormat...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Nanti saya selesai dulu boleh?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Apakah premis dan pembuat di negara ini?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Itu saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itu penting juga.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, ya. Premis itu saya akan bagi secara bertulislah. Berkenaan dengan kawalan-kawalan bahan letupan yang menjadi hangat, yang dibangkitkan oleh Bandar Kuching dan sebagainya tadi ialah stok yang dipakai oleh tentera dan juga polis. Biasanya saya tidak tahu berkenaan dengan kementerian lain, kementerian tentera tetapi saya rasa apa yang digunakan oleh tentera dan juga oleh polis adalah sama sahaja iaitu prosedur pengawalan bahan letupan Polis Diraja Malaysia termaktub di bawah perintah tetap Ketua Polis Negara iaitu tatacara pengawalan dan pelupusan dan prosedur penyimpanan dan penyenggaraan bahan letupan.

Ini adalah peraturan yang dikenakan kepada anggota-anggota polis yang terlibat dengan penggunaan bahan letupan. Bahan letupan diguna oleh pegawai polis dan anggota semasa operasi ataupun latihan tidak dibenarkan dikeluarkan daripada stok penyimpanan tanpa kebenaran pegawai pemerintah unit-unit berkenaan. Setiap urusan keluar masuk bahan letupan akan dicatat di dalam baucar khas yang diluluskan dan bertulis oleh pegawai pemerintah. Pegawai dan anggota yang menggunakan bahan letupan adalah diwajibkan membuat pengakuan tidak menyimpan baki atau bahan letupan yang difahamkan. Jika didapati ada menyimpan bahan letupan secara tidak sah maka tindakan mengikut undang-undang Akta Bahan Letupan boleh diambil ke atas mereka.

Maknanya prosedurnya ada, prosedur yang dibuat oleh kerajaan ke atas pegawai-pegawai polis dan juga tentera yang menggunakan bahan-bahan letupan ini. Tetapi namun demikian saya rasa ada kemungkinan mereka-mereka ini yang tidak bertanggungjawab untuk menyeludup dan sebagainya itu di luar kita punya pengawasan. Walau bagaimanapun, untuk mengelak kes-kes seperti ini berulang, pihak kita telah menetapkan iaitu seorang pegawai bagi mengelakkan bahan-bahan yang tidak sah ini di seludup keluar. Bilik kawalan ini hanya ditugaskan seorang pegawai sahaja yang bertanggungjawab untuk menjaga bahan letupan ini.

Jadi tiap-tiap kali ada satu orang sahaja pegawai tidak seperti yang lepas-lepas. Jadi, walau bagaimanapun setakat ini kita dapati bahawa kejadian-kejadian penyeludupan atau diseludup keluar oleh pegawai-pegawai polis tidak berlaku, jarang berlaku dan bahan letupan yang digunakan dalam kes itu kita tidak tahu datang daripada mana.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Timbalan Menteri telah memberi jawapan yang saya rasa, Yang Berhormat sendiri tidak berapa yakin. Pertamanya Yang Berhormat kata ia di luar kawalan. Saya rasa tidak dapat terima alasan ini sebab sepatutnya ia haruslah di bawah pengetahuan orang yang ditugaskan. Yang Berhormat juga kata tidak pasti sama ada penyeludupan berlaku atau tidak, yang itu pun saya rasa tidak boleh diterima. Kita harus pasti sama ada kes atau tidak berlakunya penyeludupan ataupun penggunaan pengeluaran untuk perkara-perkara yang selain daripada apa yang dibenarkan. Jadi saya rasa Yang Berhormat perlulah memberi jawapan kalau bertulis pun tidak apa, pastikan ia sah dan betul pada hakikatnya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa dia ada prosedur dia. Maknanya setiap benda yang dikeluarkan maknanya ada telah dicatatkan. Maknanya dari segi rekod kita memang tidak ada benda yang diseludupkan, maknanya yang keluar diserahkan balik. Memang ada dalam rekod nama pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan serah balik, memang kita berpuas hati.

Sekiranya ada benda-benda yang di seludup kita tahu, oleh sebab itu kita tidak tahu sama ada benda ini di seludup keluar, benda ini daripada manakah tetapi Yang Berhormat mengatakan bahawa benda ini mungkin daripada tempat kita. Jadi saya mengatakan bahawa kita tidak tahu kemungkinan ada, tetapi dari segi rekod kita tidak ada.

■1230

Itu memang ada setiap benda yang kita keluarkan, semua peluru yang digunakan untuk tujuan *exercise* dan sebagainya diserahkan balik, dan sekiranya benda ini ada pengetahuan, memanglah pegawai-pegawai yang didapati cuai atau menyeludup keluar akan diambil tindakan seperti mana peruntukan yang ada. Setakat hari ini belum ada lagi pegawai-pegawai yang telah terlibat dalam perkara ini. Maknanya tidak ada rekod yang mengatakan bahawa ada penyeludupan sebegini berlaku ketika latihan dibuat oleh anggota kita.

Selain daripada itu ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi berkenaan dengan pengawasan bahan-bahan lain. Saya percaya bahawa setakat hari ini, mengenai kawalan-kawalan bahan-bahan kimia yang lain seperti baja dan sebagainya, bahan-bahan ini digunakan oleh orang ramai, yang menjadi sukar kepada kita untuk mengadakan kawalan yang ketat. Jadi, walau bagaimanapun kerajaan memastikan bahawa bahan-bahan yang tertentu yang boleh membuat bom, atau membuat bahan-bahan letupan yang boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat dikawal dengan baik. Sebab itu kita lihat di negara kita, kita lihat bahawa kejadian-kejadian seperti itu tidak berlaku, kejadian bom seperti negara-negara lain tidak berlaku. Dan apa yang berlaku baru-baru ini di Puduraya, ia melibatkan bahan-bahan yang tidak ada kaitan dengan bahan yang kita bincang di Dewan yang mulia ini. Ia melibatkan bateri dan sebagainya. Jadi adalah bahan-bahan yang tiada kaitan langsung.

Berkeaan dengan kuari yang dibangkit oleh Mambong tadi, berkenaan dengan bom juga disentuh oleh Beluran mengenai bom ikan dan sebagainya, memang benda ini dilarang dan sekiranya kegiatan ini kita tahu mereka ini kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan. Bahan-bahan yang digunakan ini ialah bahan-bahan yang ada di mana-mana pun yang melibatkan kementerian-kementerian lain. Jadi, walau bagaimanapun saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat tadi yang telah mencadangkan, dan kita akan insya-Allah, kita akan mengambil perhatian selepas ini supaya bahan-bahan yang disebutkan tadi, kita akan mengadakan kawalan yang lebih ketat yang melibatkan kementerian-kementerian ini, atau Kementerian Sains dan sebagainya atau kerajaan tempatan juga kuari dan sebagainya. Langkah-langkah ini akan kita perketatkanlah selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa bahan-bahan yang senang diperoleh memang boleh digunakan untuk membuat bom. Ia jarang berlaku. Sekarang jarang berlaku. Adakah daripada pandangan Yang Berhormat ia jarang berlaku kerana rakyat di Malaysia belum lagi tahu untuk menggunakannya. Tapi di masa hadapan, kita tidak tahu lagi kerana ramai orang ataupun rakyat di negara kita semakin berpelajaran, tinggi pelajaran yang tahu tentang kegunaan bermacam-macam bahan untuk menggunakan bom seperti bateri. Menggunakan bateri untuk membuatkan bom itu senang, tapi yang pentingnya adalah bahan-bahan letupan ataupun *explosive*. Kerana bahan-bahan letupan dengan bahan-bahan yang mudah terbakar adalah dua bahan yang berlainan.

Bahan-bahan letupan jika ianya digunakan kerana ia sudah pun mengandungi oksigen di dalamnya. Jadi ia meletup, jika ianya terdedah lagi dioksigen-dioksigen di luar. Itu letupan ataupun *explosive*. Bahan-bahan yang mudah terbakar berlainan pula. Jika ianya terdedah kepada oksigen di NBN ataupun di luar ianya mudah terbakar. Jadi kedua-duanya ini, kalau kita

lihat harus juga dikawal bahan-bahan yang macam ini. Apa pandangan Yang Berhormat pada masa sekarang kerana ianya jarang berlaku. Adakah rakyat kita belum tahu lagi bagaimanakah hendak menggunakannya ataupun memang rakyat kita patuh kepada undang-undang. Jika itu okeylah kita tidak payah kawal bahan-bahan seperti baja dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Soalan Yang Berhormat itu susahlah bagi saya hendak menjawab, susah. Tetapi saya hendak ceritakan mengenai karbaid tadi. Karbaid saya ingat lagi masa saya kecil-kecil dulu kita guna untuk meriam buluh, kita cocok. Namun demikian walaupun digunakan sebagai api untuk pelita dan sebagainya, tetapi sekarang ini saya difahamkan karbaid, kawasan saya kawasan di mana petani-petani menggunakan banyak tanam pelam. Karbaid ini diguna untuk buah pelam. Dia guna. Itulah maknanya benda ini dia banyak penglibatan kementerian-kementerian lain. Jadi perkara ini harus dibincangkan secara yang lebih komprehensif lagi yang melibatkan kementerian-kementerian lain.

Begitu juga berkenaan dengan gam. Kalau dari segi gam, gam digunakan untuk penagihan dadah. Budak-budak menghisap gam, tetapi gam ini digunakan dalam industri perabot. Jadi benda-benda ini diguna dalam industri-industri yang tertentu yang melibatkan sukar untuk kita kawal. Namun demikian, kawalan yang ada di negara kita hari ini saya rasa cukup baik yang boleh kita berada dalam keadaan yang selesa hari ini. Tapi saya berharaplah kepada kementerian-kementerian lain, mungkin selepas ini kita akan duduk berbincang.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Tangga Batu tadi, berkenaan C4....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...C4 digunakan dalam kuari bagi tujuan pengusahaan. Cadangan ini kurang sesuai kerana boleh disalahgunakan. Jadi saya rasa tidak berapa sesuailah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh Yang Berhormat hendak beri jalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hanya hendak tanya tentang bahan letupan. Saya tidak faham kenapa ini di bawah Yang Berhormat dan bukan Kementerian Pertahanan, kerana apabila kita dengar bom ataupun bahan letupan, kita akan kaitkan dia dalam kegunaan peperangan. Jadi kenapakah polis juga dibenarkan untuk mengendali bahan letupan. Ini apa yang saya tidak fahamlah. Ini memang kelihatan tidak ada kaitan dengan urusan polis bila mereka kejar penjenayah atau apa, mereka tidak akan menggunakan bahan letupan. Jadi saya hanya hendak bertanya, kenapa ini bukan di bawah kuasa Kementerian Pertahanan. Supaya kes penggunaan C4 oleh pegawai polis dalam kes pembunuhan Altantuya ini tidak akan berulang.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya C4 ini digunakan oleh UTK dan juga PDA di dalam hutan. Kalau sekiranya berlaku kemalangan, apabila berlaku kecemasan,

helikopter hendak turun, kita gunakan bom C4 untuk letupkan pokok untuk turun. Maksudnya ianya diguna banyak perkara. Jadi C4 digunakan untuk tujuan-tujuan sebegini, juga kalau kita ada hendak pecah sesuatu benda, rumah atau mungkin pintu dan sebagainya kita guna C4. Jadi C4 ini digunakan pelbagai pihak UTK dan sebagainya bukannya oleh tentera sahaja. Jadi saya rasa benda-benda yang digunakan itu saya rasa tidak ada kaitanlah dengan kes-kes yang disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang rata-rata majoriti masyarakat dan kerajaan mungkin berasa berpuas hati dalam situasi keadaan negara kita yang begitu aman dan selamat. Walau bagaimanapun saya melihat perlu ada *alert* ataupun pengawasan yang rapi di beberapa buah kawasan yang strategik seperti saya selalu pergi ke KLCC melihat kalau ada orang berniat jahat, saya lihat bila-bila masa sahaja dia boleh melakukan kejahatan seperti menyimpan bom dan sebagainya.

■1240

Jadi apakah langkah-langkah yang seterusnya untuk memastikan bahawa keadaan yang strategik awam ini begitu selamat dikunjungi? Saya kadang-kadang was-was sebab takut-takut kalau berlaku apa-apa, tidak ada *no way out*. Macam DAPlah dalam politiknya, *no way out*. Dia tersepit begitu sahaja, dia dengan roketnya tak pernah naik-naik, dia dengan roket yang beracunnya itu ya. Jadi kita tidak mahu begitu. Kita mahu rakyat kita lebih selesa dan keyakinan itu perlu ada pengawasan yang menyeluruh. Adakah? Bukan di situ, itu contoh sahaja. Minta pandangan Yang Berhormat. Jangan macam DAP.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tetapi sebenarnya di Malaysia ini saya rasa dalam masalah mengenai bom ini, saya ingat tidak menjadi satu perkara yang besar sekarang ini kerana keadaan-keadaan seperti pusat, tempat-tempat itu masih dalam keadaan yang selesa dan pengawalan pemantauan yang dibuat oleh pihak polis saya rasa dapat mengawal keadaan yang ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Malang tidak berbau Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya. Tetapi walau bagaimanapun, perkara-perkara ini kita sentiasa awasilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan sangka air yang tenang tidak berbuaya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, ya. Saya setuju dengan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah habis Timbalan Menteri?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tadi Bukit Bintang ada bangkitkan berkenaan dengan cara-cara membuat bom dalam internet. Jadi sukarlah, macam mana kita nak kawal

supaya orang tidak boleh belajar membuat bom dalam internet ini. Walau bagaimanapun kita sentiasa memantau laman web-laman web itu dan langkah berjaga-jaga sentiasa kita buat. Tetapi walau bagaimanapun sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi cadangan dan insya-Allah kita akan ambil apa-apa juga langkah-langkah dan cadangan-cadangan yang baik yang telah dikemukakan supaya kerja-kerja pemantauan mengenai bom plastik ini diadakan dengan lebih ketat di Malaysia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 11 -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya mohon penjelasan sahaja di atas seksyen 4D(1). Kalau kita terjemah kegunaan peruntukan ini, ianya bermakna bom itu diimport terdahulu barulah buat laporan kepada *Inspector General of Police within 120 days after such appointed day*. Adakah lesen diberi terdahulu ataupun hanya diimport dahulu dan selepas itu lapor kepada polis? Minta penjelasan. Lesen yang penting dulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri sila.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Seksyen berapa tadi?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Seksyen 4D(1).

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: 4D(1).

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kalau kita terjemah seksyen 4D(1), dia kata di sini dengan izin Tuan Pengerusi, *any person possessing any plastic explosive on the appointed day shall report to the Inspector General of Police within 120 days after such appointed day*. Ini bermakna, dia boleh mengimport bom plastik ini terdahulu tanpa lesen. Lepas itu dalam tempoh 120 hari, barulah laporkan kepada IGP. Adakah ia begini ataupun lesen dahulu? *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, biasanya kita mengeluarkan lesen sebelum dibenarkan mengimport.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN SEWA BELI (SARAWAK) (PEMANSUHAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk menyediakan satu proses penguatkuasaan yang lebih responsif dalam melindungi kepentingan pihak-pihak kepada perjanjian sewa beli melalui peruntukan-peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 Akta 212 yang terpakai di seluruh Malaysia termasuklah negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah berhubung dengan pemansuhan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71) dan kuasa pendaftar, maka Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada mesyuaratnya yang telah diadakan pada 4 April 2007 agar fungsi dan penguatkuasaan perjanjian sewa beli dilaksanakan melalui Akta Sewa Beli 1967 di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengikut waran penubuhan kementerian ini pada tahun 1990 bagi mentadbir urus Akta Sewa Beli 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71) berkuasa pada 1 Februari 1934 dan terpakai di negeri Sarawak sahaja. Ordinan ini telah diisytiharkan sebagai Undang-undang Persekutuan sebelum Hari Malaysia mengikut perintah pengubahsuaian undang-undang. Pengisytiharan undang-undang sekarang sebagai Undang-undang Persekutuan 1965 (FLM200-65). Ordinan ini mengandungi 16 seksyen yang bertujuan untuk membuat peruntukan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran sewa beli.

■1250

Di bawah Ordinan ini setiap perjanjian sewa beli di Sarawak perlu didaftarkan di pejabat daerah. Semua pegawai daerah di Sarawak dilantik sebagai pendaftar bagi melaksanakan

peruntukan dalam ordinan tersebut. Bayaran fi dikenakan adalah sebanyak RM5 bagi setiap pendaftaran dan resit akuan pembayaran dikeluarkan sebagai bukti pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan ini wajar untuk dimansuhkan berdasarkan kepada sebab-sebab berikut:

- (i) keperluan pihak yang berkaitan di dalam perjanjian sewa beli supaya menghadirkan diri di hadapan pegawai daerah atau melalui peguam cara yang mewakili bagi pihak-pihak dalam perjanjian tersebut adalah membebankan pihak yang terlibat;
- (ii) Ordinan ini membenarkan mana-mana orang memeriksa salinan perjanjian di pejabat pendaftar setelah membuat bayaran yang dikenakan. Ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku kerana bertentangan dengan peruntukan berkaitan kerahsiaan;
- (iii) bagi tujuan menguruskan *vendor* dan kandungan perjanjian sewa beli dan hak serta tanggungjawab pihak terlibat kepada perjanjian itu peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 adalah memadai. Peruntukan di bawah akta ini tidak mensyaratkan pendaftaran perjanjian sewa beli di pejabat daerah;
- (iv) melalui pemansuhan ordinan ini pihak peminjam tidak perlu menanggung kos-kos tidak langsung seperti bayaran akuan sumpah, yuran penyediaan perjanjian dan bayaran kepada *agen/runner* yang menguruskan pendaftaran di pejabat daerah;
- (v) pemansuhan Ordinan ini secara langsung dapat mengurangkan beban tugas pegawai daerah selaku pendaftar serta penggunaan sumber manusia lain dalam menguruskan proses pendaftaran perjanjian sewa beli; dan
- (vi) memastikan rakyat di Negeri Sarawak juga menikmati kemudahan memasuki perjanjian sewa beli yang sama seperti masyarakat di negeri-negeri lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan Ordinan ini telah mendapat persetujuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sarawak, Kamar Peguam Besar Negeri Sarawak, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan juga Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia kerana Bahagian II dalam Akta Sewa Beli 1997 disifatkan sudah mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak-pihak kepada transaksi sewa beli, maka tidak ada justifikasinya untuk Ordinan itu dikekalkan. Dalam masa peralihan pemansuhan Ordinan ini, mana-mana dokumen atau surat-surat perjanjian sewa beli yang belum habis proses

pendaftarannya boleh disempurnakan pendaftarannya. Dengan demikian setiap fi yang telah dibayar untuk pendaftaran ke atas dokumen atau surat perjanjian sewa beli tidak akan dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Pemansuhan) 2006 ini mencadangkan tiga fasal yang dibahagikan kepada tiga fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007.

Fasal 2 mengandungi peruntukan butiran untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71).

Fasal 3 mengandungi peruntukan bertujuan untuk mengadakan pengecualian dan peralihan di mana dengan pemansuhan Ordinan di seksyen 2 tidak akan menjejaskan apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli yang telah disempurnakan sebelum ordinan dimansuhkan itu. Fasal ini juga mengandungi peruntukan mengenai apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli tidak akan dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud subseksyen 10(2), subseksyen 11 dan 12 Ordinan, apabila Ordinan ini dimansuhkan di bawah seksyen 2, pendaftaran hendak tertakluk kepada peruntukan Ordinan Pustaka Negeri Sarawak 1999 (Bab 29) memegang, simpan salinan pendaftar dokumen atau surat cara sewa beli tersebut dalam masa enam bulan dari tarikh pemansuhan itu mengemukakan dokumen itu kepada Pemegang Simpanan Negeri yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Bab 29 ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang terakhir sekali adalah rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Akta Sewa Beli 1967 adalah mencukupi untuk diguna pakai bagi melindungi kepentingan pengguna dan pihak berkaitan dalam transaksi perjanjian sewa beli di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71) dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Mambong, orang Sarawak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai ada kena mengena?

12.57 tgh.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat bagi Jerai ada kena mengena? *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejak tahun 1934, rakyat di Sarawak telah pun dibebankan oleh Ordinan Pendaftaran Sewa Beli tahun 1934. Dalam akta ini di mana syarikat boleh mendaftar dengan pejabat daerah hanya dengan fi sebanyak RM5. Bayangkan berapakah bilangan syarikat-syarikat yang melibatkan diri mereka di dalam perusahaan sewa beli. Kalau kita tengok di Sarawak ada beribu-ribu pemegang lesen hanya dalam nama *trading* sahaja tetapi perusahaan mereka adalah 'along' meminjamkan duit kepada orang-orang yang memerlukannya. Ini adalah satu bebanan kepada mereka yang meminjam duit. Pihak berkuasa tidak boleh mengambil tindakan kerana mereka didaftar dengan pejabat daerah. Ini sudah jadi masalah yang besar di Sarawak. Saya telah pun mendapat banyak aduan tentang hal ini. Bagaimanakah pihak yang berkuasa boleh mengambil tindakan walhal mereka ini adalah didaftar di pejabat daerah.

Bebanan yang kedua adalah tentang perjanjian sewa beli. Setiap kali mereka membuat transaksi sewa beli satu perjanjian juga mesti diwujudkan dan mereka mencari peguam ataupun peguam cara untuk membuat perjanjian. Bukannya pembayaran atau kos perjanjian ini ditanggung oleh syarikat tetapi ditanggung oleh mereka yang membeli barangan atau meminjamkan wang.

Ini adalah satu bebanan sekian lama. Oleh itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kamar Peguam Negeri Sarawak kerana telah pun bersetuju agar Ordinan ini dimansuhkan. Sekian lama rakyat Negeri Sarawak dibebankan oleh Akta ini, sejak tahun 1934. Maka tibalah masanya untuk kita di Malaysia mengguna pakai Akta Sewa Beli 1967 yang digunakan di seluruh Malaysia. Jangan sahaja Sarawak berlainan kita juga mahu menggunakan Akta Sewa Beli 1967. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai. Ada kedai sewa di Sarawakkah?

12.59 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Saya bila bercakap fasal sewa beli *hire purchase, leasing* dan sebagainya, walaupun ia melibatkan Sarawak, saya menyokong *bill* ini tetapi saya juga hendak bercakap dari segi skop yang lebih luas lagi berkenaan dengan skim sewa beli (*hire purchase*) dan sebagainya. Kita dapati kadang-kadang pengguna-pengguna ini tertipu, teraniaya dan kadang-kadang pengguna ini menandatangani borang-borang sewa beli (*hire purchase*) ini dengan tidak membaca dan tidak dinasihati. Ada juga orang yang menggunakan kad pengenalan orang lain. Maknanya saya bersetuju orang itu wajib hadir apabila menandatangani *hire purchase agreement* - perjanjian itu. Ini kerana kadang-kadang saya boleh menggunakan kad pengenalan Yang Berhormat bagi Arau untuk mengambil

pinjaman sebagai penjamin dan sebagainya. Apabila seseorang itu gagal membayar, maka yang tidak tahu menahu ini, Yang Berhormat bagai Arau ini akan terperangkap dan teraniaya tentang pembayaran balik.

Saya mengharapkan supaya syarikat-syarikat *hire purchase* ini benar-benar mendapat lesennya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Mambong tadi, kalau lesen *trading* pun dia boleh mengurus niaga tentang *hire purchase* atau *leasing* dan sebagainya, apakah maknanya kita mengadakan Kementerian Kewangan yang mengawal pengeluaran lesen-lesen kepada syarikat hutang piutang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak habiskan atau sambung petang ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sambung petang ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.33 petang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung tak banyak, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua pasal bil ini bil Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi saya tidak mahu pengalaman yang berlaku di Semenanjung ini terbawa-bawa ke Negeri Sarawak terutama sekali Tuan Yang di-Pertua, *hire purchase* ini. Saya hendak menekankan dari segi cara dia orang *reprocess* benda-benda yang mereka ataupun pelanggan itu membuat sewa beli.

Saya mahu pihak syarikat kewangan atau *finance company* ataupun syarikat yang membuat *leasing* kepada pelanggan-pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya kerana kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua hari ini kebanyakan orang-orang yang menjadi penarik-penarik ini mereka menggunakan orang-orang yang macam ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Samseng.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya samseng, Yang Berhormat Kuching kata yang samseng untuk merampas balik kenderaan, motosikal ataupun rumah dan sebagainya. Hormat ... makan dah? [Tujukan pertanyaan kepada Yang Berhormat Arau]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Menghormati Dato'. Menghormati, pasal dia kata dia mahu *diet*, ada orang mahu *diet*, jadi saya tanya makankah belum. Dia kata belum.

Kadang-kadang yang menarik itu badan pun besar Arau yang pergi tarik kereta orang, jadi orang takut dan ada peristiwa berlaku Dato', kawan ini dia tak bayar motosikal, *hire purchase* motosikal, kemudian motosikal ini diambil begitu sahaja dan penggunanya menganggapkan motosikal dia kena curi, jadi dia pergi ke Balai Polis membuat laporan yang motosikal dia hilang. Kemudian apabila disemak-semak rupa-rupanya motosikal dia itu sudah di *reprocess* oleh pihak syarikat *finance company*, syarikat kewangan.

Di sini tidak ada budi bicara Tuan Yang di-Pertua, tidak berhemah dan tidak mengikut salah satu daripada Rukun Negara kita. Berbudi bahasa ialah kalau hendak ambil balik pun apa salahnya tak payah nanti goncang *gate* rumah orang, tak payahlah pergi gertak-gertakkan orang-orang ini. Tak payahlah pukul dia orang, samun tengah jalan dan sebagainya. Ini tidak menunjukkan budaya yang baik sedangkan syarikat-syarikat kewangan itu adalah syarikat-syarikat kewangan yang besar.

Saya mahu kalau kerugian berlaku ke atas pengguna atau peminjam dan sebagainya oleh keterlaluan tingkah laku *reprocessor* ini, syarikat kewangan ini harus bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua sudah bayar tiga suku dah, dah bayar dah pun kemudian dia *reprocess* kereta itu, dijual kereta itu tanpa pengetahuan hak milik kereta itu. Kadang-kadang dia orang pakat, katalah nilai kereta itu RM30,000, hutang tinggal RM10,000 dia jualnya kereta itu dengan nilai yang lebih menguntungkan pakatan mereka ini. Sudahlah kereta itu dibayar separuh atau pun tiga suku dijelaskan, dijual dengan tidak ada persetujuan daripada pihak pemilik dan merugikan pemilik dan pemilik pula kena bayar pula ganti rugi kepada bank. Kalau tidak dia akan diheret ke mahkamah dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Oh, *Chief BBC*. Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun terfikir jugalah macam mana kita hendak menyelesaikan masalah untuk mengambil balik kereta-kereta yang tidak dibayar pinjamannya. Kita yang bimbang takut berlaku pergaduhan, kadang-kadang yang tidak faham mungkin katakan di kawasan rumah dia, dia boleh ambil, kadang-kadang mungkin dia boleh tunggu. Ini boleh mengganggu hal rumah tangga orang lain. Duduk situ dia tunggu, bila *gate* itu buka misal katalah, baru dia boleh rampas kereta itu.

Bukankah ini boleh menyatakan berlaku masalah sosial dalam negara kita. Sedangkan kita semalam diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk berbudi bahasa dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, negara mana contoh ini kita guna pakai. Apakah ini berlaku di Indonesia misal kata, di Thailand negara jiran kita atau negara-negara maju yang lain. Soal isu tentang merampas balik kereta secara yang digunakan di

negara kita ini. Barangkali Yang Berhormat boleh mencadangkan barangkali tak ada di negara-negara yang lain kenapa kita teruskan begini. Mungkin ada kaedah yang lain secara yang baik, cara yang memberi pendidikan. Sebab di negara-negara Barat dia lebih tumpu kepada pendidikan supaya kita pandai berhutang, kita pandai bayar balik.

Tetapi masalah juga kadang-kadang waktu kita berhutang, kita mampu. Bila sudah dapat duit, kita tidak mampu hendak membayar balik. Itu timbul masalah. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Larut. Hutang mesti dibayar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, rang undang-undang bertujuan untuk memansuhkan ordinan. Adakah kita perlu kita pergi begitu jauh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita hendak mansuh ini pasal kita hendak *top-up* hak baru Dato', hak baru ini, hak lama ini masalah berlaku di Semenanjung ini dok pergi ambil kereta orang dok ini orang ini. Ini berkaitan pasal di Sarawak ini, di Sarawak pun berlaku macam ini juga Tuan Yang di-Pertua. Di Sarawak pun berlaku kena bayar cukai setem, kena ada *runner* dan sebagainya, jadi untuk merendang-rendangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak semua memahami takut nanti jadi macam Lubok Antu dia pergi potong kepala, susah [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau nanti Timbalan Menteri tak jawab benda ini macam mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apa, saya tak apa. Sekurang-kurangnya Ahli Parlimen tahu *hansard* masuk yang saya memperjuangkan pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi ambil kesempatanlah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dengar ini Yang Berhormat telah melanggar Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak langgar pun. Peraturan Mesyuarat mengatakan memansuhkan Ordinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Tetapi....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apalah, yang mansuh, mansuhlah. Yang kita dok cerita yang berlaku ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kalau cerita yang berlaku boleh bangkitkan pada masa akan datang. Ada peluang lagi untuk Yang Berhormat membuat demikian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagi peluanglah Tuan Yang di-Pertua. Ini tengah dok naik ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya bagi Yang Berhormat lagi dua minit sila gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dua minit macam mana, kapal terbang mahu *landing* pun 10 minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sekarang Yang Berhormat bukan *pilot* lah, ini Ahli Yang Berhormat bahaskan undang-undang ini. Baik, boleh ambil masa ini dan terangkan, bahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan ini. Baik.

■1440

2.40 petang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini. [*Ketawa*] Rang Undang-undang ini baik kerana dulu tak ada di Sarawak, sekarang kita masuk ke Sarawak untuk memansuhkan Rang Undang-undang dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh menyatakan sokong dan duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi nak memperjelaskan Tuan Yang di-Pertua, supaya Timbalan Menteri faham bahawa apa dia undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri membawa dan membentangkan undang-undang ini. Dia faham, sekarang pembahas yang tak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya nak bercakap pasal maksud seksyen 10(2) ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, apa itu?.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini seksyen saya nak minta penjelasan [*Ketawa*] kepada Timbalan Menteri, supaya *reprocessor* ini ataupun penarik-penarik kereta ini harus berlesen. Bukan pi ambil samseng sana, samseng sini, badan besar, misai besar, mai takut-takutkan orang, *register* dengan *finance company*. Tak cukup, sebelum nak tarik dia perlu pi *report* di balai polis, bahawa dia nak pi rumah orang ni nak ambil dan sebagainya.

Ini dalam Ordinan-ordinan [*Sambil merujuk kepada bill*] yang ada di dalam Ordinan-ordinan *hire purchase* ini Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu gengsterisme berlaku dalam hidup kita ini. Ambillah elok-elok.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Ordinan ini juga, Ordinan yang mereka mansuhkan ini, *runner* ini kerana kadang-kadang pengguna kena bayar kepada *runner*. Sekarang ini kita ada 'e' macam-macam, *e-line* lah, *e-system* lah, tak 'e' lah, semua ada. Pasal apa kita tidak boleh guna sistem 'e' ini? Pasal apa kita masih biar kepada *runner* untuk mengurus dan memproses kita punya permohonan dan sebagainya.

Jadi saya memohon kepada pihak *finance-finance company* atau syarikat-syarikat kewangan supaya lebih berhemah. Keadilan harus wujud. Kalau dari proses kereta saya yang

bernilai RM30,000 saya hanya hutang RM10,000 nilai kereta dalam pasaran RM25,000 bayarlah balik. Jangan pi pakat pada pembeli jual murah *at last* dahlah kereta kena tarik, saya kena sambung lagi bayaran *hire purchase*. Kemudian kereta tak jadi milik saya. Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu dalam Ordinan ini Tuan Yang di-Pertua, yang akan kita mansuhkan di Sarawak ini, harus mengambil kira ini semua Yang Berhormat Timbalan Menteri. Harus diambil kira, supaya jangan teraniaya. Kita mahu latih masyarakat kita ini lebih profesional untuk kita bertindak sesuatu supaya dia mengikut keluhuran undang-undang yang kita luluskan Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap di masa hadapan ini, Kementerian Yang Berhormat boleh ada *hotline* ataupun 'saluran panas' untuk masyarakat terus telefon ke kementerian, seandainya kereta mereka diproses ataupun diambil dengan tidak mengikut lunas-lunas undang-undang. Hal ini kena ada.

Saya mahu kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kementerian kena ada saluran panasnya sendiri, *hotline* Tuan Yang di-Pertua. Supaya contohnya, saya tengok kadang-kadang di belakang bas, di belakang lori, bertulis kalau ada masalah telefon. Tapi tak ada orang jawab. Itu betullah.

Sekarang ini saya nak minta juga supaya *hotline* ini ataupun saluran-saluran panas ini, di semua kementerian ada Tuan Yang di-Pertua. Macam polis hari ini, dia ada 'rakan cop'. Kementerian pun ada rakan, '*spy-spy*' untuk kementerian, kalau harga naik dan sebagainya. Ini bagus Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya rakyat bersama dengan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jerai minta tanya sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, pasal Ordinan ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tau, tau kita kait dengan Ordinan ini. Ia termasuk *delivery system* Yang Berhormat.

Baru-baru ini CUEPACS, bahkan kita pernah membangkit di sini, soal tentang kaunter bersama dengan orang ramai ini, waktu makan pun dibuka juga. Walaupun sekarang ini kita cuti hari Sabtu, hari Jumaat esok *last*. Macam kita esok *last day*, Sabtu kita tidak boleh berurusan dengan mana-mana pejabat.

So, kenapa tidak diselaraskan pembukaan kaunter-kaunter ini? Supaya pengguna boleh terus berurusan di sini. Supaya ini boleh dilakukan. Sebab saya masih ingat, ada jabatan yang mengambil inisiatif. Mereka tidak berehat, di waktu makan pun kaunter dibuka juga. Jadi apa salahnya semua yang ada kaitan dengan orang ramai berurusan ini diteruskan, waktu makan tengah hari pun dibuka kaunternya termasuk di bawah Ordinan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Dia berkaitan dengan Ordinan, iaitu jabatan perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua. Jabatan perkhidmatan bermakna memberi perkhidmatan. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh

meninggalkan pejabat kerana dia bekerja. Kalau dia tinggalkan pejabat, tauke dia marah dia ataupun potong gaji dia. Jadi biarlah waktu kelapangan, pakai *shif* lah.

Saya tengok selalu Menteri akan bagi hadiah pegawai yang berkhidmat cemerlang. Ini yang macam doktor hospital kita ini, di klinik, saya mencadangkan di Kementerian Kesihatan tahun ini bagikan dia hadiah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Doktor yang berkhidmat dengan cemerlang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Ordinan kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat *hotline*, akan dipasang oleh semua kementerian. Masalah hospital, macam mana Timbalan Menteri nak jawab nanti? Cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, saya mahu tutuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tutup, tutup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kemudian satu lagi Tuan Yang di-Pertua, *finance company* dengan pendaftar, dengan DO, dengan sebagainya patut ada *on-line*. Di mana dia nak lari? Kalau dia tak bayar *hire purchase* kereta dia Tuan Yang di-Pertua, kita *on-linekan* dengan JPJ. Dia tak boleh *renew* dia punya *road tax* dan sebagainya. *The most* dia boleh lari enam bulan ataupun beberapa bulan sebelum itu. Selepas itu dia nak *renew road tax*, dia kena pi selesaikan dia punya hutang. Begitu juga rumah dan sebagainya. Kalau dia nak bayar hasil pintu dan sebagainya, tidak boleh bayar disebabkan dia tak bayar *finance company*.

Jadi maknanya syarikat kewangan dengan agensi-agensinya kerajaan kena berpakat, supaya keluhuran undang-undang dan budi bicara kita sebagai rakyat lebih profesional dilihat oleh mata dunia Tuan Yang di-Pertua.

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap Rang Undang-undang ini, iaitu Rang Undang-undang Suatu Akta yang memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71), saya sokong Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Ditambah dengan yang saya habaq tadilah. Masuk buku tak masuk buku tidak kiralah, yang saya terang ini yang dok berlaku Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Sarawak lepas Yang Berhormat Sarawak, Timbalan Menteri jawab. Minta maaf! Ini Bandar Kuching dari Sarawak.

2.47 petang

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyebut sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang itu untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71).

Menurut huraian di belakang Rang Undang-undang ini, [*Sambil merujuk kepada bill*] ia mengatakan "Dengan berkuat kuasanya Akta Sewa-Beli 1967 (Akta 212) di seluruh Malaysia, termasuk Sarawak, pada 11 April 1968, Ordinan itu dianggap lapuk dan sudah tidak diperlukan lagi".

Sekiranya Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71) ini, telah dianggap sebagai lapuk pada 11 April 1968, dan sudah tidak diperlukan lagi, kenapa kita tunggu sehingga 40 tahun untuk memansuhkan Ordinan itu? Bukankah dia menjadi satu *additional cost* untuk semua pelanggan atau *consumer-consumer* di Sarawak? Perjanjian sewa beli ini di samping perlu disetemkan, ia juga perlu didaftar dengan DO. Ini mengakibatkan *redundant work*.

■1450

Saya ingin tahu, satu Ordinan yang telah dianggap sebagai lapuk 40 tahun lalu, dan selepas tempoh 40 tahun, kini kita baru memansuhkan Ordinan itu. Ada beberapa lagi Ordinan atau Akta-akta yang dianggap sebagai lapuk tetapi masih belum dimansuhkan dan masih berkuat kuasa di masa kini, kerana ini bukan satu tuduhan yang dibuat oleh saya di dalam Dewan ini. Ini adalah satu tuduhan yang dibuat oleh menteri untuk MITI. Menteri untuk MITI pula kata ada banyak peraturan, ada undang-undang yang dianggap sebagai lapuk *obsolete* tetapi masih...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Masih wujud. Saya habiskan *sentence* saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kata lapuk. Memang sudah lapuk. Sekarang kita hendak mansuh hendak buat undang-undang baru. Jadi Yang Berhormat duduk bising ini pasal apa? Memang sekarang ini kita mahu mansuh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang saya mempersoalkan adalah kenapa kita tunggu empat puluh tahun? Bukankah Kerajaan Barisan Nasional dianggap sebagai satu kerajaan yang dinamik. Tetapi untuk satu akta atau ordinan yang sudah lapuk. Empat puluh tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat sokong?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya sokong tetapi saya akan beri pendapat saya atas mekanisme pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat duduk sini sudah berapa tahun? Baru ini Yang Berhormat bising. Tiga tahun dulu apa pasal tidak bising? Sekarang bising. Jadi Yang Berhormat *out dated* juga. Kemudian Yang Berhormat bising orang hisap rokok tak. Yang Berhormat hisap rokok tak saya mahu tanya?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada peraturan yang kata tidak boleh merokok di sini saya tidak akan merokok di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi Yang Berhormat hisap rokok tak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di luar mana?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di tempat yang dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adalah, bangunan sini memang tidak boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ha, memang tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh. Tetapi mesti menguatkuasakan. Tadi saya jumpa lagi kawan Yang Berhormat, lagi merokok. Tetapi Yang Berhormat tidak merokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini tidak cukup...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya jumpa lagi beberapa kawan baik dari Jerai. Itu Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat masalah rokok masuk sekali lagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yalah, Jerai selalu itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal dia bila dia tidak merokok dia sudah *jam*. Sebab itu bila orang mahu mansuh pun orang mahu bising lagi. Idea sudah habis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu tidak *jam*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia merokok.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ingin tahu, saya ingin tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya hendak tahu bermakna Yang Berhormat merokoklah. Itu sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yalah, cukuplah, cukuplah. Awak duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Saya ingin tahu beberapa lagi ada akta-akta atau ordinar-ordinan yang telah dianggap *obsolete*, lapuk dan masih berkuat kuasa sekarang. Bukan saja kita mesti memansuhkan akta-akta atau ordinar-ordinan yang sudah lapuk. Kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara yang dibangkitkan, juga tidak akan dijawab oleh timbalan menteri yang berkenaan.

Tuan Chong Chieng Jen [Badar Kuching]: Dia boleh jawab kalau dia mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia bukan jaga semua akta-akta dalam...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tetapi, tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita balik kepada tajuk. Yang Berhormat berikan pandangan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ingin memperingatkan pentadbiran bahawa kita mesti *keep up to date*. *Don't stay obsolete*. Bukan saja akta-akta atau ordinan-ordinan yang *obsolete* harus dimansuhkan. Tetapi polisi-polisi yang *obsolete* seperti NEP *policy* (*New Economy Policy*) yang sudah *obsolete*. Tidak bagus, tidak baik untuk pembangunan negara. Itu 30% ikuti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Semasa Yang Berhormat ambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan, belanjawan perkara ini dibangkitlah. Hari ini kita bincangkan pindaan, akta pindaan. Tumpukan masa untuk perkara ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan tumpukan ucapan saya mengenai *hire purchase*. Kini saya ada terima banyak aduan bahawa peminjam-peminjam mereka telah dijumpai oleh *car salesman*, *salesman* kereta bahawa mereka boleh *trade in*. Mereka boleh *trade in* supaya kereta lama dijual kepada *salesman* dan mereka pinjam lagi untuk beli kereta baru. Tetapi sering berlakunya satu penipuan bahawa kereta lama mereka tidak *didischarge*. Itu *hire purchase agreement* mengenai kereta lama mereka tidak *didischarge* dan hutang mereka tidak dibayar. Tidak dijelaskan oleh *salesman* kereta itu.

Beberapa bulan selepas mereka beli kereta yang baru, mereka terima surat, *letter of demand* daripada peguam-peguam bank untuk menuntut hutang yang tertanggung mengenai *hire purchase* yang berkaitan dengan kereta lama mereka. So, apakah kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan atau menyasat tentang penipuan sebegini ini, kerana *salesman-salesman* kereta mereka mahu jualan kereta yang baru kerana ada *commission*. Oleh itu mereka buat perjanjian kepada pemilik kereta lama supaya mereka boleh menjual kereta lama untuk tukar kepada kereta baru. So, *guarantor* juga dikenakan tuntutan oleh bank-bank itu. So, saya haraplah walaupun masalah itu bukan berkaitan dengan rang undang-undang ini, tetapi ini satu masalah yang dihadapi oleh ramai rakyat dan *consumer*. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri satu jawapan atas apakah tindakan yang akan diberikan untuk mengatasi masalah ini? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Mambong, Jerai dan juga Kuching yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Bagi

Yang Berhormat Mambong, beliau telah menyebut tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam di negeri Sarawak. Dengan adanya Undang-undang Sewa Beli 1967 dikuat kuasa sepenuhnya di negeri Sarawak, masalah-masalah ini juga dapat diatasi.

Saya juga sedar bahawa seorang peminjam perlu bayar banyak kalau hendak membuat perjanjian. Menunggu pegawai daerah, mereka ada begitu banyak tugas. Kadangkala dua, tiga minggu tidak dapat jumpa, maka perlu *runner* dan sebagainya.

Jadi, masalah ini pun diatasi dengan adanya undang-undang yang dikuat kuasa di seluruh negara iaitu Undang-undang Sewa Beli 1967. Yang Berhormat Jerai juga telah pun menyokong perkara ini, tetapi beliau telah pun menimbulkan beberapa masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam khususnya di bawah Undang-undang Sewa Beli 1967. Memang Kementerian pun sedar beberapa masalah seperti yang ditimbulkan oleh Kuching juga. Jadi perkara-perkara ini kita sudah siasat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu Bandar Kuchinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bandar Kuching, bukan kucing.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu mesti sebut baik-baik. Mesti sebut baik-baik untuk rekod *Hansard*.

Dato' S. Veerasingam: Okey. Bandar Kuching juga telah sebut tentang perkara ini. Memang Kementerian saya sedang kaji undang-undang ini supaya mana-mana yang boleh dibetulkan supaya peminjam-peminjam tidak akan menghadapi masalah. Kita akan melakukannya.

Sebenarnya kalau seseorang itu kalau *reprocessor*. Jerai sudah keluar. *Reprocessor* apabila mereka hendak ambil sesebuah kereta, sebelum itu kalau dia tidak bayar berturut-turut dua bulan lepas dia memberi notis dan apabila mengambil kereta, mereka juga perlu memberi notis dalam masa empat belas hari bahawa mereka telah ambil kereta itu dan memberitahu kepada si peminjam bahawa dia boleh bayar, bayaran yang perlu dibayar ataupun membawa seorang yang lain untuk membeli keretanya dan memberi tempoh masa sepanjang 21 hari. Kalau dalam 21 hari dia enggan berbuat sedemikian, baru kereta itu boleh dilelong. Jika dilelong lebih daripada wang yang perlu dibayar, maka dia perlu bayar balik baki itu. Kalau sudah jual lebih daripada yang dia patut bayar dia akan diberi bayaran balik kepada peminjam kereta itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

■1500

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dalam surat perjanjian sewa beli juga ada satu syarat bahawa kita memerlukan satu orang *guarantor*, penjamin. Selalunya *finance company* atau bank, dia cari jalan yang mudah dengan menuntut tuntutan daripada *guarantor* dan bukan peminjam. Ini kerana bank mungkin dia tahu peminjam ini sudah tak ada duit lagi tetapi penjamin mungkin ada harta-benda. Jadi dia *go for the* penjamin. Ini tidak adil kepada penjamin, kerana dia perlu menghabiskan usahanya menuntut daripada pembeli. Sekiranya dia gagal atau

pembeli sudah muflis barulah dia cari penjamin. Jadi bolehkah Yang Berhormat juga mengambil langkah untuk memberi satu keadilan kepada penjamin.

Dato' S. Veerasingam: Yang Berhormat, memang benar. Masalah itu memang berlaku, yang senang sekali cari penjamin. Saya pun sudah kena dua, tiga kali perlu bayar, tidak boleh lari. Kalau tidak, jadi muflis. Jadi perkara ini memang dalam kajian, itu akan diambil kira bahawa bagaimana kita boleh bagi perlindungan juga kepada penjamin. Sekarang susah hendak dapat penjamin. Apabila seseorang beli kereta dan lain-lain hendak dapat penjamin pun susah kerana masalah yang wujud ini. Memang ini satu perkara yang kita memang teliti.

Yang Berhormat Jerai juga telah memberitahu supaya kita ada satu *hotline* supaya orang ramai boleh berhubung dengan kementerian. Kementerian saya ada *toll free line* boleh telefon iaitu 1-800-886-800 untuk berhubung dengan pegawai-pegawai dan juga memberi maklumat dan laporan apa sahaja. Bukan sahaja berkaitan dengan masalah sewa beli tetapi juga berkaitan dengan harga barang-barang dan lain-lain. Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga telah menyebut tentang 40 tahun...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Sedikit. Mengenai pinjaman dari bank dan sebagainya, saya rasa perkara yang sering dihadapi oleh pembeli atau penyewa-penyewa kereta dan *vehicle* adalah di mana geran-geran itu disimpan oleh bank walaupun dari segi undang-undang mereka tidak boleh. Saya sendiri kena keadaan tersebut dan bila saya cakap kepada *bank manager*, *you* tak ada hak patut beri dia kata semua orang macam itu. Kita ada cakap dengan kementerian, dia tahu walaupun undang-undang.

Macam mana kita hendak mengatasi masalah ini, kerana saya rasa boleh dikatakan lebih kurang 100% penyewa-penyewa kenderaan di negara ini terpaksa menyimpan geran-geran dengan bank dan sebagainya. Macam mana boleh mengatasi situasi undang-undang yang mengatakan kita ada hak untuk mendapatkannya tetapi yang memberi pinjaman kata *you* tidak ada hak. Macam mana kementerian boleh menolong dan memaksa membawa keadilan kepada pihak yang berkenaan.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini kita boleh bincang dengan Bank Negara kerana Bank Negara yang melesenkan semua bank-bank dan syarikat-syarikat *finance* untuk melibatkan diri dalam sewa beli. Maka kita boleh berhubung dengan Bank Negara dan juga kepada Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia supaya membantu dalam perkara ini agar semua syarikat-syarikat diberitahu undang-undang dan mereka mesti mematuhi undang-undang. Selain itu juga, ada syarat-syarat jika mereka tidak mematuhi undang-undang mereka boleh didenda. Ada syarat-syaratnya yang mereka boleh didenda jika tidak mengikut Akta Sewa Beli. Terima kasih Yang Berhormat kerana bawa perkara ini.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyebut tentang 40 tahun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mewujud pada tahun 1990 selain daripada itu dengan izin, *better late than never* yang kita amalkan perkara ini kita perlu juga menunggu. Kalau hendak tukar mana-mana Ordinan itu kita mesti dapat kebenaran daripada beberapa pihak. Salah satu pihak adalah daripada kerajaan negeri-negeri yang berkenaan, supaya mereka beri persetujuan untuk menukar ataupun tarik balik ataupun mansuhkan sesuatu Ordinan itu.

Yang Berhormat dari Jerai juga telah sebut tentang orang yang menggunakan atau memalsukan kad pengenalan dan lain-lain. Perkara ini juga adalah salah dari segi undang-undang jika seseorang itu menandatangani borang kosong, syarikat itu boleh didenda RM3,000 dan boleh di penjara selama enam bulan orang yang terlibat dalam perkara ini. Jadi sesiapa peminjam dipaksa untuk menandatangani borang kosong sila berhubung dengan kementerian saya supaya kita boleh mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.07 petang

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 merupakan inisiatif strategik bagi melaksanakan perubahan dalam sistem perundangan dan keadilan negara dengan mengadakan peruntukan bagi tatacara yang berhubung dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak. Kanak-kanak yang dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah kebiasaannya terpaksa berhadapan dengan kecelaruan dari segi psikologi berikutan pengalaman menyakitkan sebagai mangsa penderaan. Secara teorinya kanak-kanak terlalu lemah dan tidak sedar apabila terpaksa berhadapan dengan kompleksiti sistem perundangan.

Oleh sebab itu, kanak-kanak perlu dibantu agar tidak mengalami trauma yang berterusan dan membolehkan kanak-kanak memberi keterangan di mahkamah dalam suasana yang selesa dan mesra kanak-kanak serta dapat meneruskan kehidupan harian yang biasa seperti kanak-kanak lain. Bagi maksud ini Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya perlulah diadakan. Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam peruntukan adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Permulaan, bahagian ini memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta ini. Fasal 1(1) mengenai nama akta - Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Fasal 1(2) mengenai tarikh berkuat kuasa akta ini iaitu ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

■1510

Fasal 2 mentakrifkan perkataan mahkamah, menteri, pegawai perubatan, pegawai polis, rakaman video, rangkaian secara langsung dan saksi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II – cara pemberian keterangan kanak-kanak oleh saksi kanak-kanak.

Dalam Fasal 3 (1), akta ini menyatakan seseorang saksi kanak-kanak boleh pada mana-mana peringkat perbicaraan, memberi keterangan dalam mana-mana satu atau gabungan cara yang berikut:

- (i) dengan mengadakan suatu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan;
- (ii) dengan rangkaian secara langsung; atau
- (iii) dengan rakaman video.

Fasal 3 (2) pula menyatakan mana-mana keterangan yang diberikan tersebut hendaklah disifatkan sebagai keterangan dalam mahkamah terbuka. Bahagian ini juga mengadakan peruntukan pengadangan.

Fasal 4 (1) menyatakan seseorang saksi kanak-kanak semasa memberi keterangan di mahkamah boleh dihalang dengan cara suatu pengadang daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.

Fasal 4 (2) menyatakan pengadang tidak boleh menghalang saksi kanak-kanak itu daripada boleh melihat dan dilihat oleh mahkamah, pendakwa, peguam bela dan jurubahasa.

Bahagian II juga memperuntukkan keterangan melalui rangkaian secara langsung.

Fasal 5 (1) menyatakan jika saksi kanak-kanak memberi keterangan dengan cara rangkaian secara langsung dari suatu lokasi selain bilik perbicaraan, lokasi tersebut disifatkan sebagai sebahagian daripada bilik perbicaraan.

Fasal 5 (2) menyatakan mahkamah boleh membuat suatu perintah.

Rakaman video saksi kanak-kanak tersebut juga diperuntukkan di bahagian ini.

Fasal 6 (1) menyatakan suatu rakaman video saksi kanak-kanak diberikan dalam keterangan hendaklah diterima sebagai keterangan pemeriksaan utama saksi kanak-kanak itu dan kandungannya hendaklah tertakluk kepada Akta Keterangan 1950 Akta 56.

Fasal 6 (2) mengadakan peruntukan bagi penerimaan rakaman video.

Fasal 7, bahagian ini memperuntukkan bahawa suatu rakaman video terdahulu yang dibuat menurut Fasal 6 oleh seorang kanak-kanak yang mencapai umur 16 tahun sebelum memberi keterangan di dalam mahkamah boleh dibuktikan.

Pemeriksaan saksi kanak-kanak melalui perantara seperti jurubahasa atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh mahkamah diperuntukkan di dalam Fasal 8 bahagian ini.

Fasal ini juga mengadakan peruntukan tentang fungsi perantara. Perantara tidak boleh mempengaruhi jawapan saksi kanak-kanak atau mengganggu kanak-kanak itu semasa dia disoal.

Fasal 9, dalam bahagian ini memperuntukkan bagi orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak semasa saksi kanak-kanak itu memberi keterangan dalam mana-mana prosiding.

Orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak itu tidak boleh mempengaruhi jawapan saksi kanak-kanak atau mengganggu saksi kanak-kanak.

Dalam Fasal 10, akta ini juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengarah pegawai-pegawai mahkamah mengetepikan pakaian rasmi mereka semasa keterangan diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Jika mahkamah meragui mengenai umur seseorang saksi kanak-kanak, suatu perakuan oleh pegawai perubatan yang bermaksud sedemikian, yang pada pendapatnya saksi kanak-kanak itu telah mencapai dan belum mencapai umur yang dinyatakan boleh diberi dalam keterangan yang mahkamah hendaklah mengisytiharkan umur saksi kanak-kanak itu dan hendaklah disifatkan sebagai umur sebenar saksi kanak-kanak itu melainkan dibuktikan sebaliknya. Ini dinyatakan dalam Fasal 11(1).

Dalam akta ini juga memperuntukkan saksi kanak-kanak yang menderita kurang upaya.

Seorang saksi kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan boleh selain memberi keterangan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dalam Fasal 3(1) atau suatu gabungan cara yang ditetapkan dalam fasal itu, memberi keterangan mengikut apa-apa cara lain yang menjadikannya boleh difahami. Keterangan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai keterangan lisan.

Fasal 13 akta ini memperuntukkan mahkamah boleh terus mendengar keterangan seseorang saksi kanak-kanak jika semasa memberi keterangan, saksi kanak-kanak itu mencapai umur 16 tahun.

Sekatan kepada laporan dan penyiaran media mengenai butir-butir saksi kanak-kanak dalam sesuatu prosiding yang boleh membawa kepada pengenalan saksi kanak-kanak diperuntukkan di dalam Fasal 14.

Fasal ini turut mengadakan peruntukan penalti bagi ketidakpatuhan kepada peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III Am – Fasal 15. Bahagian ini memperuntukkan menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kesan sepenuhnya kepada atau bagi melaksanakan peruntukan akta ini.

Fasal 16 dalam bahagian ini memperuntukkan Akta Keterangan 1950 iaitu Akta 56 dan Kanun Tatacara Jenayah iaitu Akta 593 hendaklah terus terpakai kecuali setakat yang peruntukan-peruntukan itu secara nyata diubahsuaikan oleh akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang; dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanjong sila.

3.16 petang

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang ini yang mengambil kira tentang keperluan untuk mengadakan keterangan saksi daripada kanak-kanak.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya cuma akan ambil satu dua perkara yang saya anggap penting di mana di bawah Rang Undang-undang ini, di bawah Bahagian Tafsiran dan juga di Fasal 11, 12 dan juga 13 perkataan berhubung dengan kanak-kanak. Mengikut tafsiran di bawah Rang Undang-undang ini, kanak-kanak ditafsirkan sebagai seseorang yang di bawah umur 16 tahun.

Itulah tafsiran bagi Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak. Saya rasa tafsiran ini jika berbanding dengan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan kanak-kanak-kanak, terdapat percanggahan dan *inconsistency* berhubung dengan apa yang boleh ditakrifkan sebagai kanak-kanak. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kanak-kanak, seorang kanak-kanak ditafsirkan:

- (i) seseorang yang di bawah umur 18 tahun; manakala
- (ii) kanak-kanak ditafsirkan berhubung dengan satu prosiding penjenayahan bermakna seseorang yang sudah mencapai umur yang patut memegang tanggungjawab jenayah terhadap apa yang dilakukan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan. Dan manakala di bawah seksyen 83 Kanun Keseksaan, ia juga menganggap kanak-kanak sebagai seseorang yang sudah melebihi 10 tahun tetapi di bawah 12 tahun yang belum mencapai kematangan untuk memahami sesuatu yang secukupnya.

Itulah di bawah Kanun Keseksaan, definisi dan tafsiran kanak-kanak. Manakala di bawah Akta Umur Dewasa 1971, *The Age of Majority Act* ditafsirkan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*The minority of all males and females shall cease and determine within Malaysia at the age of 18 years and every such male or female attaining that age shall be of the age of majority.*"

■1520

Ini bermakna di dua akta yang lain didapati tafsiran yang berlainan berhubung dengan apa yang disifatkan sebagai kanak-kanak. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah ini bercanggah ataupun ia boleh diterima sebagai satu definisi kanak-kanak yang diterima pakai kerana sekiranya undang-undang yang berbeza mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap satu perkara yang sama. Ia mungkin menimbulkan masalah apabila tafsiran kanak-kanak itu menjadi satu pertikaian dalam mahkamah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan definisi ini sama ada ia secocok dengan definisi kanak-kanak di lain-lain undang-undang yang sedia ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan juga boleh menimbang untuk memasukkan seseorang saksi kanak-kanak ataupun seseorang saksi yang melebihi umur 16 tahun umurnya yang *di medically certified as below the mental age of 16*. Ini kerana memang

ada orang yang terencat akal ataupun mempunyai kekurangan-kekurangan yang tertentu walaupun pada hakikatnya fizikalnya melebihi 16 ataupun 18 tahun tetapi mental agenyanya sememangnya kurang daripada 16 ataupun 12 tahun. Saya rasa golongan ini haruslah juga mendapat perlindungan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 90A Kanun Keseksaan, peruntukan bahawa seorang kanak-kanak boleh memberikan keterangan dari kandang tertuduh ataupun melalui satu kenyataan tetapi ekoran pindaan yang tertentu seseorang yang tertuduh untuk *remain silence* telah pun dimansuhkan di bawah seksyen 90A. Ini khususnya seorang kanak-kanak. Dia tidak boleh memilih opsiyen untuk membisu. Saya rasa ini sudah diskriminasikan kanak-kanak sebab lain-lain orang dewasa apabila dibicarakan di bawah CPC mereka mempunyai hak ini.

Akhirnya, tadi Yang Berhormat Menteri juga dalam huraian beliau ada menyatakan kerajaan amat prihatin terhadap kanak-kanak yang perlu memberi keterangan di mahkamah. Saya rasa kerajaan haruslah mengambil ikhtiar ataupun usaha untuk mewujudkan satu perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak yang perlu memberi keterangan di mana-mana mahkamah sebab lazimnya kanak-kanak yang diperlukan untuk menjadi saksi atau dituduh dalam mahkamah mungkin tidak faham dan tidak mengerti dengan perjalanan mahkamah dengan jargon-jargon perundangan dan sebagainya. Kebanyakan mereka masuk ke mahkamah dalam satu keadaan mereka tidak memahami hak mereka, tidak memahami apa yang sebenarnya berlangsung di dalam mahkamah.

Jadi, saya berharap kerajaan boleh menimbang, mewujudkan satu *specialized support system* bagi kanak-kanak yang perlu menjadi saksi ataupun memberi keterangan di mahkamah dan akhirnya bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini statistik berhubung dengan berapa kanak-kanak diperlukan menjadi saksi dalam sistem mahkamah kita mungkin dalam tiga atau lima tahun kebelakangan ini untuk membayangkan sama ada ini terdesak sehingga kerajaan mewujudkan *specialized support system* yang saya katakan tadi. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam dulu, boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini *Speaker* yang buat keputusan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehlah! Mintalah! Mohon. [Ketawa]

3.26 petang

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang ini sangat mustahak. Dalam proses di mahkamah selain daripada kanak-kanak ada juga pihak-pihak yang sama mustahaknya seperti yang

dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Mereka adalah hakim, peguam bela dan pendakwa raya. Seorang lagi yang juga mustahak ialah jurubahasa (*interpreter*). Kerap kali di mahkamah-mahkamah walaupun kes sudah sedia hendak dijalankan tetapi tidak ada jurubahasa yang boleh menterjemahkan kepada bahasa ataupun menggunakan bahasa yang diperlukan oleh kanak-kanak atau saksi-saksi yang berkaitan.

Perkara ini bukanlah satu perkara yang baru. Ia telah dibangkitkan beberapa kali dan di antaranya adalah kekurangan jurubahasa dalam bahasa Mandarin. Satu di antara perkara yang tidak menarik minat masyarakat Cina untuk mengambil jurusan jurubahasa adalah kerana gaji yang dibayar oleh kerajaan nampaknya sangat kurang dan tidak ada apa yang menarik minat mereka.

Baru-baru ini apabila saya berada di mahkamah minggu lepas di Ipoh saya telah dihubungi oleh beberapa jurubahasa dan mereka mengatakan bahawa mereka ingin meletakkan jawatan tidak lama lagi kerana di antaranya adalah bayaran gaji yang mereka terima tidak ada apa-apa *review* walaupun *review in totality* akan diimplementasikan tidak berapa lama lagi. Yang khusus kepada mereka antaranya adalah *coat allowance* yang dikatakan mereka hanya dapat tiga tahun sekali walaupun mereka perlu menggunakan kot itu tiap-tiap hari. Kedua, sebagai *Commissioner of Oath* mereka hanya dibayar RM25. Saya difahamkan ini adalah elaun yang dibayar untuk beberapa *decade*, kenapa tidak ada *review* dalam perkara ini.

Sebelum ini, beberapa tahun dahulu ada jurubahasa-jurubahasa yang dibayar untuk kemahiran mereka kepada setiap bahasa yang mereka fasih, yang mereka boleh menjadi sebagai jurubahasa bertauliah, mereka dibayar elaun tetapi saya difahamkan elaun-elaun itu telah dihapuskan. Ini tidak memberi minat kepada pihak-pihak yang betul-betul cenderung dan pihak-pihak yang sangat suka, boleh bekerja atau ada kepakaran yang tertentu untuk menjadi jurubahasa. Kenapa kita tidak memberi galakan dan apa yang mereka perlukan adalah elaun-elaun yang memadai. Ini ada diberi oleh kebanyakan negara-negara yang ada sistem kehakiman seperti Malaysia.

Selain dari itu ialah kanak-kanak. Saya bersetuju dengan kawan saya Yang Berhormat bagi Tanjong mengenai tafsiran dan *meaning*. Bagaimana hendak mengatasinya iaitu *child*, *minor* dan sebagainya, adakah kurang 18, lebih daripada 18 dan jika seseorang itu kurang daripada 16 di mana undang-undang ini berkaitan.

Di sini saya ingin memberitahu sedikit pandangan saya - ini praktikal yang telah terjadi di mana kerap kali seorang kanak-kanak atau *infant juvenile* yang kena tangkap, kebanyakan lokap di negara ini tidak ada yang *specialised* untuk mereka direman atau disimpan di sana. Mereka kerap kali bergaul dengan *hardcore criminal*. Ini bertentangan dengan apa yang kita hendak buat untuk 'menyimpan' mereka jika diperlukan dari segi undang-undang supaya dibawa ke mahkamah, supaya dia boleh memberi keterangan atau sebagainya.

■1530

Tetapi bila dia ditahan dia disimpan dilokap, dia berbual bersama *hard core criminal*, dia pula dalam satu situasi kerajaan menolong beliau menjadi *hard core criminal* pula. Macam mana perkara ini boleh dielak? Saya hendak kata di Ipoh, di satu tempat simpanan di sungai sana, di Ipoh, di mana kerap kali ramai di antara pihak-pihak yang ditahan tidak diasingkan.

Satu kes yang spesifik di Ipoh di mana saya membela seorang kanak-kanak dan saya hairan oleh kerana pegawai itu sangat *boring* katanya, dia telah memberi rokok kepada kanak-kanak ini semasa dia dilokap. Bila saya berjumpa kanak-kanak ini di mahkamah, saya hairan. Bila saya melaporkan kepada pihak atasan, dia kata tidak ada. Saya rasa walaupun mungkin ada, atau tidak ada, adalah satu perkara yang mesti tidak boleh diterima oleh pihak polis? Tetapi yang mustahak adalah macam mana perkara ini terjadi?

Kita tahu kalau di pusat serenti dan sebagainya di mana penagih dadah perlu di *hebritated*, di sana pula menjadi satu tempat transaksi dadah. Jadi macam mana tempat macam ini, kanak-kanak yang sangat muda ini, mereka dapat akses kepada benda-benda yang sepatutnya seorang tidak boleh memberi rokok dan sebagainya.

Dengan adanya undang-undang ini, macam mana kita dapat mengatasi? Jangan macam di sesi yang dulu di mana Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Manusia, mengatakan bahawa hanya bila kerajaan bersedia kepada infrastruktur baru membawa undang-undang. Kalau sedemikian adakah infrastruktur di sini sedia? Adakah sistem yang ada supaya ia betul-betul boleh dapat mengatasi masalah yang sedia ada? Ini adalah satu di antara perkara yang mustahak, yang kerajaan perlu ambil tindakan. Ini bukan perkara yang baru.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan mengenai pelantikan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, dan di Mahkamah Majistret. Di mana saya hendak kata, seorang hakim yang terkenal ialah Gopal Sri Ram yang telah dilantik sebagai hakim di Mahkamah Rayuan pada September 1994. Sejak pelantikan beliau, beliau *statement* di sana semenjak dari tahun 1994. Semasa pelantikan beliau, ada banyak hakim-hakim di negara ini. Mereka semasa itu belum menjadi hakim atau berjawatan yang sangat rendah. Ada juga yang sebagai *Section Court Judges* atau Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi mereka sekarang ada di antaranya yang telah naik pangkat lebih tinggi dari beliau, dari Gopal Sri Ram dan telah menjadi hakim di Mahkamah Persekutuan dan Ketua Hakim Negara.

Pada tahun 1994, bila Gopal Sri Ram dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan, *he has done one of the many first* dengan izin. *He was one of the first nominee* di negara ini yang *there was direct appointment to the court of appeal* sebagai *practitioner*. Ketika itu, Ketua Hakim Negara hanya menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi, dan dalam tempoh 12 tahun ini dia di Mahkamah Rayuan. Dia telah di *by pass* oleh beberapa hakim-hakim yang sangat junior, yang

pelantikan mereka disyaki. Dikatakan ada di antaranya terlibat dalam korupsi. Kebetulan pula dalam keadaan di mana dibangkitkan oleh Majlis Peguam Negara dan juga institusi-institusi yang lain, di mana mereka dengan tetap mengatakan bahawa perlu adakan *judicial independent appointment system* supaya kita boleh tarif satu sistem transparansi. Di mana bukan sahaja setakat pelantikan, juga kenaikan pangkat, kenaikan jawatan dan sebagainya. Kenapa kita tidak ada dalam hal ini?

Gopal Sri Ram dalam beberapa tahun ini telah menulis lebih daripada 500 *judgement*. Di antaranya dari *civil law, criminal law, commercial law, administrative law, constitution law and family law*. Beliau telah selesaikan lebih daripada 1,500 kes sejak 18 bulan kebelakangan ini. Walhal salah seorang di antara hakim yang dinaikkan jawatan dari *Court of Appeal* ke Mahkamah Persekutuan, dia tidak menulis 40 *judgement* yang masih tertunggak, tetapi telah dinaikkan pangkat. Ini pernah saya katakan di Dewan ini. Hakim-hakim yang tidak menulis *judgement*, kerap kali dikatakan diberi jawatan atau dinaikkan pangkat. Mereka mendapat tawaran pergi ke luar negara untuk mempelajari sistem kehakiman, tetapi hakim-hakim seperti Gopal Sri Ram tidak dapat peluang tersebut. Walhal dia adalah salah seorang di antara dua orang di negara ini, yang telah dilantik sebagai *Bencher in ...*

Selain dari itu, Perdana Menteri dahulu Tun Abdul Razak dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, termasuk beliau adalah di antara tiga orang *distinguish* yang telah dilantik. Beliau adalah hakim yang *the longest serving Court of Appeal Judge* dan dia sangat arif dalam semua hal ini. Saya pohon pada tahun ini, pada 16 Ogos umurnya akan menjadi 64 tahun dan hanya ada dua tahun lagi dan sekarang ada kekosongan Presiden *Court of Appeal*. Saya pohon kerajaan akan meneliti bahawa beliau adalah seorang yang sesuai untuk dilantik sebagai *Court of Appeal President*. Sekarang terdapat kekosongan jawatan sebagai *Court of Appeal President* dan *Chief Judge of Malaya*. Buat masa sekarang ini kita ada *acting Chief Justice* yang merangkumi, yang memegang semua jawatan-jawatan ini.

Saya harap kerajaan akan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bukankah keadaan semacam ini di mana seorang yang memegang tiga jawatan yang tertinggi di dalam sistem kehakiman bukan sahaja sebagai Ketua Hakim, tetapi sebagai *Chief Judge High Court Malaya* dan pun sekarang *President Court of Appeal* menunjukkan bahawa dengan izin *something is very wrong in the state of hamlet*. Sangat tidak betul telah berlaku dan bukan sahaja menimbulkan sama ada ini *constitutional*, tapi sistem kehakiman tidak berapa cekap dalam sesi di bulan April. Perkara ini ada dibangkitkan tapi kenapa jawatan *Chief Judge High Court Malaya* tidak boleh diisi oleh kerana sudah tahu enam bulan sebelum itu. Oleh kerana tidak boleh dipanjangkan lagi, dan Yang Berhormat Menteri pun ada memberi jaminan perkara ini akan diambil perhatian. Tetapi sampai sekarang masih kosong. Kenapa ini berlaku? *What is basically wrong and the rotten with the sistem kehakiman di negara kita?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ini adalah pandangan yang juga dibuat oleh ramai peguam-peguam dan Majlis Peguam sendiri. Apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang adalah satu perkara yang sangat serius. Kenapa syor yang dibuat oleh menteri sendiri, bahawa jawatan akan diisi tetapi sehingga sekarang tidak ada apa-apa pengisian. Adakah kerajaan tidak ada wang untuk membayar untuk melantik seorang yang *full time* bagi *Chief Judge of Malaya* atau *Court of Appeal President*. Juga dalam keadaan ini, kekosongan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi, hakim-hakim di Mahkamah Seksyen pun ada banyak kekosongan di negara ini, kenapa hingga hari ini tidak ada pelantikan? Satu di antaranya adalah pada sesi yang dulu, di mana saya telah bangkitkan mengenai seorang hakim di Langkap, Perak, iaitu di Mahkamah Seksyen yang baru ditubuhkan di mana walaupun telah ditubuhkan beberapa bulan tetapi tidak ada pelantikan seorang Hakim Mahkamah Seksyen.

■1540

Akan tetapi tidak ada pelantikan seorang Hakim Mahkamah Seksyen. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri telah menjawab kepada saya dan mengatakan asas pada masa itu yang saya kata adalah asas yang sama iaitu bila tidak ada pelantikan seorang hakim di Mahkamah Seksyen di Langkap. Ini telah menyebabkan dan menyebabkan hakim-hakim dari Ipoh terpaksa pergi mengisi jawatan di sana sebagai sementara dan oleh kerana itu kes-kes di Ipoh ditunda, *dipostpone* dan juga di Teluk Intan serupa.

Bila saya membangkitkan perkara itu, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan dan memberi *guarantee* kepada saya bahawa satu pelantikan Hakim Mahkamah Seksyen akan dilantik sekurang-kurangnya sebelum habis bulan Mei. Tetapi hingga hari ini tidak ada pelantikan, hingga terjadi satu situasi di mana peguam-peguam di Ipoh, mereka diberitahu bahawa semua kes pada satu minggu setiap hari akan ditunda kerana tidak ada hakim kerana hakim dihantar bekerja ke Langkap. Kenapa perkara ini boleh terjadi? Adakah menteri ini sangat sibuk di mana dia tidak ada masa untuk melihat apa yang betul-betul berada di bawahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada keterangan saksi kanak-kanak?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak boleh, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak boleh? Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, kerana ini adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak boleh, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Bila saya cakap tidak boleh, saya hendak bahas mengenai perkara tersebut. Saya ada banyak yang saya hendak bahas. Mengenai hakim-hakim adalah satu perkara yang mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa kita perlu adakan undang-undang macam ini jika tidak ada majistret. Jika tidak ada mahkamah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya faham tetapi Rang Undang-undang ini penting, jadi tumpukan masa lebihlah. Jangan semata-mata untuk perkara berkaitan dengan kehakiman.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah berkaitan. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bukan hendak menghentikan Yang Berhormat berucap tetapi hendak ingatkan. Sekarang ini Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak, jadi tumpukan lebih masa untuk Rang Undang-undang ini. Kalau kata ini mustahak, nanti Yang Berhormat pun boleh bangkitkan masalah berkaitan dengan polis, polis tidak ada tangkap, tidak ada kes, tidak ada apa, tetapi sekarang tumpukan kepada....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekarang saya akan bangkitkan mengenai perkara polis yang tidak menangkap kerana ada kes-kes di mana umur kurang dari 16 tahun di mana permohonan telah jadi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpukanlah ini Rang Undang-undang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Saya tumpukan. Saya rasa adalah berkaitan dan saya rasa *video recording, live link and all that...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *...are matters related to the court.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkanlah kepada Yang Berhormat kita bahaskan keterangan saksi kanak-kanak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mula, di antaranya bukan sahaja setakat kanak-kanak. Di mahkamah merangkumi ada pihak-pihak yang lain yang ada kena mengena berkaitan dengan ini. Di antaranya hakim, peguam bela, pendakwa raya dan juga jurubahasa *because all in.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kalau kata demikian, semua ada berkaitan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak tahu semua lainlah. Saya hanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya menjalankan tugas saya dan memberikan nasihat supaya kita tumpukan lebih masa untuk Rang Undang-undang ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih. Di sini ada *Chief Justice*, ada *Federal Court*, ada *Evidence Act*, semua berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Evidence Act* bukan satu yang senang, Tuan Yang di-Pertua. Ia ada lebih daripada beberapa muka surat. Jadi yang saya maksudkan dulu

ialah mahkamah di Langkap, saya rasa tindakan yang tegas, yang serius yang perlu diambil dengan segera untuk mengatasi kekosongan ini. Juga kanak-kanak yang kurang daripada umur 16 tahun ini. Bila ada kes-kes macam ini, kerap kali yang menjadi *victim*, bukan sahaja setakat kanak-kanak. Saya rasa Rang Undang-undang ini akan mengatasi banyak aspek dalam sistem ini.

Tetapi yang mustahak adalah di mana tidak ada majistret-majistret, tidak ada mahkamah-mahkamah di daerah-daerah yang tertentu dan situasi di mana kes-kes tertunggak dan ini perlu diatasi. Saya rasa macam di Seri Manjung, Sitiawan, di mana kita tidak ada Mahkamah Seksyen walhal ada mahkamah yang baru yang dibina dan Seri Manjung adalah satu tempat di mana masyarakat berbilang, kenaikan *total* populasi itu lebih daripada 100% dari 1980 dan perlukan satu mahkamah untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Spesifik kepada ini ialah *Juvenile Court*. *Expertise* dalam *Juvenile Court* di mana majistret-majistret yang sangat muda-muda, baru keluar daripada universiti, habis peperiksaan, oleh kerana ada *connections* yang tertentu, saya tidak ingin menamakan. Kalau Yang Berhormat Menteri mahu, saya boleh namakan majistret-majistret yang dilantik, ada *renovation* yang tertentu yang dibuat supaya majistret itu dapat senang, *enjoy the facilities*. Itu tidak apa, tetapi yang mustahak bila proses pelantikan di mana majistret-majistret yang sangat muda dilantik. Itu semasa Tan Sri Abu Talib sebelum dia bersara.

Dia telah memberitahu beliau bahawa kita perlu pelantikan majistret-majistret yang lebih ada *experience*, yang ada sekurang-kurangnya tujuh tahun sebagai *legal and judicial service*. Kita ada majistret-majistret berumur 23 tahun, sudah menjadi majistret dan menjalankan tugas yang sangat serius. Saya ada satu majistret yang memberitahu saya bahawa dia rasa sangat sedih kerana pada hari pertama dia mendapat satu kes di mana seorang mencuri tin susu dan dia dihukum kepada satu tahun.

Selepas itu baru dia sedar bahawa satu tahun itu untuk dia rasa *there's nothing normal*. Tetapi dia kata, "Saya tidak pernah buat kes macam ini. Saya keluar dari universiti terus menjadi majistret, saya ditugaskan macam ini, saya tidak ada *experience*." Saya rasa ini adalah perkara yang biasa yang terjadi di negara ini dan ini boleh dielak dan senang. Kita melantik pihak-pihak yang menjadi *Federal Council* di *Legal Aid* dan di bahagian-bahagian yang lain supaya mereka lebih *experience*. Macam di England, *stipendiary magistrate*. Sekurang-kurangnya tujuh tahun. Kalau tidak, mereka tidak boleh lantik. Walaupun di England kita ada *lay magistrate*. Ini adalah satu proses yang kita boleh ikuti, pelajari dan diimplementasikan.

Juga berkaitan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah di mana saya sendiri telah bangkitkan pada sesi yang dulu di mana seorang kakitangan di *Attorney General Chambers* yang bernama Gareth A. Richards. Dia memang satu jawatan, masa itu saya rasa, saya ingat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun *preceding* pada masa itu. Saya telah bangkitkan, hari

itu ada seorang lagi menteri yang memberi jawapan kepada perkara yang saya bangkit. Yang saya telah bangkitkan, di antaranya ialah mengenai kelayakan *officer* ini.

Dia ada seorang *bogus officer* yang memegang satu jawatan yang tertinggi di Jabatan Peguam Negara. Nama dia Gareth A. Richards. Dia bukan sebarang orang. Kalau sekarang pun Yang Berhormat boleh *put into internet and check University of Manchester* dan universiti dari Philippines, saya akan mengatakan bahawa dia telah menipu dan telah menjalankan tugas sebagai seorang yang tertinggi di situ. Dia seorang Filipina, bekerja di Filipina, di universiti dan mengatakan dia telah memperoleh satu PhD dari *Manchester University*.

Bila siasatan dibuat, diketahui bahawa dia tidak memperolehi PhD di sana dan dia telah disingkirkan dari jawatan tersebut. Mana lagi di dunia ini boleh *you* dapat kerja? Di Malaysialah. Malaysia Boleh! Tidak ada tempat lain. Bukan saja *he is not an ordinary person*. Dia memegang jawatan tertinggi. Kalau kita pergi ke *homepage* Jabatan Peguam Negara, tengok di sana nama dia tertulis *Senior Research Officer*. Macam mana seorang boleh dilantik.

Saya telah bangkitkan dua bulan dulu perkara ini. Hingga hari ini, semasa saya membangkitkan perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri mengatakan, "Siasatan akan dibuat. Saya akan bawa perkara itu kepada Jemaah Menteri. Tindakan akan diambil." Tindakan apa yang diambil? Malaysia Boleh diambil. Kita mahu cakap terima kasih kepada menteri kerana selepas itu dia sudah *blah*, habis cerita. Tetapi bukankah memalukan kita semua? Dia bukan sebarang orang. Dia memegang jawatan yang tertinggi mengenai *Research Officer*, dia juga menjadi tunjuk ajar kepada DPP, kepada *Senior Federal Council*, dia menjadi pelatih. Dia juga menjalankan tugas tersebut.

■1550

Macam mana dia bukan sahaja diberi satu jawatan yang tertinggi, macam mana seorang boleh dilantik dan macam mana seorang boleh memegang jawatan tersebut? Walaupun perkara itu telah dibangkitkan di Parlimen dan sesiapa juga sekarang pun, boleh masuk di internet. *You type his name, everything will come out*. Di blog saya, bila saya bangkitkan perkara tersebut, saya dapat beberapa komen. Di antaranya yang mengatakan, *I did not put up after that*, yang menyatakan the *Law of Karma, God will punish you. There is so many worser person in this country, why are you picking this person? He is a very good person* dengan izin. *He is very good person, he was an excellent lecturer in the Philippines. True, he has forged a PhD certificate, but there are so many other worser person in this country*.

Adakah ini bandingan yang boleh diterima? Macam mana kita boleh ada satu reputasi yang kita boleh hormat sistem peguam negara dan pegawai-pegawainya? Adakah ini terhad kepada Gareth A. Richards? Adakah ianya tertakluk hanya kepada beliau? Adakah pegawai-pegawai yang lain yang dilantik yang dipilih untuk menjawat jawatan-jawatan yang tertinggi di Jabatan Perdana Menteri. Semua ini *bogus officer*. Kenapa sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan diambil? Bila kita tengok apa yang tertulis:

“The Department of Political Science Statement on the Termination of Appointment of Associate Professor Gareth A. Richards”. Kalau kita baca itu, senang kita tahu. *Department* itu ada mengeluarkan satu *statement* dengan izin. *“The Department is issuing in this official statement to set the record straight concerning the termination of Mr. Richard’s appointment. Mr. Richard’s case is clearly one of a lie uncovered and exposed to light, and nothing more. The members of the University community - its officials, the faculty, and the students - along with other institutions within and outside the country were all deceived. Let us not allow ourselves to be deceived yet again, especially by intrigues, misinformation and lies circulating within and outside the University that are meant to bury the truth that no other purpose but to protect the ego of this person.*

Ini dikeluarkan oleh *University Philippine* mengenai pegawai tersebut. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan kenapa tindakan perlu diambil dan adakah dia akan dinaikkan pangkat? Mungkin dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi kerana pihak-pihak yang ada *doubtful character* diberi keutamaan di negara ini. Berkaitan dengannya Tuan Yang di-Pertua, adalah iaitu *article 122(B), of The Malaysian Constitution. The appointment of Chief Justice like the President of Court of Appeal dengan izin. Two Chief Judges; Judges of the Appellate Court or Court of Appeal and the High Court are made by His Majesty Yang di-Pertuan Agong on the advise of the Prime Minister of the consulting the conference of rules.*

Saya hendak tahu dalam perkara ini, bilakah kerajaan akan mengisi semua kekosongan yang sedang wujud di Mahkamah Tinggi terutamanya di Mahkamah Tinggi, di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Persekutuan? Ini adalah mustahak kerana *backlog* yang sedang terjadi disebabkan yang utama adalah kerana kekurangan hakim dan juga timbalan pendakwa raya di negara ini. Dua kes yang spesifik, satu kes Mongolia di mana kita semua tahu bahawa *Head of Prosecution* telah ditukar dari satu *‘senior pre-council’* yang baru dilantik. Itu kita tahu alasan-alasan yang diberi. Itu yang kita perlu fikir, hakim-hakim yang telah bersara mengatakan bahawa perlu ada pengasingan.

Satu di antaranya ialah, Hakim Syed Idid yang mengatakan, *“Perlu ada pengasingan di antara hakim dan DPP”.* Tak boleh, *you cannot mix both of them. You cannot allow the friendship to exist because this is against the separation of powers.* Walau bagaimanapun, nampaknya sekarang kita semua bergaul, tetapi bukan setakat yang telah terjadi. Juga di kes Ganesh di Pulau Pinang, di mana seorang rakyat India yang diseksa, yang telah mati dikatakan oleh majikannya. *All have gone loose and all have gone wrong,* dalam hal tersebut. Di antaranya adalah pendakwa raya di mana, diklasifikasikan kes tersebut sebagai dengan izin, *homicide, ‘man’s water’.*

Selepas itu oleh sebab berkaitan dengan DPP baru yang dilantik, dan saksi tidak di *subpoena* pada hari tersebut, DPP yang baru dilantik untuk menjalankan tugas yang baru ini. Apakah ini *situation of jerks,* adakah sesuatu yang tidak kena? Sehingga seorang peguam

terpaksa memfailkan satu permohonan di mahkamah mengatakan bahawa di antaranya adalah permohonan supaya dia kata dia hendak terlibat dalam kes pendakwa raya supaya dia dapat menolong pendakwa raya, kerana pendakwa raya tidak berapa arif. Kekurangan inisiatif dalam *prosecution*, tidak ada *experiences* yang tertentu.

Bukankah masa sudah tiba di negara ini seperti di England, di mana pendakwaan bukan semestinya hanya boleh dijalankan oleh pendakwa raya? Apakah dia ada *special abilities* yang selain dari beliau tidak ada peguam-peguam lain yang boleh ada kebolehan yang sama? Saya rasa kerajaan perlu fikir dan mungkin pelantikan peguam-peguam yang sesama standard yang boleh *prosecute* dalam kes-kes yang sangat mustahak, yang ada kepakaran yang tertentu. Kalau di England, pelantikan macam itu boleh dibuat. Kenapa di Malaysia? *In Malaysia boleh land*, kenapa kita tidak boleh bikin?

Saya rasa ini perlu diambil perhatian dan ambil tindakan susulan dalam perkara ini. Berkaitan dengan kanak-kanak Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat tahu setakat ini, apakah kes-kes di mana mereka dikatakan terlibat dan kenapa keperluan undang-undang ini? *In specific term*. Kerana saya rasa, kalau kita baca rang undang-undang ini, ia mungkin menyekat *the freedom* kepada peguam-peguam dan juga untuk mendapat arahan-arahan. Walaupun saya sudah tengok seksyen yang mengatakan bahawa ia akan membenarkan peguam-peguam *free access*, tetapi yang mustahak ialah macam rang undang-undang yang telah diluluskan bulan November dahulu, yang telah dibawa ke pindaan. Di antaranya ialah saksi-saksi perlu adakan satu tempat yang *special* di balai polis supaya bila mereka ditangkap, pihak-pihak peguam dapat *access* kepada dia. Dia ada bilik yang tersendiri supaya dia dapat berbual dengan saksi-saksi dan juga pihak-pihak *suspect* yang terlibat dalam kes-kes jenayah.

Pada pengetahuan saya, sehingga hari ini, walaupun undang-undang berkaitan, *criminal procedure code* dan *penal code* telah di *amend* di sini, tetapi hingga hari ini oleh kerana ini adalah berkaitan kepada kanak-kanak. Di mana situasi yang sama yang akan berlaku, jika kita sebagai peguam hendak pergi berjumpa dengan yang kena tangkap, yang disyaki terlibat, dia tidak ada bilik-bilik yang khas.

Walhal ini adalah satu di antara perkara yang sangat mustahak supaya mereka bukan sahaja setakat memberi arahan kepada peguam-peguam, tetapi ada kebebasan untuk bercakap, berbual dengan pihak-pihak yang boleh menolong dia. Kalau kita tengok dalam akta ini, sayang sekali Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa menunjukkan bahawa *there will be specialized child people would be handling this cases, dengan izin, psychologist...*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *or trained social worker.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Trained social worker.* Saya hendak bagi sedikit pandangan saya. Di Amerika, bila saya melawat satu *legally centre*, saya hairan. *Legally centre* yang disediakan oleh Kerajaan Amerika, mereka ada pihak-pihak yang sangat *specialist* dalam

hal ini yang akan dihantar sebelum peguam pergi untuk berbual, untuk meneliti dan tengok apa yang boleh mereka tolong, tolong *victim* ini.

■1600

Tetapi di negara kita, kita kekurangan ini. Saya rasa ini adalah satu antara yang mustahak di mana kalau seseorang kurang dari 16 tahun macam kes-kes di mana murid-murid sekolah yang menjalankan gengsterisme, yang bila mereka perlu pergi sekolah untuk belajar, tetapi mereka pergi sekolah dan bakar sekolah tersebut dan apa yang mereka nikmati dalam proses berbual dengan peguam? Kita sebagai peguam hanya dapat memberitahu apakah undang-undang yang dikenakan, apakah undang-undang yang mungkin dia akan disabit dan sebagainya tetapi dalamannya, dalam hal peribadinya yang *long term effect* untuk menolong beliau tidak ada *support system*.

Ini adalah satu kekurangan yang tidak boleh, saya rasa ini adalah satu kecacatan dalam Rang Undang-undang ini dan walaupun Rang Undang-undang ini sangat *state of the art and* membawa *video recording life, link* dan sebagainya tetapi yang mustahak adalah berkaitan dengan perkara ini. Kenapa kita tidak ada apa-apa usaha yang dibuat supaya kita ada *child trainers, child physiology* yang akan dihantar untuk berbual dan kepada pihak-pihak yang disyaki *victim* dan sebagainya. Ini adalah berkaitan kerana apa guna mereka dihantar ke penjara walhal mereka akan menjadi *hard core criminal* esok hari?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Remedi yang pertama, remedi yang mustahak sekali yang dijalankan oleh negara-negara yang ada sistem yang lebih baik ialah di mana remedi-remedi adalah tempat untuk menolong kanak-kanak tersebut, tempat untuk menolong pihak-pihak yang menjadi *victim* dalam perkara ini, tetapi nampaknya tidak ada berkaitan, tidak ada apa-apa dalam Rang Undang-undang ini. Kenapa ini terjadi? Ini adalah satu perkara yang mustahak dan juga bila kes-kes dijalankan di mahkamah, perlu supaya kanak-kanak ini yang umurnya kurang daripada 16 tahun perlu diasingkan, diberi *special place*, mahkamah juvenil (*juvenile court*) di mana pihak-pihak yang tidak kena-mengena dengan kanak-kanak yang kurang dari 16 tahun umurnya, kes-kes kanak-kanak ini fakta-fakta ini mereka tidak patut ketahui dan perlu diasingkan.

Saya rasa ini satu perkara yang perlu pertimbangan juga oleh kerajaan. Tidak guna kita ada undang-undang yang sangat *sophisticated* jika dalam mengimplementasikan ini semua menjadi dengan izin, *upset down*.

Sebagai akhir Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *video recording* dan sebagainya yang menjadi hal selalu adalah sistem yang ada di mahkamah atau di tempat-tempat bangunan-bangunan kerajaan walaupun sangat canggih, bila beli itu sangat canggih selepas operasi sudah bungkus, tidak boleh berfungsi.

Itu menjadi satu alasan untuk *postponement of cases* dan ini kerap kali terjadi. Jangan kita lupa Yang Berhormat Menteri sendiri sudah pergi ke mahkamah yang kedua terbesar di dunia di mana bocor sini, bocor sana, siling boleh jatuh. Ini pun sangat canggih bila dimulakan dan sekarang saya difahamkan fail-fail di Mahkamah Tinggi pun ada yang telah hilang akibat hujan lebat ini alasanlah. Mahkamah yang kedua yang terbesar dalam dunia ini yang sayangnya tidak ada *car park*, hanya ada *car park* untuk 500 orang sahaja, tidak cukup untuk *civil servant* yang bekerja di sana. Walaupun kerajaan saya difahamkan dari beberapa pihak bahawa kemungkinan besar satu multi *car park* akan disediakan tetapi bukannya ini yang prioriti?

Multi *car park* dan bukannya LRT patut berada di sana supaya *accessibility, convenience* pihak-pihak yang berkenaan. Kenapa ini semua tidak disediakan? Adakah perlu mendapat kontrak-kontrak yang besar baru satu sistem macam ini akan diimplementasikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya.

4.05 petang

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menyambut baik sebenarnya Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 ini, cuma saya ingin mendapat penjelasan sedikit tentang penggunaan Akta ini nanti sebab dalam pemahaman saya Akta ini sekadar diguna pakai untuk kes-kes jenayah dan tidak merangkumi kes-kes sivil terutamanya yang melibatkan undang-undang kekeluargaan, *family law* ataupun yang di bawah undang-undang sivil ialah Law Reform Act.

Sebagaimana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua dalam kes yang melibatkan tuntutan cerai ataupun *custodian*, karakter pihak-pihak yang terlibat adalah satu perkara yang akan diambil kira oleh mahkamah sebagai satu bahan bukti sama ada penceraian boleh berlaku ataupun siapa yang layak mendapat *custody*.

Dalam kes ini saya kira kanak-kanak adalah sebagai salah seorang saksi yang boleh menjadi saksi utama, yang boleh memberi keterangan tentang karakter ataupun sifat pihak-pihak yang terlibat, tetapi malangnya dalam pemahaman saya Rang Undang-undang ini tidak meliputi sivil *law* ataupun undang-undang sivil yang saya nyatakan tadi. Ini jelas kalau kita melihat pada seksyen 16, pemakaian Akta ini dengan jelas tidak menyebut tentang Akta *Civil Procedure Code* ataupun Kanun Acara Sivil yang dikecualikan daripada akta ini, dan saya merasakan ianya amat perlu dalam keadaan dan senario yang ada di negara kita pada masa ini dan untuk itu saya ingin mendapat penjelasan mengapa perkara ini diketepikan dan mengapakah kesaksian anak-anak di peringkat mahkamah sivil tidak diambil kira sebagai satu keterangan yang boleh diterima pakai, sebagaimana kita menerima pakai dalam kes-kes jenayah.

Seperkara lagi saya tahu perkara ini bukan dalam bidang kuasa menteri yang bertanggungjawab membawa Rang Undang-undang ini, namun saya ingin menyarankan agar Yang Berhormat Menteri nanti akan dapat mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri agar Akta ini, keterangan saksi kanak-kanak ini dapat dipanjangkan kepada Undang-undang Keterangan Syariah, sebab ianya satu perkara yang amat baik untuk kita memberi peluang kepada kanak-kanak yang dipanggil untuk memberi keterangan supaya kaedah, perlindungan kepada kanak-kanak itu akan terjamin begitu juga dengan pertuduhan sekiranya ada. Itulah penjelasan serba sedikit yang ingin saya pohon. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands.

4.08 petang

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bahas mengenai Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, dan perkara pertama mengenai Rang Undang-undang ini adalah mengenai saksi kanak-kanak kurang upaya yang terdapat dalam Fasal 12. Maka dalam seksyen ini Fasal 12(3) dikatakan bahawa, “ketidakupayaan termasuklah keterbatasan aktiviti yang diakibatkan oleh lemah fizikal, intelektual atau deria, keadaan kesihatan dan penyakit mental yang boleh bersifat kekal atau sementara.”

Saya ingin tanya menteri berkenaan sejauh manakah keterangan-keterangan yang diberi oleh seorang kanak-kanak yang terencat akal boleh diterima sebagai saksi dalam mahkamah, sebagai keterangan dalam mahkamah?

Apakah ukuran ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *yardstick* yang digunakan untuk penerimaan keterangan saksi itu memandangkan bahawa mungkin kanak-kanak itu tidak berupaya ataupun keterangannya tidak boleh diterima dalam konteks *prosecution*. Itulah yang pertama, saya ingin tanya yang kedua ini, saksi kanak-kanak. Banyak terlibat dalam kes-kes penyalahgunaan fizikal, *physical abuse* dengan izin dan juga jenayah seksual.

■1610

Maka kanak-kanak banyak terlibat dalam pemberian keterangan. Maka saya ingin tahu adakah Undang-undang Kanun Keseksaan dan Tatacara Jenayah yang sedia ada yang telah kita rangka melalui Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Dato' Radzi baru-baru ini sudah pun mencukupi untuk menjaga keselamatan dan juga untuk kejitian perundangan berkaitan dengan jenayah yang berkaitan. Maka dalam konteks ini, saya beri satu contoh iaitu ada perkara-perkara seperti di Australia, perundangan yang mengatakan bahawa ada *sexual grooming*.

Sexual grooming ini adalah bapa-bapa tiri atau ibu-ibu tiri yang bersama dalam keluarga mendedahkan anak-anak secara berperingkat-peringkat untuk berfikiran lucah, untuk berfikiran seksual dan untuk memperlakukan kanak-kanak ini untuk tujuan-tujuan nafsu. Maka perkara-perkara ini terlibat dalam konteks kanak-kanak ini. Adakah perundangan kita sudah mantap

dalam induknya untuk memberi ruang untuk perundangan baru ini, keterangan saksi kanak-kanak itu dapat disempurnakan. Maka itu satu.

Isu yang kedua ini, adakah keserasian dan kemantapan itu telah diperbetulkan terlebih dahulu untuk memastikan bahawa keadilan dapat diketengahkan untuk kanak-kanak sebegini yang memberi keterangan-keterangan.

Perkara ketiga yang perlu dilihat dalam konteks ini adalah adakah kebajikan kanak-kanak itu diambil kira sebagai sokongan kepada keterangan yang diberi. Contohnya kanak-kanak yang memberi keterangan-keterangan sebagai saksi boleh mengalami kesan psikologi yang mendalam kerana mungkin dia akan “*diragging*” oleh peguam-peguam yang terlibat dalam kes-kes seperti ini. Adakah kanak-kanak itu diberi perlindungan yang secukupnya supaya tidak dimanipulasikan kerana kanak-kanak boleh mengalami kesan-kesan psikologi yang mendalam khususnya dalam kes-kes seksual kerana ramai kanak-kanak terlibat dalam kes-kes seksual.

Maka keterangan yang mereka beri itu dan saksi-saksi ini mungkin diperalatkan bagi tujuan untuk dimanipulasikan untuk berat sebelahkan kes-kes tertentu. Maka saya ingin tahu, apakah *provision* yang sedia ada untuk memastikan bahawa kanak-kanak seperti ini mendapat perlindungan yang secukupnya dari konteks pemberian keterangan dan lokap. Saya berbalik kepada isu yang dibangkitkan tadi mengenai lokap. Maka rata-rata saya mendapat maklum balas bahawa kemudahan lokap untuk kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah itu masih longgar lagi. Walaupun kita sudah pun memperbetulkan 117, 102, 103 dengan izin, tetapi saya rasa undang-undang ini belum diperturunkan ke peringkat bawah.

Saya ingin bertanya, apakah peranan Peguam Negara dalam konteks pengamalan undang-undang kerana baru-baru ini Parlimen telah meluluskan peruntukan-peruntukan baru dalam CPC dan *Penal Code*. Setelah Jawatankuasa Khas telah membuat kerja selama dua tahun, saya sendiri menjadi ahlinya dan kami telah membuat perubahan dan Dewan mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang ini. Tetapi setakat ini, setelah itu dikembalikan ke Dewan yang mulia ini untuk perubahan sedikit dan selepas itu telah turunkan balik kepada AG, tetapi sampai sekarang undang-undang itu belum lagi diamalkan. Belum lagi diturunkan di peringkat akar umbi untuk diamalkan walaupun sudah digubal, diluluskan oleh Parlimen.

Maka saya kurang pasti mengenai peranan AG, peranan Peguam Negara dalam konteks pengamalan undang-undang yang sedia ada. Dan siapa eksekutif? Adakah dia di bawah eksekutif ataupun di bawah Parlimen? Siapa ini AG yang boleh menahan dan menyimpan undang-undang ini begitu lama sekali. Adakah dikatakan bahawa Dewan yang mulia ini tidak berupaya untuk memastikan bahawa setelah rang undang-undang diluluskan, mungkin diberi tiga bulan mesti diamalkan di peringkat bawah. Ini kerana saya tengok undang-undang kita iaitu *Penal Code* dan CPC, sejak merdeka begitu kurang dirombak semula.

Maka saya mintalah supaya menteri yang berkenaan memberi keterangan bilakah rang undang-undang yang telah diluluskan itu dapat diamalkan di peringkat akar umbi kerana saya

rasa banyak isu-isu yang berkaitan itu ada juga melibatkan kes-kes seksual, kes-kes kanak-kanak, rogol dan sebagainya. Maka ini akan membantulah saya rasa dan akhir sekali saya tertarik dengan Fasal 14. Ia bertujuan untuk menyekat laporan dan penyiaran media mengenai butir-butir saksi kanak-kanak dalam sesuatu prosiding yang membawa kepada pengenalpastian saksi kanak-kanak.

Baru-baru ini dalam kes yang begitu popular iaitu Altantuya itu, kita dengar dalam surat khabar ada peguam yang memberi amaran bahawa media tidak harus melaporkan perkara-perkara yang boleh jadi *detrimental* dengan izin, kes berkenaan. Maka saya rasa ini adalah sesuatu yang begitu penting sekali kerana kadang-kadang media boleh terlanjur dalam melaporkan perkara-perkara begini sehingga boleh menyebabkan keadaan-keadaan yang tidak diingini berlaku. Maka saya rasa *provision* ini begitu baik sekali. Sejauh manakah *provision* ini akan berkesan dalam keterbukaan kini, proses demokrasi.

Pak Lah telah mengatakan kita akan memberikan peluang untuk Parlimen bersuara dan kita akan siarkan Parlimen. Kedua, media akan diberi kebebasan dan yang ketiga *civil society*, NGO, badan-badan sukarela akan diberi peluang untuk diberi *watch*, untuk menjadi golongan-golongan yang boleh memberi kesan kepada eksekutif tetapi mungkin ini adalah satu perkara yang penting sekali. Saya ingin tahu sejauh manakah media ini akan disekat dalam melaporkan perkara-perkara yang boleh menjadi *detrimental* kepada kes-kes yang berkenaan.

Maka saya mohon supaya perkara ini tidak dilihat sebagai satu rang undang-undang yang *simple* tetapi rang undang-undang ini boleh dikaitkan dengan seluruh *legislative system* di Malaysia kepada keseluruhan kehakiman Malaysia. Maka saya rasa kita perlu pastikan bahawa segala kakitangan yang diperlukan untuk pengamalan ini dapat diperkukuhkan kerana rata-rata kita tidak mencukupi golongan-golongan kakitangan yang boleh memastikan bahawa rang undang-undang yang diluluskan akan disempurnakan di peringkat bawah dan itu juga perlu dilihat. Apa gunanya kalau kita ada undang sekiranya kita tidak ada *the modus operandi* ataupun proses pelaksanaan yang berkesan. Maka saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cuba ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara ini telah disebut beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya hendak bercakap begini, Sabak Bernam menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk sistem keadilan ini, sistem mahkamah kita akan menjadi lebih baik.

Tetapi sering kali kita sama ada sedar ataupun tidak, dalam kita mencari keadilan, kita menjadi tidak adil kepada individu tertentu khususnya kanak-kanak yang menjadi saksi ataupun yang terlibat dalam satu-satu jenayah yang terpaksa hadir di mahkamah sebagai saksi ataupun dia sendiri terlibat. Biasanya mereka ini adalah kanak-kanak sekolah. Saya boleh memberi

contoh yang begitu banyak Tuan Yang di-Pertua, kesan kepada peribadi kanak-kanak ini yang sebenarnya berubah yang seorang daripada seorang yang darjah lima ataupun darjah enam dapat lima A, dia meneruskan persekolahannya, corot dalam sekolah itu. Itu satu watak. Maknanya dalam pendidikan ini, fobia ataupun trauma daripada pengalaman itu sebenarnya telah menyebabkan dia berubah watak.

Begitu juga watak yang menjadi watak yang lasak, watak yang megah dan bangga kerana menjadi saksi dan seumpamanya. Ini saya hendak kaitkan dengan mereka yang menjadi saksi oleh kerana kita pun terlibat dalam Mahkamah Juvana dan kita telah melihat keadaan seorang saksi kanak-kanak itu. Oleh sebab itu, saya lihat Rang Undang-undang ini memang sangat-sangat relevan dan kita menyokong. Tetapi saya ingin mencadangkan, saya tidak pasti di sini, ini yang ingin saya bertanya sama ada sudah ada atau tidak, tadi disebut tentang khidmat sokongan kepada seorang individu kanak-kanak yang terlibat sebagai saksi kanak-kanak ini di mahkamah. Sebenarnya memang satu tekanan yang sangat besar dan sering kali, bukan sahaja pelajar ataupun maknanya kanak-kanak ini menghadapi masalah, kata teman saya tadi psikologi tetapi keluarga dia sendiri mengalami masalah.

■1620

Saya boleh sebutlah di Sabak Bernam, saya boleh sebut lima, enam orang. Kalau Sabak Bernam ada lima enam orang satu daerah, saya ingat kalau dicampurkan sebenarnya begitu ramai, beratus mungkin beribu dan kesan kepada mereka ini. Ini adalah anak-anak kita generasi yang akan datang. Oleh kerana itulah saya ingin mencadangkan supaya satu bentuk *support system* ataupun khidmat sokongan untuk membantu mereka selepas kes itu harus diwujudkan dan ini saya pasti melibatkan pihak Jabatan Pelajaran, melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan bagi saya ini adalah sangat kritikal.

Oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sama ada program selepas kes ini untuk membantu kanak-kanak dan keluarga itu telah ada. Kalau tidak ada maka saya mencadangkannya. Dengan itu Sabak Bernam menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ampang.

4.21 petang

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dan saya percaya dengan lulusnya undang-undang ini nanti hak ataupun kesan psikologi terhadap kanak-kanak dilindungi.

Kita tahu bahawa saksi kanak-kanak terutamanya dalam kes-kes gangguan seksual ataupun dalam kes-kes berunsurkan seksual dirogol dan sebagainya ataupun kes-kes yang melibatkan keganasan dalam bentuk lain seperti didera meninggalkan kesan yang berpanjangan. Rang Undang-undang ini jika lulus nanti akan menangani trauma psikologi terhadap saksi kanak-

kanak terutama kesan jangka panjang kerana kita lihat ada banyak kes di mana saksi kanak-kanak ini akan hilang kepercayaan terhadap orang dewasa termasuk kepada orang-orang yang bersaudara dengan mereka sendiri dan juga ada kesan psikologi secara panjang iaitu mereka ini lebih suka bersendirian dan menjadi seorang yang murung.

Dalam Rang Undang-undang ini, seorang saksi kanak-kanak itu sendiri ditakrif sebagai seorang kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun dan ada beberapa cara di mana mereka dilindungi semasa memberi saksi. Kita pun telah baca bahawa ada tiga kaedah iaitu sama ada secara menggunakan pengadang ataupun menggunakan rangkaian secara langsung ataupun rakaman video.

Tetapi ada beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini yang saya rasa perlukan penjelasan lebih daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Contohnya, keterangan melalui rangkaian secara langsung. Di dalam perkara 5(2) ada disebut bahawa mahkamah boleh membuat sesuatu perintah yang menentukan seorang kakitangan mahkamah hadir di lokasi itu. Maksudnya di lokasi yang luar daripada bilik mahkamah tetapi diiktiraf sebagai tempat di mana prosiding berlaku.

Perkara 5(2) ini agak umum. Maksudnya saya ingin meminta penjelasan, siapakah yang dimaksudkan kakitangan mahkamah itu, pada tahap mana, tahap pegawai atau tahap apa? Itu saya rasa itu perlu penjelasan. Juga tentang rakaman video saksi kanak-kanak. Melalui rakaman video ini, ada disebut dalam perkara 8 bahawa dalam hal keterangan saksi kanak-kanak yang masih mentah dan seterusnya, seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini, saya inginkan penjelasan tentang takrif saksi kanak-kanak yang masih mentah.

Pertamanya ialah berapakah umur yang dianggap masih mentah? Kedua, ada pada sambungan ayat ini menyatakan mahkamah yang menilai dan membuat satu pendapat sama ada saksi kanak-kanak itu memiliki akal yang cukup. Adakah mahkamah mempunyai kepakaran dalam menentukan kematangan seseorang kanak-kanak? Saya berharap dan suka mencadangkan bahawa diadakan satu peruntukan bahawa hendaklah hadir bersama pakar psikologi kanak-kanak untuk menentukan tahap kematangan kanak-kanak ini. Jika sekiranya ia dibiarkan di tangan mahkamah, mereka mungkin tidak mempunyai kepakaran untuk menilai.

Tujuannya ialah supaya kita berlaku seadil-adilnya kepada saksi kanak-kanak ini. Tentang saksi kanak-kanak yang menderita kurang upaya yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, saya ingin menambah satu bahawa dalam perkara 12(1) saksi kanak-kanak kurang upaya boleh memberi keterangan mengikut apa-apa cara lain yang menjadikannya boleh difahami.

Ini agak tidak khusus kerana untuk difahami, saya percaya bahawa seorang yang begitu pakar di dalam ketidakupayaan ini mesti hadir, dan ketidakupayaan itu sendiri ada di dalam berbagai-bagai bentuk. Apa yang saya ingin sarankan ialah supaya harus disebut di dalam rang

undang-undang ini sebagai menjadikan suatu syarat bahawa seorang cikgu ataupun pelatih khas untuk kanak-kanak kurang upaya mengikut jenis ketidakupayaan itu, mesti ada.

Jika sekiranya dia dibiarkan tidak jelas Rang Undang-undang ini, maka kita tidak dapat tafsiran sebenar tentang apa yang dikatakan bahawa keterangan saksi itu boleh dibuat mengikut cara yang boleh difahami, kerana yang menterjemahkan mungkin tidak faham ataupun soalan yang dikemukakan kepada kanak-kanak kurang upaya ini tidak difahami. Saya sebenarnya berharap sangat-sangat bahawa, segala yang saya sebut ini tadi dapat diperkemas supaya kanak-kanak ini tidak menjadi mangsa terhadap trauma psikologi. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

4.26 petang

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak sering kali walau pun orang dewasa menyaksikan satu jenayah dilakukan, mereka juga enggan menjadi saksi kerana ada yang berpendapat ia amat rumit, ia mengambil masa dan tidak kurang juga yang mendapati mereka takut untuk hadir ke mahkamah untuk menjadi saksi.

Apatah lagi dengan kanak-kanak. Saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya hendak timbulkan beberapa persoalan dan saya pohon pihak Yang Berhormat Menteri boleh menjawab. Kanak-kanak yang menjadi saksi kepada kejadian seksual atau sendiri adalah mangsa. Mereka telah mengalami trauma. Rang undang-undang ini saya rasa perlu dikemaskinikan agar mereka tidak melalui trauma yang kedua apabila mereka menjadi saksi di mahkamah.

Saya hendak tahu sama ada, sebab dalam Rang Undang-undang ini tidak memperuntukkan apa-apa berkenaan khidmat sokongan kepada saksi kanak-kanak sebelum perbicaraan, sebelum kanak-kanak ini dipanggil untuk menjadi saksi. Saya rasa adalah perlu kanak-kanak ini dimaklumkan ataupun diberi peluang untuk mengenali apakah keadaan yang kanak-kanak ini perlu lalui apabila berada di mahkamah atau di lokasi lain untuk dirakam keterangannya.

Bagaimanakah soal jawab yang akan dijalankan? Siapakah pihak-pihak yang akan terlibat? Ini saya rasa amat penting agar mereka rasa selesa dan tidak akan terkejut apabila prosiding tersebut mengambil tempat. Mengapakah aspek ini tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Akta *Law Reform and Narration Divorce Act* apabila mahkamah hendak memutuskan sama ada seorang kanak-kanak hak penjagaannya diberi kepada ibu atau bapa, keutamaan adalah *terma consideration* adalah *best interest* atau *welfare* kepada kanak-kanak itu. Tetapi dalam Rang Undang-undang ini saya amat risau sebab kalau kita tengok walau pun ia membenarkan oleh dewasa menemani saksi kanak-kanak ini kalau kita

lihat seksyen 5, seksyen 8, seksyen 9 tetapi nampaknya pilihan orang yang menemani saksi ini adalah atas budi bicara mahkamah, atas perintah mahkamah.

Kalau kita tengok seksyen 8, mana-mana orang yang pemeriksaan saksi kanak-kanak melalui perantara salah satu ialah mana-mana orang yang dibenarkan oleh mahkamah. Kalau tengok seksyen 9(2) yang membenarkan saksi kanak-kanak ini ditemani oleh lebih daripada seorang dewasa jika mahkamah mempertimbangkannya demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

Saya rasa yang penting ialah membenarkan dan mencatat dengan cara *express* dalam Rang Undang-undang ini adalah seorang dewasa yang dipilih oleh kanak-kanak. Kalau Rang Undang-undang ini bukan keputusan budi bicara mahkamah, siapa yang patut menemani kanak-kanak tersebut.

■1630

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi bukan senang Tuan Yang di-Pertua kita nak kanak-kanak untuk menerangkan memberi keterangan apa yang beliau nampak, lebih-lebih lagi kejadian yang meninggalkan kesan yang sangat negatif ke atas dirinya. Jadi mahu dia memberi tahu, memberi keterangan, bekerjasama dengan orang dewasa yang lain adalah agak rumit.

Jadi saya pohonlah Rang Undang-undang ini kalau boleh dikemaskinikan orang dewasa yang dipilih oleh kanak-kanak tersebut. Ini saya rasa sangat penting. Saya tahu keadilan sangat penting, tapi kalau kita tengok Konvensyen Kanak-kanak. *Convention on the Rights of the Child* ada memperuntukkan yang penting dan keutamaan adalah *welfare* kanak-kanak itu, kebajikan kanak-kanak itu. Kalau tidak saya rasa ia tidak akan berjaya untuk melindungi atau mendapat kerjasama kanak-kanak untuk memberi keterangan.

Apa yang penting adalah mesti ada satu perhubungan yang selesa di antara kanak-kanak itu dengan pihak yang ketiga, dengan orang perantara. Seksyen 8 menyatakan mahkamah boleh membenarkan orang lain atau jurubahasa untuk menjadi perantara tetapi tidak dinyatakan siapakah kategori-kategori mereka, kaunselor kah, psikologi kah, *social worker* kah. Saya rasa ini perlu diperjelaskan. Jadi saya pohon penjelasan dalam aspek ini.

Satu lagi yang mana Yang Berhormat Petra Jaya ada bangkitkan apabila saya menyerah salinan Rang Undang-undang ini kepada seorang peguam di Ipoh untuk meneliti, beliau berkata ini seolah-olahnya hanya merangkumi kes-kes sahaja bagaimana pula kes-kes sivil, lebih-lebih lagi dengan kes-kes keganasan rumah tangga di mana menurut peguam ini kebiasaannya mahkamah enggan menerima keterangan saksi kanak-kanak sebab mereka tidak ada *facilities*.

Jadi untuk berbuat demikian, apakah rang undang-undang ini meliputi kes-kes sivil, *domestic violence*, kes-kes keluarga (atau *family law*). Apakah ia merangkuminya?.

Saya juga pohon kalau ia meliputi bagi kes-kesnya di mana mangsanya adalah kanak-kanak yang perlu dijadikan saksi atau bagi kes-kes yang lain di mana saksinya adalah kanak-kanak mesti ada satu tempoh yang ditetapkan dalam Rang Undang-undang ini agar keterangan diambil. Kalau tidak, ia mengambil masanya lama kita tahu buat masa ini kalau ada kes kat

mahkamah mengambil masa yang lama, kita sering kata tak cukup kakitanganlah, tak cukup infrastrukturnya, dalam aspek ini saya pohon mesti ada satu tempoh di mana keterangan saksi kanak-kanak ini perlu dirakamkan atau diambil. Kes-kes demikian perlu dipercepatkan agar kanak-kanak tidak perlu melalui trauma yang berpanjangan, selesaikan ia dengan secepat mungkin.

Saya bukan kata *compromise* dalam aspek keadilan tapi lagi lambat ia diselesaikan prosiding ini, lebih panjang trauma yang perlu beliau lalui kerana ahli keluarganya selalu mengingat-ingatkannya kejadian itu bagi memastikan kanak-kanak ini boleh memberi keterangan yang lengkap apabila berada dalam prosiding.

Jadi saya pohonlah keterangan dalam aspek ini dan apakah kementerian kerajaan telah sedia dengan infrastruktur-infrastruktur walaupun di sini menyatakan [*Merujuk kepada satu dokumen*] kata boleh buat rakaman di tempat yang lain. Apakah pihak kakitangan kita, polis sudah bersedia, telah diberi latihan yang mencukupi? Infrastruktur dan *equipment* yang lengkap telah ada untuk memastikan Rang Undang-undang ini boleh diimplementasikan dengan sebaik-baiknya.

Dalam Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan itu walaupun telah diluluskan dalam Dewan Rakyat apabila saya balik ke kawasan saya, saya mengendalikan satu kes pegawai polis itu langsung tidak memahami tujuan dan maksud rang undang-undang itu.

Jadi saya pohon satu penjelasan bagi perkara yang saya bangkitkan, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

4.35 petang

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sama dalam pindaan rang undang-undang, Rang Undang-undang Keterangan Kanak-kanak Saksi 2007 ini.

Saya ingin tarik perhatian tentang fasal 15 yakni fasal yang memberi *provision* dan memberi peruntukan kepada menteri, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan. Sebenarnya saya menyokong kebanyakan daripada fasal-fasal itu, tinggal saja di sini barangkali ada kuasa-kuasa yang diberi kepada menteri yang berkenaan untuk membuat peraturan-peraturan baru untuk kita melunakkan, terutamanya dari segi situasi yang mencemaskan dan memberi kesan yang amat buruk kepada fikiran, emosi, psikologi seseorang saksi kanak-kanak itu.

Ingin saya membayangkan satu situasi di mana seorang kanak-kanak itu dihadapkan ke mahkamah ataupun disoal siasat oleh pihak tertentu, sama ada oleh pihak polis, hakim, peguam bela ataupun sebagainya.

Kadang-kadang saya membayangkan suasana di mana pihak pendakwa atau pihak yang bertanya itu melihat kanak-kanak itu sebagai *a miniature adult*, yakni orang dewasa yang kecil,

lalu laras-laras bahasa yang digunakan oleh orang yang bertanya orang yang menyoal itu dan juga dengan wajah air mukanya akan menimbulkan sesuatu kesan yang amat menghuru-harakan pemikiran seorang kanak-kanak itu.

Saya rasa implikasi sepanjang hayatnya amat berat sekali kerana ini memberi kesan kepada *the sub conscious mind* anak-anak itu, seorang kanak-kanak tidak akan lupa sepanjang hayatnya detik-detik dan titik-titik hitam apabila seorang kanak-kanak itu dibawa ke mahkamah, apabila kanak-kanak itu disoal dan sesekali kadang-kadang menghadapi masalah di seringai oleh pihak-pihak polis ataupun hakim ataupun sesiapa sahaja yang membawa kes itu ke mahkamah. Ini merupakan satu perkara yang kita harus cermati.

Saya nak tanya apakah ada sesuatu yang *compensation* ataupun ganti rugi kepada kerosakan emosi, fikiran si anak kecil ini yang menyebabkan masa hidup mereka dalam jangka masa yang panjang itu sudah merasai rosak ataupun sudah terjejas.

Apakah ada *compensation* tertentu kalau sekiranya si anak kecil ini kadang-kadang tidak terlibat sebarang kesalahan dalam kes-kes yang dibangkitkan di mahkamah itu? Apakah ada ganti rugi?. Ini merupakan perkara yang harus diambil perhatian. Demikian juga apakah...Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Kuala Terengganu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam soal kita menjadikan kanak-kanak memberi keterangan di dalam mahkamah, kadang-kadang ada tak satu kaedah untuk kita pastikan sama ada kanak-kanak ini seorang yang layak atau tidak layak untuk memberi keterangan walaupun diambil dengan rakaman video dan sebagainya, kalau ada satu jawatankuasa yang memastikan melihat kanak-kanak ini tidak layak untuk memberi keterangan. Maka jawatankuasa ini memutuskan supaya ianya tidak dilibatkan untuk memberi keterangan ataupun siapa saja yang difikirkan untuk memberi keterangan boleh dipanggil untuk memberi keterangan, bagaimana pandangan Kuala Terengganu?.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya kira ini merupakan memerlukan kepada penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Namun di sini saya kira saksi kanak-kanak yang menderita, kurang upaya. Ada *provision* yang barangkali perlu ada mekanisme tertentu dan juga perlu syarat-syarat tertentu. Apakah mereka itu layak dikemukakan?.

Saya kira sebahagian persoalan tadi termasuklah kepada persoalan yang boleh dikemukakan jawapannya oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Setiu.

Saya ingin menyebut lagi di sini iaitu tentang apakah ada tenaga-tenaga yang benar-benar profesional dan terlatih di pihak mahkamah ini? Apakah ada pakar bahasa iaitu yang mempunyai laras bahasa yang sesuai dengan kefahaman minda dan peringkat pemikiran seorang kanak-kanak.

■1640

Kadang-kadang laras bahasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu di mahkamah itu menyebabkan panik ataupun menyebabkan satu sengsara dalam pemikiran kanak-kanak itu, kanak-kanak yang berumur bawah daripada paras 16 tahun ini. Apakah ada pakar-pakar psikologi? Apakah ada pakar-pakar yang benar-benar memahami tentang emosi seseorang kanak-kanak. Berapa ramai? Apakah nisbahnya? Ini adalah persoalan-persoalan yang saya kira seperti mana yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan yang awal tadi untuk disediakan.

Barangkali di sini boleh dibuat peraturan-peraturan seperti mana dalam Fasal 15 yang saya sebut itu. Apakah tenaga profesional yang benar-benar kenal tentang kanak-kanak ini? Apakah tenaga profesional di mahkamah itu tahu sebenarnya tentang emosi kanak-kanak ataupun tahu kaedahnya, bagaimana caranya untuk mendekati seorang kanak-kanak agar dia dapat berterus terang atau dia dapat memberi reaksi-reaksi dan jawapan-jawapan yang bertepatan seperti mana yang dikehendaki.

Ini adalah persoalan-persoalan yang saya kira perlu mendapat penjelasan dan perlu diteliti benar-benar. Saya melihat kanak-kanak ini sebenarnya di peringkat mereka dewasa, mereka perlu melalui satu proses pendidikan. Tetapi alangkah malangnya apabila mereka berdepan dengan satu keadaan yang cukup menyeksakan perasaan mereka. Seolah-olah sesuatu yang punitif berlaku dalam kehidupan mereka.

Kadang-kadang apa yang dideritai dalam kes yang membabitkan mereka itu, katakan kes rogol, kes jenayah, dadah ataupun macam-macam lagi itu. Kadang-kadang tidak berbaloi dalam konteks mereka disoal jawab, dilatih, ditubi soalan-soalan daripada peguam-peguam ataupun daripada pihak-pihak tertentu di mahkamah itu. Ini akan memberi kesan jangka panjang yang cukup lama. Saya juga ingin menyentuh di sini tentang kerahsiaan. Di sini ada diberi satu *provision* berhubung sekatan-sekatan laporan dan penyiaran media. Memang ada halangan-halangan ini. Tetapi di kalangan keluarga terdekat, di kalangan *family* dan di kampung dalam komuniti itu, saya kira dia tidak dapat ditudung, tidak dapat dibendung begitu sahaja. Sudah pasti ia merebak dan ramai khalayak yang ketahui tentang perkara-perkara yang serupa ini.

Jadi dalam konteks *secrecy* ataupun dalam konteks kerahsiaan ini apakah parameternya? Sebab kalau disebut dari segi media massa, mungkin media massa ada peraturan-peraturan untuk mengawal mereka. Tetapi dari mulut ke mulut, daripada percakapan, daripada keluarga terdekat, daripada *family* terdekat dalam komuniti mereka dalam masyarakat mereka itu ini tidak dapat dibendung. Mahu tidak mahu juga akan melimpah dan akan menimbulkan riak-riak dan membawa kepada kesan kepada pengetahuan orang ramai. Ini adalah merupakan satu lagi persoalan yang harus difikirkan.

Akhir sekali saya juga ingin menyebut di sini tentang hakim-hakim yang mengendalikan ataupun pihak-pihak yang mengendalikan ataupun pihak-pihak yang mengendalikan. Saya kira ini perlu mendapat latihan yang sewajarnya. Sebab manusia yang didekati mereka ataupun

manusia yang berdepan dengan masalah keterangan saksi kanak-kanak ini adalah manusia-manusia di peringkat umur ataupun tahap perkembangan emosi, fizikal yang berbeza daripada peringkat orang dewasa. Maka dalam konteks ini, penyediaan personel-personel yang terlatih harus diadakan. Apakah kita mempunyai personel-personel serupa ini. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, lepas itu menteri menjawab. Kepong ringkaskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ringkas. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyentuh perkara-perkara yang tidak begitu berkaitan dengan undang-undang semata-mata kerana ini memang satu perkara yang sangat rumit. Sebelum saya membahar dengan lebih mendalam mengenai cara-cara untuk mengutip keterangan daripada kanak-kanak, saya memang setuju dengan rang undang-undang untuk memelihara kanak-kanak. Memang itu satu langkah yang betul.

Di sini saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semua undang-undang yang kena mengena dengan kanak-kanak. Ini kerana kita tidak mahu menyaksikan lagi kanak-kanak digunakan untuk bekerja, *child's slavery*. Kanak-kanak didera, kanak-kanak diperalatkan untuk sesuatu tujuan dan sebagainya, termasuklah pengemis. Saya tengok banyak pengemis-pengemis terutamanya daripada luar negara yang menggunakan kanak-kanak untuk meminta sedekah. Ini memang satu perkara yang kita berharap Yang Berhormat selain daripada undang-undang yang ada di depan kita ini boleh mengkaji semua untuk memelihara kanak-kanak di negara ini. Walaupun berbanding dengan negara-negara seperti Afrika kita lebih maju, tidak nampak sangat kanak-kanak digunakan sebagai pekerja. Tetapi ianya masih berlaku lagi dan bukan saja kita hendak pinda ataupun menggubal undang-undang untuk memelihara. Bahkan juga penguatkuasaan, kajian ke atas aktiviti-aktiviti seperti ini.

Daripada Jabatan Perdana Menteri saya anggap tidak cukuplah kajian seumpama ini untuk mengetahui keadaan yang sebenar yang berlaku di negara kita. Apa yang kurang dalam rang undang-undang ini ialah peruntukan-peruntukan untuk mempertimbangkan, untuk mengira, mengupas dan sebagainya keterangan yang diberi oleh kanak-kanak. Memang kita tidak boleh mempertikailah kerana dia hendak orang dewasa ini menemani saksi kanak-kanak dan sebagainya. Pemeriksaan saksi kanak-kanak dan juga saksi kanak-kanak yang menderita kurang upaya dan sebagainya memang ada peruntukan-peruntukan. Akan tetapi, peruntukan-peruntukan untuk menilai keterangan ini tidak ada. Memang ini satu kelemahan, kerana Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kadang kala kanak-kanak yang cakap itu, erti dia bukannya dia cakap, mungkin berlainan, mungkin bertentangan apa yang dicakap. Di sini Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan sedikit. Terima kasih. Yang Berhormat setujukah dengan saya bahawa satu kelemahan di Rang Undang-undang ini adalah

kekurangan atau tidak ada *support group psychology* dan sebagainya. Ini adalah satu perkara. Macam mana pihak yang berkenaan terlupa membawa perubahan dan mengiktiraf bahawa ini adalah satu perkara yang sangat mustahak. Lebih mustahak dari apa yang dibawa supaya dia tidak ada apa-apa yang untuk menolong pihak-pihak yang betul-betul ada masalah berkenaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu Ipoh Barat memang betul juga kerana golongan penyokong memang penting. Memang penting. Ampang tadi, dia hendak cikgu yang menemani kanak-kanak yang kurang upaya dan sebagainya. Itu tidak cukup lagi. Mungkin kita hendak doktor yang kanak-kanak kurang upaya ini yang ada bersama. Doktor gigi pun boleh, doktor yang biasalah itu. Doktor biasa, doktor yang ada di situ. Bukan cikgu sajalah untuk menolong. Tetapi golongan penyokong ini memang penting. Kuala Terengganu ada sebutkan mengenai psikologi dan sebagainya. Ini memang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat itu pakar rujuk ke?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan pakar rujuk. Dia ada cadangan yang bernaslah itu. Kita memang terima, *because* saya pun takutlah Yang Berhormat Menteri pun dia tidak dengar sangatlah. Dia sibuk dengan hendak catat situ, catat sini. *[Ketawa]* Kita hendak memberi peringatan kepada dialah terus. Tuan Yang di-Pertua, di sini kelemahan ini untuk mentafsir keterangan kanak-kanak ini, kerana itu keterangan saksi kanak-kanak.

■1650

Kalau hendak keterangan saksi kanak-kanak pentafsiran, penilaian itu penting tambah pula di negara kita yang majmuk pelbagai bahasa, dan setakat ini juga penterjemah di mahkamah itu sangat kurang dan bagaimana Yang Berhormat dapat melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang ini kalau kita ada....

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Kepong, terima kasih Kepong. Saya hendak tanya Kepong sedikit kanak-kanak ini menjadi *star witness*, saksi penting dalam keterangan. Sejauh keterangan sebagai *star witness* atau keterangan kanak-kanak ini perlu kepada *collaboration* ataupun *independent evidence* daripada seorang kanak-kanak ini dengan izin sudah cukup ataupun perlu kepada *collaboration*. Sila jawab Kepong, hendak dengar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, dia hendak *collaboration* sahaja. Kita hendak tolong dia macam mana dapat *collaboration* ini. Kalau kanak-kanak sebutkan merah, walhal dia hendak tunjukkan bukan merah tapi hitam. Bagaimana kita hendak tafsirkan itu. Sepatutnya kita ada peruntukan di sini iaitu bahagian tafsiran keterangan saksi kanak-kanak. Ini penting. Saya pun tak mahu sebutkan dengan hakim sangat kerana ini tak disebutkan langsung mengenai hakim dalam undang-undang ini. Jadi Yang Berhormat Menteri saya sangat relevan tak sebutkan langsung mengenai hakim walaupun kita hendak hakim yang baik, yang faham hal ini. Bukan semua hakim faham hal kanak-kanak, bukan semua. Ini penting. Daripada hakim ke

bawah semua itu orang-orang yang faham hal kanak-kanak. Tapi mengenai hal penterjemah dan Yang Berhormat hendak *collaboration* atau apa pun kita perlu penterjemah yang cukup. Kalau tak ada penterjemah macam mana hendak *collaborate*. Yang Berhormat tadi hendak *collaboration* sahaja seolah-olah mahkamah itu hanya *collaboration* sahaja.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana beliau akan menambahkan penterjemah-penterjemah yang cukup, kerana di dalam masyarakat majmuk ini kita perlu. Setakat ini pun saya diberitahu bahawa usaha untuk mengatasi kekurangan penterjemah pun tak berjaya setakat ini. Tak berjaya. Saya berharap Yang Berhormat dapat terangkan.

Berbalik kepada komunikasi di antara yang dilatih dalam undang-undang dan orang-orang yang tidak dilatih. Memang saya setuju. Apabila saya pandang atau mentafsirkan sesuatu perkara saya tengok bukan dari segi undang-undang, walaupun Titiwangsa dia dari semasa ke semasa dia anggap dia peguam kerana anak dan isterinya peguam dia tafsirkan perkara itu dari segi undang-undang. Hulu Langat dia bolehlah kerana dia terlatih dan Padang Rengas pun dia terlatih dalam undang-undang walaupun kadangkala pandangan itu serong sedikit. *[Ketawa]*

Di sini kanak-kanak bukan dilatih di dalam undang-undang dan walaupun ada peraturan untuk menolongnya saya ingat tak mencukupi, dan di sini Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan tafsiran ke atas keterangan saksi kanak-kanak, saya berharap Yang Berhormat dapat terangkan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana beliau dapat menyelesaikan masalah pentafsiran dan penilaian keterangan saksi kanak-kanak ini. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja susah untuk kita tafsirkan orang dewasa juga, kerana di dalam masyarakat majmuk kadangkala susah untuk mentafsirkan apatah lagi dengan kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang kurang upaya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Menteri hendak menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada setengah jam lagi. Saya memang ada banyak perkara, tapi kerana masa yang suntuk saya berharap dari segi tafsiran keterangan ini Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.56 petang

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan Rang Undang-undang ini.

Pertamanya daripada Tanjong, tak ada di sini tapi saya kira dia telah membangkitkan satu perkara yang sangat penting iaitu perbezaan daripada segi tafsiran berkenaan dengan kanak-kanak ini. Saya sendiri juga terfikir mengapa tidak ada satu tafsiran berkenaan apakah definisi kanak-kanak ini, tetapi saya telah dimaklumkan iaitu bahawa definisi kanak-kanak ini adalah bergantung kepada Akta itu yang tidak membenarkan satu perkara itu dilakukan sama ada oleh atau terhadap kanak-kanak itu.

Jadi maksud saya di sini dalam soal memberi keterangan saksi khusus untuk Akta ini, kita memikirkan bahawa iaitu kanak-kanak yang patut diberikan kemudahan ini ialah mereka di bawah 16 tahun berdasarkan kepada sebenarnya yang penting iaitu seksyen 375(b) Kanun Keseksaan, di mana kita telah menentukan apa juga bentuk hubungan seksual di antara seorang lelaki dengan seorang yang di bawah umur 16 tahun itu dianggap sebagai rogol, sama ada rela atau tidak rela kerana kita menganggap di umur 16 tahun itu ialah umur yang kita fikirkan, bahawa pada peringkat itu kita tidak menganggap mereka sebagai boleh membuat keputusan untuk merelakan diri dalam soal membenarkan hubungan seks di antara beliau dengan seorang *partnemya*.

Jadi kita guna itu sebagai asas 16 tahun. Memang betul. Sebenarnya kalau dalam bahasa Inggeris ada juvenil dengan *child*, tapi di sini kita merasakan iaitu bahawa kalau 16 tahun selain daripada alasan ini kita rasa kalau 16 tahun ke atas, kalau umurnya 17 tahun atau 18 tahun kita rasa iaitu bahawa dia pada peringkat umur yang dia telah pun boleh melalui peperiksaan SPM, maka dia sudah ada cukup keberanian dia untuk memberi keterangan sebagai seorang *adult*. Tetapi bukan bermakna bahawa dalam akta-akta lain dia merupakan kanak-kanak, mungkin dia merupakan kanak-kanak cuma dalam Akta ini sahaja. Kita hendak memberikan kemudahan ini. Kita juga seperti mana yang disebut oleh beberapa Ahli-ahli Parlimen di sini juga kita hendak beri keadilan kepada orang yang dituduh.

■1700

Jadi kalau yang 17 atau 18 tahun itu macam Yang Berhormat Ipoh Barat kata, kita kena tahu juga. Kadang-kadang merugikan pihak yang didakwa kalau dia tak dapat tengok orang yang memberi keterangan itu. Jadi ini semua kita kena ambil kira dan untuk Akta ini sahaja kita rasa 16 tahun ialah umur yang kita fikirkan harus diberikan perlindungan supaya kalau kita merasakan dia pada peringkat umur itu tidak lagi mempunyai keberanian untuk berhadapan dengan orang bagi menjadi saksi bukan sahaja memberi keterangan tetapi mungkin mangsa juga.

Jadi, dan kita telah membuat perbandingan dengan *Youth Justice and Criminal Evidence Act* 1999, United Kingdom yang mendefinisikan umur saksi kanak-kanak lebih bawah lagi iaitu 14 tahun. Tetapi macam yang saya sebut kita pilih 16 tahun khusus untuk Akta ini sahaja kerana berdasarkan kalau dia terpaksa memberi keterangan disabitkan hubungan seks waktu dia di

bawah 16 tahun, kalau dia menjadi mangsa, dia memberi keterangan maka kita telah menentukan *sexual activities under the age of sixteen is rape, regardless whether there is consent or not*. Oleh sebab itu Yang Berhormat, kita pilih 16 tahun dalam soal ini. Walau bagaimanapun dia memanglah terbuka kepada perbahasan tetapi pada ketika ini kita merasakan bahawa 16 tahun itulah yang kita definisikan sebagai kanak-kanak.

Kemudian Tanjong juga telah membangkitkan berkenaan dengan soal saksi mempunyai mental kapasiti rendah. Umur sudah lebih daripada 16 tahun tetapi dia punya mental kapasiti macam kanak-kanak. Itu saya ingat satu *point* yang dibangkit oleh beliau yang cukup relevan. Di sini kita hanya bercakap tentang angka umur. Lebih kepada angka umur dan tidak kepada mental kapasiti. Namun cadangan ini sebenarnya yang kita nak beri keistimewaan ini sedang kita bincang, ada kaitan dengan *vulnerable witness* dan kita dalam proses perbincangan. Jadi, setakat ini soal ini dalam proses perbincangan dan apabila ada keputusan, sudah tentu saya rasa apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu adalah relevan dan mungkin akan dimasukkan dalam akta ini. Tanjong juga...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dua hal ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Satu adalah mengenai *screening process* itu. Saya nak tahu adakah kita sedia dengan infrastruktur supaya ia betul-betul ada di mahkamah-mahkamah yang dikatakan *the screening process* di mana pihak *victim* tidak ada berjumpa terus dengan *accused*. Itu nombor satu.

Nombor dua adalah mengenai *handicapped situation* yang diberitahu oleh Tanjong itu dan adakah ia bila diambil kira itu, saya nak tahu apakah dia punya makna. Adakah ia akan diambil kira di Rang Undang-undang di *clause 15* itu? Adakah di situ atau perubahan akan dibuat? Saya rasa besar kerana cadangan yang dibuat oleh Tanjong itu adalah sangat mustahak kerana kalau kita hadkan kepada umur 16 tahun itu *magical a couple of period*. Oleh kerana *mental state* oleh seseorang kanak-kanak itu adalah lebih mustahak dari *the mathematical or statistical 'date'*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, setakat ini memanglah dia *mathematical*, saya juga telah sebut itu bahawa di dalam proses perbincangan. Saya kira kalau setelah kita memuktamadkan perkara ini, saya rasa dah tentu dia akan dimasukkan sebagai... Saya kira mungkin tidak masuk di sini pun kerana mungkin keputusannya ialah bahawa mereka ini akan dianggap sebagai orang yang mempunyai keistimewaan dan tak perlu disebut di sini pun. Mungkin disebut dalam *Evidence Act* tahun 1950 sahaja. Sebab sini kita bercakap tentang *child* (kanak-kanak). Tetapi orang dewasa yang akal dia cacat itu mungkin diletak dalam Akta Keterangan tahun 1950 itu sendiri.

Berkenaan dengan *screening* iaitu sama ada... Maksud Yang Berhormat *screening* ini apa? Pengadang itu? Memang tidak boleh dibenarkan yang kena tuduh (OKT) melihat saksi. Memang tak boleh. Cuma yang boleh ialah seperti saya yang sebut iaitu peguam, hakim dan *prosecutor*. Jadi, orang yang dituduh memang kita letak *screen* di antara beliau dengan saksi itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini berkenaan dengan yang mana?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkara yang saya bangkit?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya. Yang Berhormat Menteri, yang kita prihatin di sini adalah kesediaan *facility* tersebut sebab ia juga meliputi rakaman video. Apakah infrastruktur ini telah sedia? Itu yang kami prihatin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, nantilah dulu. Saya belum habis jawab. Pertamanya, sudah tentu kita sudah ada persediaan, maka kita ada akta ini. Sebab itu kalau kita tidak ada persediaan, saya rasa kalau kita sudah ada akta ini, ini akan menjadi satu masalah.

Jadi, yang seterusnya Tanjong juga *support service* kepada kanak-kanak yang tidak memahami prosedur mahkamah. Ada terdapat khidmat sokongan saksi yang telah ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menerangkan bukan sahaja kepada kanak-kanak tetapi juga keluarga kanak-kanak tersebut berkaitan dengan prosedur mahkamah di mana kanak-kanak akan diperkenalkan kepada suasana mahkamah sebelum tarikh perbicaraan.

Kanak-kanak dan keluarganya akan diberi sokongan emosi untuk mengurangkan trauma yang terpaksa dihadapi sewaktu kehadirannya di mahkamah. Walau bagaimanapun, pegawai sokongan saksi tersebut tidak akan terlibat dengan keterangan kes-kes tersebut. Maksudnya kita sudah sedia dengan *familiarization* yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat khusus untuk kanak-kanak yang menjadi saksi dalam mahkamah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda yang sama?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa benda yang sama? Saya keliru sedikit Yang Berhormat kerana pada pengetahuan saya setakat ini, tidak ada proses yang dikatakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan *support system*. Pada pengetahuan sayalah dan saya ada kes-kes di mana umur lingkungan 16 tahun tidak pernah. Bukankah yang dalam ucapan saya ada katakan mungkin saya nak bagi *clarity*. Ini adalah kerana yang mustahak adalah *support system* ini patut ada dengan pendakwa raya mereka sendiri *as a department* di sana supaya mereka *specialize* dalam hal itu supaya dapat memberi pertolongan. Itu lebih bermakna dan lebih efektif. Setakat ini saya rasa tidak ada sistem yang sedemikian. Di luar

negara saya rasa... Ini yang ada di *AG Chambers* sendiri iaitu ada satu seksyen di mana mereka ada pegawai-pegawai kepakaran yang tertentu untuk menolong mangsa-mangsa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ayat yang penting di sini ialah kepakaran. Jadi, kepakaran ini sebenarnya ada kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, oleh kerana itu supaya dia tidak ada banyak perbelanjaan, oleh kerana sudah ada jabatan ini yang memberi khidmat sokongan ini khusus untuk mahkamah. Mungkin Yang Berhormat sebut, saya akan *confirm*lah di mana Yang Berhormat kata berlaku keadaan yang boleh datang kepada kesimpulan, Yang Berhormat Ipoh Barat kata tidak ada dan beritahu saya, saya akan rujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebab mereka mengatakan mereka ada memberi khidmat sokongan ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mereka tiada pegawai-pegawai kepakaran. Itu yang kita khuatir. Mungkin mereka ada pegawai-pegawai. *Everywhere* kita ada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

■1710

Dia sudah ambil, dia sudah serap di kementerian tetapi tidak ada pegawai-pegawai yang pakar dalam hal ini, yang relevan, yang kena-mengena dengan situasi ini. Ini yang saya katakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, tapi mereka sudah pun menjalankan tugas ini dengan lama, jadi dia tahu macam mana keadaan di dalam mahkamah. Ini yang disebut oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi *there'll be no end* kalau Yang Berhormat debat dengan saya pun, Yang Berhormat akan kata tidak boleh, saya kata boleh, tapi yang pentingnya khidmat ini ada diberi. *Detail* nya sama ada mereka pakar atau tidak pakar, kita kena bincang tengok, yang penting mereka ada khidmat sokongan kepada bukan sahaja kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada ibu-bapa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Khidmat sokongan. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri mengapakah ia tidak dicatat dalam Rang Undang-undang ini. Apakah khidmat sokongan ini adalah satu pilihan, *other choice* atau ianya mandatori? Atau kakitangan cukup baru beri khidmat sokongan ini? Jadi saya mohon penjelasan aspek ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya kira dia tidak dimasukkan dalam Akta ini, sebab mungkin memikirkan bahawa sebenarnya khidmat sokongan ini diberi secara automatik. Dulu tidak ada Akta ini, sekarang sudah ada Akta. Jadi bila sudah ada Akta ini, bermakna khidmat sokongan ini, kalau dulunya tidak ada Akta pun diberi, jadi sekarang sudah ada Akta, maknanya mesti berilah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mandatori?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu, saya ingat kita boleh bincang kalau hendak difikirkan hendak mandatori atau apa, hendak lebih jelas, perkara ini kita tambah lagi, pemindaan boleh kita buat di masa akan datang, sebab semua kita hendak jaga kanak-kanak. Ini juga perkara baru pada saya, mungkin juga saya boleh bincang dengan AG untuk memastikan

supaya khidmat sokongan ini disediakan kepada semua. Kita memandatorikan iaitu secara automatik mesti mendapat khidmat sokongan ini. Tidak tunggu sehingga diminta, baru diberikan.

Yang Berhormat Tanjong juga ada minta statistik. Saya tidak ada statistik di sini. Berkenaan dengan statistik setakat hari ini, sudah beberapa orang? Saya ingat kalau Yang Berhormat Tanjong hendak tanya setakat hari ini, berapa orang kanak-kanak sudah pun menjadi saksi, tanpa ada akta ini lagi, kita hendak tahu. Saya ingat dan ambil kira tiga, empat tahun kebelakangan ini dan saya terpaksa minta notis, kerana saya rasa pegawai pun tidak bersedia hendak menjawab perkara ini.

Yang Berhormat Ipoh Barat ada sebut berkenaan pengasingan kanak-kanak dengan tahanan dewasa. Di bawah *Child Act 2001*, terdapat peruntukan yang melarang kanak-kanak bercampur dengan tahanan dewasa, sama ada semasa kanak-kanak di reman di lokap atau di penjara. Dari segi praktisnya pengasingan kanak-kanak yang ditahan daripada tahanan dewasa memang telah dibuat. Sebagai contoh, di Balai Polis Sekinchan ditetapkan sebagai tempat tahanan kanak-kanak sahaja. Jadi Yang Berhormat, betullah sebut, maknanya tidak bolehlah. Saya pun hendak tahu juga kalau setakat hendak beritahu kata bahawa kita tidak ada prasarana, saya ingat tidak bolehlah, sebab *Child Act 2001* jelas mengatakan kanak-kanak mesti diasingkan. Setakat ini kita menggunakan Balai Polis Sekinchan sebagai tempat tahanan kanak-kanak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Jadi menunjukkan hanya di seluruh negara ada satu tempat sahaja, di Sekinchan sahaja? Jadi di lain-lain tempat semua mereka bergaul? Macam saya beritahulah di Balai Polis Sungai Senam di Ipoh, di mana seorang kanak-kanak berumur 16 tahun yang bergaul, berbual dan berada di dalam lokap yang sama dengan *hard core criminal*. Adakah ini sedang berlanjutan? Adakah Akta ini tidak ada apa-apa reaksi? Kementerian tidak ada buat apa-apa untuk mengatasi masalah ini? Supaya bukan sahaja setakat mereka diasingkan dan di semua tempat di negara ini, mereka tidak dibenarkan langsung untuk bergaul dengan *hard core criminal* ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, bermakna setakat ini. Saya pun kena sahkan jugalah. Hanya disebut di Sekinchan, tapi saya ingat saya akan beritahu selepas ini, sekiranya ada di tempat lain. Tapi setakat ini jawapannya adalah Sekinchan.

Kekurangan Rang Undang-undang ini ialah tiada *support group*. Terdapat *support group* yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terdiri daripada pegawai JKM sendiri dan juga sukarelawan yang telah dilatih memberi sokongan dari segi emosi, bukan sahaja kepada saksi kanak-kanak, tetapi juga keluarganya. Pelaksanaan Akta ini dibantu oleh *support group* yang ditubuhkan dalam JKM.

Saya minta maaf Yang Berhormat. Di sini pegawai kata, Balai Polis Sekinchan hanya merupakan salah satu contoh sahaja. Setiap Ibu Pejabat Polis Daerah sememangnya mempunyai lokap kanak-kanak sendiri. Setiap Ibu Pejabat Polis Daerah. Kalau macam di daerah saya Ulu Perak itu, di Gerik lah. Tapi di Lenggong, Pejabat Polis Lenggong tidak adalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Padang Rengas bukan ibu daerah Kuala Kangsar. Jadi pelaksanaan Akta ini dibantu oleh *support group* yang ditubuhkan ini. Sebab macam Akta ... pun, apabila kita ada *oder* untuk mengelak daripada dihantar ke jel, kita suruh dia buat kerja-kerja. Ini pun kita bekerjasama dengan komuniti servis dan ini pun kita bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Saya khuatirlah, walaupun nampaknya ada *support group* dan niat yang baik. Ada kemungkinan besar bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat itu akan memberi pertolongan susulan kepada kanak-kanak yang di bawah umur 16 tahun. Tetapi nampaknya yang tidak ada di dalam Akta ini ialah tidak ada *requirement*. Tidak ada apa-apa yang dikategori jika ada seseorang itu ditangkap berumur kurang daripada 16 tahun, maka dengan semestinya *support group* ini akan memberi pertolongan, tidak ada apa-apa.

Jikalau hari ini kita tidak membangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini, maka seseorang peguam yang membaca Akta ini *just on the plain for corners of the whole of this*. Akta ini tidak ada apa-apa yang menunjukkan sedemikian. Jadi macam mana kita dapat pastikan supaya semua pihak yang berkenaan tahu, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen dapat tahu bahawa ini adalah jawapan daripada kementerian, jawapan yang bernas daripada kerajaan, bahawa semua ini merangkumi perkara-perkara yang disebutkan iaitu *support group*. Itu bermakna 1, 2, 3, A, B, C ini adalah berkenaan, berkaitan dan akan *trigger to help this people*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat macam kepakaranlah. Kalau macam doktor, kita tidak perlulah ada mahkamah doktor itu sendiri. Jadi kita akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, jadi doktor-doktor daripada hospital daerah akan membantu mengesahkan maknanya membuat pembedahan, *check* tentang penyakit. Jadi ini yang dimaksudkan. Apakah juga perlu kita ada doktor, maknanya bukan setakat psikologi sahaja. Hari ini sahaja kita bincang, Ampang dia sebut hendak ada cikgu, Yang Berhormat sebut *psychologist*, Yang Berhormat Kepong kata hendak ada doktor gigi. Jadi untuk hendak menyediakan semua ini, letak bawah mahkamah sudah tentu kita tidak, terutamanya kemampuan kita.

Sebab itu kita menggunakan agensi-agensi yang sememangnya ada kepakaran dalam hal itu. Jadi sememangnya Jabatan Kebajikan Masyarakat itulah menjaga kanak-kanak dan dalam jabatan itu sendiri ada pakar-pakar yang memahami tentang kanak-kanak dan keluarga.

■1720

Jadi kita serah kepada merekalah. *If it needs any improvement*, kemajuan, maka kita majukanlah jabatan yang telah sedia ada daripada kita menyediakan pula satu lagi unit dalam mahkamah pula untuk menjaga urusan yang disebut oleh beberapa Yang Berhormat. Jadi sebab

itu saya rasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sememangnya mempunyai kepakaran untuk menguruskan perkara-perkara yang telah dibangkit berkenaan dengan kanak-kanak ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya rasa mungkin saya tidak berapa *clear* memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, tidak ada apa-apa di Rang Undang-undang ini yang memestikan bahawa jika seseorang kena tangkap dia berumur kurang dari 16 tahun, perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri akan berlaku. Jadi saya hendak tahu, siapa yang perlu memberitahu pihak-pihak yang berkenaan kerana tidak tertulis di sini. Saya rasa Yang Berhormat, dengan izin, *part from the air*, memberitahu bahawa ini adalah *the show is going to go on like this*.

Tetapi macam mana kalau kita membuat satu kes yang budak itu berumur 15 tahun yang kena tuduh atau saksi itu. Macam mana dia dapat panduan atau macam mana dia dapat pertolongan. Jika Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak membuat sedemikian? Itu satu perkara, tetapi yang lebih mustahak adalah tidak ada apa-apa dalam Rang Undang-undang ini. Jadi macam mana kita boleh buat? Adakah Yang Berhormat boleh memberitahu saya dan Dewan Rakyat ini bahawa ada undang-undang yang tertentu yang akan memastikan bahawa jika ada kejadian seperti ini, semestinya ini akan dibuat. Jika tidak, ia satu kesalahan. *There must be collaboration*. Terima kasih. Macam *there is a lacuna* dalam Rang Undang-undang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah. Tetapi kalau macam kata Akta CPC pun, ia ada keperluan untuk doktor yang datang melihat untuk membuat bedah siasat, tetapi ia tidak ada pun sebut dalam CPC. Tetapi benda ini memang amalan kita. Tetapi saya tidak mahu *argue* dengan Yang Berhormat. Saya boleh *check* dengan pihak Peguam Negara, mengapa tidak secara spesifik menyatakan secara automatik siapa memberi keterangan saksi kerana dia mangsa, maka masukkan dalam ini kata segala bantuan, semua yang perlu diberikan mesti diberi. *We can talk to them. No problem*, tidak ada masalah. Saya harap pihak AG's *Chambers* ambil maklum perkara ini sebab saya hendak bagi jawapan kepada Ipoh Barat.

Tujuan undang-undang ini digubal ini adalah untuk mengurangkan trauma kepada saksi kanak-kanak dan untuk mengadakan suasana perbicaraan yang mesra kanak-kanak. Terdapat peruntukan yang membolehkan saksi kanak-kanak ditemani oleh seorang perantara dan perantara ini terdiri daripada orang-orang dewasa yang kanak-kanak itu merasa selesa. Maknanya macam kita sebut iaitu kalau dia...

Saya hendak setuju juga apa Batu Gajah cakap iaitu berkenaan dengan pilihan daripada kanak-kanak itu. Oleh kerana kanak-kanak itulah yang hendak kita lindungi, jadi mungkin ada baiknya juga iaitu bahawa kanak-kanak itu sendiri yang kena pilih. Kita tidak boleh paksa kanak-kanak itu. Kita merasakan kanak-kanak itu *needs a psychologist*, maka orang dewasa yang dimaksudkan yang boleh menemani dia itu ialah seorang *psychologist*. Tetapi kanak-kanak itu mungkin tidak rasa selesa, takut.

Saya rasa boleh kita perbaiki perkara ini kerana kita tidak mahu berlaku di mana kita sahaja yang menentu untuk kanak-kanak itu dan kemungkinan apa yang kita buat itu, letak seorang yang mungkin kanak-kanak itu tidak ada pilihan ya ataupun tidak, kehadiran orang itu pula mungkin secara tidak langsung mempengaruhi pula. Jadi saya ingat ini satu perkara yang kita harus lihat kembali.

Kemudian Ipoh Barat juga bangkit berkenaan dengan jurubahasa. Yang ini *perennial problem* lah, Yang Berhormat Ipoh Barat. Jurubahasa yang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jurubahasalah. Apa pasal?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya dengar Yang Berhormat kata *perennial problem with me or the* jurubahasa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Makan cili rasa pedas ke? [Ketawa] Saya tidak ada niat jahat langsung. Saya kata jurubahasa itu *perennial problem*. Tetapi kalau Yang Berhormat fikirkan *you are perennial problem to me, I cannot say anything. Ya, it is a perennial problem*. Tetapi ini keperluan. Macam mana pun kita kena cari jalan juga bagaimana kita kena atasi perkara ini. Pelbagai cara juga kita fikirkan. Gaji pun ada juga naik tetapi seperti biasalah, tidak memuaskan. Baru kami sedang mengkaji satu bentuk insentif yang menggalakkan kepada jurubahasa, semualah ya, bukan Mandarin sahaja, Tamil, Punjabi dan lain-lainlah.

Ini perlu untuk membolehkan kalau macam Balasubramaniam dalam kes Altantuya itu, dia pun orang dewasa, dia bekas polis kalau tidak silap saya, dia pun tidak berapa *confident* cakap dalam bahasa Malaysia, dia *insists* mahu cakap dalam bahasa Tamil, apatah lagi budak-budak. Jadi *this is perennial problem* dan saya rasa Yang Berhormat tolong fikir jugalah satu cara bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini sebab ia memang satu masalah kepada kita. Jadi kita cuba fikir. Kalau macam hari ini kita sedang fikirkan untuk memberikan insentif, mungkin Yang Berhormat boleh cadanglah. Ada peluang berjumpa pergi mahkamah, tanya kepada jurubahasa-jurubahasa, mungkin tanya dia, "*What do you think will be the right amount ke apa?*" Ini boleh bantu kitalah untuk mengatasi masalah ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingin memberi pandangan. Sebenarnya kalau kita *check hansard*, Yang Berhormat, tahun 1998 semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan yang sama saya telah bangkit, Yang Berhormat memberi jawapan yang sama juga, tolong bagi cadangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Pada masa itu juga, saya ada bagi cadangan dan saya hendak bagi cadangan yang lebihlah. Baru-baru ini bila saya berjumpa dengan jurubahasa-jurubahasa, mereka katakan ada satu. Di antara yang as *I said earlier, coat allowance* tiga tahun sekali. Mereka katakan bagi satu tahun sekali kerana mereka pakai hari-hari. Nombor dua ialah *Commissioner of Oath allowance* yang hanya RM25 perlu ditingkatkan kerana berdekad-dekad tidak ditingkatkan. Nombor tiga adalah peluang untuk meningkatkan jawatan mereka.

15 tahun dahulu, sebelum itu semua jurubahasa-jurubahasa ada peluang daripada 10 orang, tiga orang ada peluang untuk menjadi *Registrar* dalam *Subordinate court*. Sekarang tidak ada peluang lagi kerana mereka mengambil orang yang dikatakan layak dan yang mustahak sekali ialah semasa. Inilah yang dikatakan oleh jurubahasa semasa Tun Eusoff Chin menjadi *Chief of Justice*. Dia kata dia membawa perubahan kepada Akta Bailif. Kita tahulah kenapa.

Tetapi yang mustahak ialah meningkatkan, memberi ganjaran-ganjaran yang sangat tinggi dan memberi banyak faedah yang tertentu. Walhal di negara-negara yang lain telah swasta kan bailif, tidak perlu berada sebagai satu *department* di dalam Kementerian Kehakiman. Ini *pula the reverse has been done*. Walhal jurubahasa tidak ada apa-apa yang dia ambil kira. Dia kata dia adalah sebab yang tertentu tetapi yang mustahak adalah kenapa ganjaran, kenapa nikmat-nikmat atau elaun-elaun yang tertentu diberi kepada bailif. Sekarang bailif di Mahkamah Rendah boleh pakai *tie*, dia katakan *legal officer* dan sebagainya. Kenapa macam ini? Kenapa jurubahasa tidak ada yang sangat mustahak? Banyak kes *postpone* kerana mereka. Kenapa tidak ada apa-apa insentif yang tertentu diberi? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ini yang kita hendak tengok insentif ini. Tetapi Yang Berhormat tanya saya tahun 1998?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 1998.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat sudah jadi Ahli Parlimen ke masa itu? Belum kan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, minta maaf.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, bukan dalam Dewan. Saya jadi Ahli Parlimenlah. Bermakna bukan bangkit dalam Dewanlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada, Dewan, Dewan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat jadi Ahli Parlimen ke masa itu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, ya, ya.

■1730

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ahli Parlimen Telok Intan kan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, ya. Ada beza? Tak ada beza? *Same*, mungkin satu hari di Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masa itu saya Timbalan Menteri, Yang Berhormat belum ada dalam Parlimen lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, I have made so many argument speeches* semasa itu. Tidak ada apa-apa diimplementasikan. *I can tell you, so many.* Semua akan diambil kira. Itu saya cadangkan dahulu sediakan satu kementerian kajian khusus untuk hal-hal ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya juga fikir ada Yang Berhormat sebut, tetapi kalau sebelum ini, saya bukan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Timbalan Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Timbalan Menteri, Yang Berhormat belum jadi Ahli Parlimen lagi. Eh, tak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat hendak sambung fasal itu..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak pasal... Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minggu hadapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, okey. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada Usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.31 petang

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

DASAR BAHASA DALAM SISTEM PENDIDIKAN

5.32 petang

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan menyebut tentang Pembinaan Negara Bangsa. Persoalan saya, apakah tunjangan bahasa pengantar pendidikan? Bahasa Melayukah? Dwibahasakah, atau pelbagai bahasa?

Sejak kemerdekaan, penggubalan dasar bahasa dalam sistem pendidikan negara adalah berteraskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama untuk memupuk integrasi nasional di kalangan rakyat berbilang kaum. Penggubalan dasar pendidikan 1996 telah membawa perubahan yang signifikan dalam dasar bahasa sistem pendidikan di negara ini. Pendidikan swasta yang berteraskan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar utama telah diterima sebagai komponen rasmi dalam sistem pendidikan di negara ini. Satu lagi perubahan besar bahasa yang signifikan dalam sistem pendidikan negara ini ialah apabila kerajaan telah memperkenalkan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar untuk mengajar Sains dan Matematik pada tahun 2003.

Kedua-dua perubahan ini memperlihatkan perubahan paradigma kerajaan terhadap peranan bahasa Inggeris yang begitu berleluasa digunakan dalam era globalisasi ini. Bagi negara yang sedang membangun, penggubalan dasar bahasa dihipit oleh keperluan pembinaan negara berdasarkan konteks tempatan dan perubahan global untuk memastikan agar sistem pendidikan berdaya saing serta sehaluan dengan perubahan global semasa. Penggubal dasar ini dikatakan bersifat pragmatik dan memandang ke hadapan, bukan memandang ke dalam dan berorientasikan nasionalistik.

Penggunaan Bahasa Inggeris yang begitu berleluasa di sektor swasta seolah-olah mencabar status bahasa kebangsaan. Kerajaan perlu mengekalkan komitmen politik untuk terus mendukung penggunaan bahasa Melayu dalam domain pendidikan dan urusan rasmi kerajaan.

Di peringkat pendidikan rendah dan menengah, perubahan dasar bahasa ini menuju ke arah dasar dwibahasa bagi pelajar Melayu dan dasar kepelbagaian bahasa bagi pelajar bukan Melayu kerana mereka diberi peluang untuk belajar menerusi tiga jenis bahasa pengantar iaitu Bahasa Ibunda, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris.

Walaupun perubahan dasar bahasa memperlihatkan kekuatan, tetapi dalam masa yang sama terdapat kelemahan tertentu terutama dari segi pelaksanaan. Dasar pengajaran pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dilaksanakan tanpa mengambil kira masalah transisi bahasa pengantar yang dihadapi oleh pelajar terutamanya pelajar sekolah kebangsaan. Murid-murid Melayu terutama di sektor luar bandar yang tidak dapat menguasai

Bahasa Inggeris dikehendaki belajar sepenuhnya menerusi Bahasa Inggeris mulai tahun satu. Meskipun penggunaan komputer digunakan, namun keberkesanan kaedah pengajaran ini amat diragui. Para penyelidik percaya bahawa transisi bahasa pengantar perlu dilakukan secara harmoni antara bahasa keluarga dengan bahasa sekolah. Bagi murid SJK(C) mempelajari Sains dan Matematik melalui sistem dwibahasa yang memperlihatkan transisi bahasa secara beransur-ansur.

Apakah kerelevanan kelas peralihan yang merupakan jambatan transisi bahasa pengantar kepada pelajar. Buat masa sekarang, pelajar yang lemah dalam Bahasa Melayu dikehendaki menghadiri kelas peralihan. Secara logiknya syarat menghadiri kelas peralihan juga perlu mengambil kira penguasaan Bahasa Inggeris dan Sains. Justeru kurikulum sekolah peralihan perlu dirombak untuk mengakomodasikan pelaksanaan dasar PPMSI, pengajian pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris. Malahan bagi pelajar sekolah kebangsaan yang gagal dalam Sains dan Matematik UPSR mereka juga wajar menghadiri kelas peralihan. Apakah ini akan menjadi fenomena baru?

Di peringkat pendidikan tinggi, dasar dwibahasa menjadi dasar utama di IPTA selaras dengan perubahan dasar bahasa pada peringkat pendidikan rendah dan menengah. Kursus Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris. Bagi IPTS Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar utama. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar mata pelajaran wajib dalam kertas Bahasa Kebangsaan A, manakala pelajar asing dikehendaki mengambil kertas Bahasa Kebangsaan B. Pelajar tempatan juga diwajibkan mempelajari Kajian Malaysia dan Pendidikan Moral dalam Bahasa Melayu yang mereka wajib lulus. Bagi pelajar asing, kedua-dua mata pelajaran ini diajar dalam Bahasa Inggeris.

Dasar yang kelihatan pragmatik ini nampaknya lebih memanfaatkan pelajar bukan Melayu berbanding pelajar Melayu. Hal ini kerana lebih 60% pelajar IPTS terdiri daripada pelajar bukan Melayu. Kerajaan perlu segera memikirkan supaya tidak berlaku dualisme dalam sistem pendidikan negara ini. Maka dalam konteks Pembinaan Negara Bangsa, apakah tunjangan budaya dan bahasa pengantar dalam agenda membina negara bangsa ini?

Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput kementerian. Timbalan Menteri, sila.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu kerana keprihatinan beliau terhadap beberapa perkara yang menyentuh dasar Bahasa Kebangsaan dalam sistem pendidikan negara dan peluasan penggunaan Bahasa Inggeris khususnya dalam sektor swasta. Izinkan saya memberi penjelasan terhadap isu-isu yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia secara berterusan sentiasa berusaha untuk memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama di negara ini. Salah satu fokus Kementerian Pelajaran Malaysia dalam teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan iaitu membina negara bangsa adalah memperkasakan Bahasa Kebangsaan sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu.

Akta Pendidikan 1996 menegaskan kepentingan Bahasa Kebangsaan dengan memperuntukkan penggunaannya sebagai Bahasa Pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah. Sesungguhnya kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai tunjang dengan meletaknya sebagai bahasa rasmi negara kelak, termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menyatakan Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Ini adalah satu keperluan yang dibuat atas tanggungjawab kerajaan untuk membangunkan tenaga Malaysia yang akan dapat menjamin kemajuan negara serta bersaing dalam era globalisasi. Keputusan ini dibuat berdasarkan kajian yang mendalam serta perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk kesatuan bukan kerajaan, ahli akademik, bekas pendidik, pengetua dan guru.

Pelaksanaan PPSMI ini tidak bermaksud semua sekali kita meminggirkan penggunaan bahasa kebangsaan. Bahasa Kebangsaan tetap menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan sebagai mana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996. Bahasa Kebangsaan masih digunakan sebagai Bahasa Pengantar dalam semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran Sains dan Matematik. Jika ini adalah di peringkat sekolah rendah, sekolah kebangsaan 61% dari jumlah waktu pengajaran di sekolah diajar menggunakan Bahasa Pengantar Bahasa Kebangsaan dan 39% dalam Bahasa Inggeris. Ini tidak termasuk waktu kokurikulum yang turut dilaksanakan dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Bahasa Malaysia amat jelas dan digunakan dalam segala urusan rasmi negara. Sehubungan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan yang mendukung komitmen kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan semua pihak mematuhi apa-apa yang telah digariskan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1995 seperti menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan termasuklah memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan dan pengawasan.

■1740

Sebagai sebuah agensi yang berfungsi untuk memperkembangkan Bahasa Kebangsaan bukan sahaja kepada sektor awam tetapi swasta. Berbagai-bagai kaedah telah digunakan

termasuklah melalui pengukuhan dasar bahasa, perkhidmatan, pemantauan, penyebaran, pemupukan dan pengantaraan bahasa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Antara langkah yang diambil untuk memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul dalam kalangan sektor swasta termasuklah pengukuhan jawatankuasa penjelasan, pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sektor swasta pada 1996 yang bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pihak swasta yang dianggotai oleh semua pengerusi dan ketua pegawai eksekutif syarikat, persatuan, pertubuhan dan ketua pengarah agensi kerajaan.

Melalui jawatankuasa ini kempen gerakan Bahasa Kebangsaan sektor swasta telah dilancarkan pada tahun 1996. GBKS ini bertujuan untuk membina kesedaran dan mewujudkan budaya berbahasa Kebangsaan dalam kalangan pengguna bahasa khususnya sektor swasta. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya ialah aktiviti perbahasan, kursus-kursus bahasa dan pengiktirafan kepada karyawan sektor swasta telah diadakan. Di samping itu DBP juga melaksanakan pemantauan dalam pelbagai media.

Berdasarkan pemantauan ini DBP akan memberikan teguran kepada pihak swasta agar menyedari kesalahan bahasa. Bulan bahasa dan sastera negara yang dilaksanakan pada bulan September setiap tahun juga dilihat sebagai usaha dan komitmen kerajaan dalam menyebarkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor swasta. Berhubungan dengan kurikulum kelas peralihan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia memang melaksanakan semakan terhadap kurikulum.

Sebarang cadangan penambahbaikan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diteliti dan dikaji kesesuaiannya sebelum melakukan sebarang perubahan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila.

HARGA BARANG NAIK EKORAN KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM

5.43 petang

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman spekulasi kenaikan gaji kakitangan awam baru-baru ini telah meningkatkan harga barang. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini telah membenarkan kenaikan harga tepung sebanyak 15 sen. Pihak kementerian memberikan jaminan akan mengawal kenaikan harga roti canai dan capati, tetapi tiada jaminan bahawa saiz dan berat roti canai tidak akan dikurangkan. Kenaikan harga barangan lain seperti harga minyak sawit juga akan menjadi satu kenyataan.

Tidak lama dahulu kenaikan harga petrol sebanyak 30 sen seliter telah pun menyebabkan kos pengangkutan meningkat dan kos harga barang juga meningkat. Kenaikan

harga barang mentah ini akan mewujudkan untaian kenaikan harga barang-barang yang lain. Kadar tarif air, elektrik dan tol juga dinaikkan dengan persetujuan oleh pihak kerajaan. Sumber BERNAMA pada 14 Mei 2007 telah menjelaskan bahawa harga barangan harian seperti sardin, Nescafe dan milo serta lain-lain barangan asas telah naik antara 5% hingga 10%. Umpamanya milo tin bersaiz 1.5 kilogram yang dicadangkan pengilang adalah RM22.75 berbanding RM21.50 sebelum 15 Mac yang lalu sementara bagi pek bersaiz 400 gram naik dari RM6.06 kepada RM6.40.

Susu tin berjenama F&N jenis krimer manis 500 gram naik 20 sen setin kepada RM2.40 sejak 1 April yang lalu sementara Nescafe pek bersaiz 100 gram naik 20 sen kepada RM6.70. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama pihak pemerintah masih berdolak-dalik dalam mengemukakan alasan untuk tidak mendedahkan kandungan perjanjian konsesi tol dan perjanjian penswastan air meskipun telah didesak oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk pihak TI sendiri. Tender pemberian kontrak kerajaan pula masih dibuat secara tertutup. Kegiatan pemborong yang menyorok barang-barang tidak diambil tindakan. Dalam krisis gula tempoh hari, pihak kementerian nampaknya semacam dipermain-mainkan oleh pihak pemborong.

Rakyat sendiri sudah pun muak dengan kegagalan kerajaan untuk membentuk satu mekanisme terbaik dan berkesan bagi membendung kenaikan harga barangan ini. Momokan inflasi sifar yang pernah dilaung-laungkan dulu nampaknya sudah berkubur tanpa nisan. Saya dengan ini menyarankan kepada satu langkah jangka pendek, satu tribunal khas yang dianggotai oleh pelbagai pihak termasuk ahli akademik, persatuan pengguna dan Ahli Parlimen diwujudkan bagi mengkaji, mengawal dan mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga-peniaga songsang ini.

Sebagai langkah jangka panjang pihak pemerintah seharusnya bertindak bagi mewujudkan satu kerajaan yang boleh berdikari, *self sustain government* dengan memberikan keutamaan kepada sektor makanan, perubatan dan barangan harian. Kerajaan yang berdikari ini harus mampu menghasilkan barangan makanan sendiri tanpa penggantungan kepada negara luar bagi membendung kenaikan harga barangan yang terpaksa diimport seperti gandum dan kacang soya, seharusnya tribunal khas ini membuat semakan setiap tahun untuk mengesan kos yang meningkat supaya satu tindakan yang dapat dibuat bagi menyerapkan kos yang perlu berbanding kenaikan harga barang yang dibuat secara mendadak sehingga boleh memberi kesan kepada pengguna dan rakyat keseluruhannya.

Penubuhan sebuah GLC khusus untuk mengatasi masalah pemborong akan dapat mengatasi monopoli barangan dan sekali gus dapat mengatasi isu kenaikan harga barangan ini. Pemborong sedia ada sekarang ini hendaklah bernaung di bawah GLC ini dan dengan itu GLC dapat mengesan sebarang tindakan menyorok barang dan tindakan spekulator yang bertujuan untuk mendesak kerajaan menaikkan harga barang. Saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dari kementerian, sila.

5.47 petang

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang menyentuh berkenaan spekulasi kenaikan gaji dan kenaikan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandang serius ke atas isu kenaikan harga barangan dan sentiasa mengambil langkah-langkah berterusan bagi memastikan harga barangan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya dan seterusnya meletakkan kuasa membeli pengguna.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sebarang pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam oleh kerajaan akan menyebabkan kerisauan di kalangan orang ramai terhadap kenaikan harga barangan di pasaran. Kementerian telah menjangkakan bahawa isu ini akan timbul. Oleh itu kementerian telah bersedia dalam menghadapi situasi ini dan sentiasa menjalankan tindakan pemeriksaan dan pemantauan di atas harga dan bekalan khususnya barangan kawalan dan barang keperluan supaya bekalan sentiasa mencukupi pada harga yang berpatutan. Selaras dengan itu kementerian telah menjalankan operasi yang dinamakan Ops Gaji, di mana pemeriksaan secara menyeluruh meliputi kawasan bandar dan luar bandar telah dilakukan.

Mulai daripada 21 Mei 2007 hingga 20 Jun 2007, sebanyak 110,700 premis perniagaan telah pun diperiksa di mana sebanyak 89,630 premis perniagaan di bandar dan 21,070 premis di luar bandar. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 451 kes telah dihasilkan iaitu 291 kes di bawah Akta Kawalan Harga 1946, 49 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, 4 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, 6 kes di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1959 dan 91 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Jumlah nilai rampasan yang dikenakan adalah sebanyak RM217,946,90 dan nilai kompaun yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM164,530 dan hasil daripada Ops Gaji ini juga didapati bahawa aduan mengenai kenaikan harga telah pun dikurangkan.

■1750

Masyarakat juga mulai sedar bahawa mereka boleh menggunakan semua bentuk saluran untuk mengadu jika ada masalah. Sehubungan dengan itu, kementerian telah pun menubuhkan bilik gerakan khas ataupun *call center* bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasa lagi sistem pemantauan dan penguatkuasaan, kementerian juga telah menubuhkan pasukan petugas khas mengenai kenaikan harga barangan

di mana keahlian terdiri daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Matlamat pasukan petugas khas ini adalah bagi mengambil tindakan secara bersepadu dalam menangani kenaikan harga barangan di pasaran berdasarkan kepada bidang kuasa masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kementerian juga telah mengadakan perbincangan persefahaman dengan pengeluar, pengimport, pemborong dan pengusaha-pengusaha *supermarket* dan *hypermarket* serta kumpulan yang terlibat dengan penawaran dan pemasaran barangan kepada pengguna di negara ini. Melalui pertemuan yang diadakan, kementerian menasihatkan industri yang terlibat supaya tidak mengenakan harga yang tinggi atau menaikkan harga barangan malah bekerjasama menyertai kempen menurunkan harga. Sebagai contoh melalui kempen penurunan harga kementerian dengan kerjasama *hypermarket* misalnya, enam *hypermarket* utama telah bersetuju menurunkan harga barangan di antara 5% hingga 35% bagi tempoh dari bulan Mei 2007 hingga Disember 2007. Penurunan harga ini melibatkan antara 500 hingga 10,000 jenis produk. Pada keseluruhannya, keenam-enam *hypermarket* ini ada menyumbang penurunan harga sebanyak lebih kurang RM109 juta dalam tempoh tersebut. Ini menunjukkan bahawa tanpa mengenakan harga yang tinggi, peniaga masih boleh meraih keuntungan.

Oleh yang demikian berdasarkan kepada langkah-langkah yang diambil, kementerian berasa yakin bahawa kadar inflasi negara kita berjaya dikawal iaitu berada di paras 2% hingga 2.5% untuk sepanjang tahun 2007 ini. Sasaran ini boleh dicapai mengenangkan Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan arah aliran yang menurun pada enam bulan yang pertama tahun ini. Bagi tempoh Januari hingga April 2007 berbanding dengan Januari hingga April 2006, kadar IHP adalah pada 2.4% dan IHP bagi bulan April 2007 pada aras 1.5%.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum terhadap cadangan supaya diwujudkan satu tribunal khas bagi menangani masalah kenaikan harga barangan dan saranan penubuhan sebuah GLC bagi semua pemborong bernaung. Begitu juga saya ingin menjelaskan di sini bahawa kementerian mempunyai perundangan dan sumber penguatkuasaan yang mencukupi bagi menangani masalah yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Oleh itu, cadangan penubuhan tribunal khas bukanlah salah satu keperluan mendesak pada masa ini. Kementerian melalui Bahagian Penguat Kuasa masih mampu menjalankan tugas dengan berkesan bagi menangani kenaikan harga barangan.

Di pasaran, juga diingatkan bahawa bukan semua barangan boleh dikawal harganya. Terdapat barang-barang di mana harganya ditentukan oleh kuasa pasaran iaitu oleh kuasa permintaan dan penawaran. Bagi barangan yang dikawal harganya, kementerian akan berterusan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengelakkan penyelewengan.

Mengenai masalah monopoli seperti yang dibangkitkan, suka saya menyatakan di sini bahawa Malaysia akan mempunyai undang-undang perdagangan adil dalam tempoh yang terdekat ini. Pada masa ini, rang undang-undang ini masih lagi di dalam peringkat penggubalan. Apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, *abuse of monopoly position* dengan izin adalah merupakan salah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Oleh yang demikian, cadangan menubuhkan GLC bagi menaungi pemborong perlulah dikaji dengan lebih mendalam kerana ianya kelak akan mendorong kepada pembentukan kuasa monopoli pasaran. Namun begitu, pihak kementerian sentiasa bersedia meneliti sebarang idea penambahannya kepada sistem yang ada kerana yang penting, pengguna perlu dilindungi daripada penyelewengan harga dan pada masa yang sama peniaga diberi ruang yang sewajarnya untuk maju dan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian kerana membahaskan isu bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan saya berharap jawapan yang diberikan telah membantu memperjelaskan isu-isu yang dibangkitkan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Hari ini hari Khamis, saya ucapkan selamat pulang ke kawasan. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini di tangguh sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 25 Jun 2007. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang.